

PARLIMEN KESEMBILAN

PENGGAL KEEMPAT

MESYUARAT KETIGA

Jilid IV

Bil. 56

Hari Rabu

11 November 1998

K A N D U N G A N

JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Ruangan)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 1999 (Ruangan)

Jawatankuasa:

Jadual-

**Maksud B.1, B.2, B.3, B.4, B.5, B.6, B.7, B.8, B.9, B.10
B.11, B.12, dan B.13. (Ruangan)**

Maksud B.14, B.15 dan B.16 (Ruangan)

USUL:

Anggaran Pembangunan 1999 (Ruangan)

Jawatankuasa:

Maksud P.7 dan P.8 (Ruangan)

Maksud P.14 dan P.16 (Ruangan)

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tun Mohamed Zahir bin Haji Ismail, S.S.M., P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Dalam Negeri dan Menteri Kewangan I, Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.(Brunei), D.K.(Perlis), D.K.(Johor), D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P. (Sarawak), D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.M.N., P.I.S. (Kubang Pasu)

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik, D.G.S.M., S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis)

“ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., DPMS, PCM, AMN (Sungai Siput)

“ Menteri Perusahaan Utama, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, D.G.P.N, S.P.M.P., D.P.C.M. (Beruas)

“ Menteri Tugas-tugas Khas, Tun Daim Zainuddin, S.S.M., S.P.M.S., D.H.M.S., S.S.A.P.)

“ Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Leo Moggie anak Irok, P.N.B.S. (Kanowit)

“ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., S.P.M.T., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)

“ Menteri Pertanian, Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)

“ Menteri Pendidikan, Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan)

- “ Menteri Penerangan, Datuk Seri Mohamed bin Rahmat, D.G.S.M., S.P.M.J., S.I.M.P., S.P.D.K., S.S.S.A., S.P.M.T., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulai)
- “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Seri Sabbaruddin Chik, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh)
- “ Menteri Sumber Manusia, Dato’ Lim Ah Lek, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang)
- “ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)
- “ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.S., D.P.M.P. (Gopeng)
- “ Menteri Pertahanan, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)
- “ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ Haji Annuar bin Haji Musa, S.I.M.P. (Peringat)
- “ Menteri Luar Negeri, Dato’ Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas)
- “ Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Dato’ Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., S.M.J., P.S.I., B.S.I. (Pagoh)
- “ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Gombak)

- “ Menteri Kesihatan, Dato’ Chua Jui Meng, S.I.M.P, S.M.J, P.I.S (Bakri)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T (Sik)
- “ Menteri Pembangunan Usahawan dan Menteri Kewangan II, Dato’ Mustapa bin Mohamed, D.P.M.S. (Jeli)
- “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Megat Junid bin Megat Ayob, S.P.D.K., S.P.M.P., D.P.M.K., D.S.S.A, D.S.A.P., D.P.CM., A.M.P., A.M.K (Pasir Salak)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Ampang Jaya)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin, P.G.D.K (Kinabatangan)
- “ Timbalan Menteri Kesihatan, Dato’ Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman, D.I.M.P. (Paya Besar)
- “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato’ Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
- “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Railey bin Haji Jaffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato’ Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)
- “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.B.K., J.B.S. (Mukah)
- “ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato’ Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
- “ Timbalan Menteri Penerangan, Dato’ Drs. Suleiman bin Mohamed, D.P.M.S. (Titawangsa)

- “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Teng Gaik Kwan, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.B.S., A.B.S. (Miri)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik)
- “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato’ Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Kerk Choo Ting, D.P.M.P. (Taiping)
- “ Timbalan Menteri Pertanian, Dato’ Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor, S.P.M.T., D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Wong See Wah, D.S.N.S. (Rasah)
- “ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)
- “ Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Dato’ Chan Kong Choy, D.S.A.P., .D.P.M.S. (Selayang)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Ong Ka Ting D.P.M.P. (Pontian)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ K. Kumaran, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tapah)

- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Dr. Affifudin bin Haji Omar, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Ibrahim bin Saad, D.M.S.M. (Tasek Gelugor)
- “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato’ Abu Bakar bin Daud, D.S.M.T., D.S.A.P., D.P.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu)
- “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam, D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato’ S. Subramaniam, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat)
- “ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Goh Cheng Teik (Nibong Tebal)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Dato’ Idris bin Jusoh, P.J.K. (Besut)
- “ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Dato’ Hishamuddin bin Tun Hussein, D.P.M.J. (Tenggara)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato’ M. Mahalingam, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang)

- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Mohd. Noh bin Rajab, D.S.N.S. (Tampin)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Datuk Douglas Uggah Embas, A.B.S., P.B.S. (Betong)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Tuan Yong Khoon Seng (Padawan)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas, P.M.P., A.M.P. (Parit)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Othman bin Abdul, D.S.S.A., A.M.P., P.P.T. (Pendang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato’ Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Dato’ Chor Chee Heung, D.S.D.K. (Alor Setar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria (Jerantut)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato’ Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Langkawi)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)

- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Dato’ Shahrizat binti Abdul Jalil, D.I.M.P. (Lembah Pantai)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Tuan G. Palanivel, P.J.K. (Hulu Selangor)
- “ Datuk Abdol Mulok bin Haji Awang Damit (Labuan)
- “ Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin (Muar)
- “ Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Jasin)
- “ Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)
- “ Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)
- “ Tuan Abdul Rahin bin Dato’ Mohd. Said (Kuala Nerus)
- “ Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman, S.S.A., A.M.N., A.M.S., A.M.P., A.D.K. (Parit Buntar)
- “ Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan)
- “ Datuk Abu Seman bin Haji Yusof, D.M.S.M., J.P., B.K.T. (Alor Gajah)
- “ Dato’ Haji Abu Zahar bin Dato’ Nika Ujang, D.S.N.S., A.M.N. (Kuala Pilah)
- “ Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
- “ Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok)
- “ Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman (Libaran)
- “ Tuan Amihamzah bin Ahmad (Lipis)

- “ Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
- “ Dato’ Seri Anwar bin Ibrahim, S.P.M.P., S.P.C.M., S.S.A.P., D.U.P.N., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N. (Permatang Pauh)
- “ Raja Dato’ Ariffin bin Raja Sulaiman, D.S.D.K., S.M.S. (Baling)
- “ Tuan Asmat Nungka (Beluran)
- “ Dato’ Haji Badruddin bin Amiruldin, D.S.D.K., B.K.M., P.J.K. (Yan)
- “ Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, A.S.A. (Hulu Langat)
- “ Tuan Billy Abit Joo (Hulu Rajang)
- “ Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob (Bachok)
- “ Tuan Chang Kon You (Ipoh Timor)
- “ Tuan Chang See Ten (Gelang Patah)
- “ Che Ibrahim bin Mustafa, P.J.K. (Sungai Petani)
- “ Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
- “ Tuan Chiew Chiu Sing (Bintulu)
- “ Dato’ Joseph Chong Chek Ah, D.S.P.N. (Batu)
- “ Puan Chua Soon Bui (Tawau)
- “ Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab)
- “ Tuan Hamzah bin Ramli (Sri Gading)
- “ Dato’ Haji Hanafi bin Ramli, D.S.D.K., S.M.S., K.M.N., A.M.K., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Jerlun)

- “ Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- “ Tuan Haji Hashim bin Jasin (Arau)
- “ Tuan Henrynus Amin, A.D.K. (Kinabalu)
- “ Dato’ Hew See Tong, D.P.M.P., J.P., P.M.P. (Kampar)
- “ Tuan Ho Cheong Sing, A.M.N. (Ipoh Barat)
- “ Dato’ Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
- “ Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
- “ Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood (Kuala Krai)
- “ Tuan Ibrahim bin Patch Mohamad (Tanah Merah)
- “ Puan Hajah Ilani binti Dato’ Haji Isahak (Kota Bharu)
- “ Tuan Jacob Dungau Sagan, P.P.B. (Baram)
- “ Dato’ Jamaluddin bin Adnan (Kuala Selangor)
- “ Dato’ Dr. Haji Jamaluddin bin Dato’ Mohd. Jarjis, D.I.M.P., S.A.P. (Rompin)
- “ Tuan James Jimbun Anak Pungga, P.B.S. (Kapit)
- “ Tuan Jawah Anak Gerang (Lubok Antu)
- “ Tuan Jimmy Lim @ Jimmy Donald (Sri Aman)
- “ Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh (Selangau)
- “ Datuk Seri Joseph Pairin Kitingan, P.G.D.K., P.N.B.S., S.S.A.P., S.P.D.K. (Keningau)

- “ Dato’ Dr. Kamal bin Salleh, D.S.P.N., K.M.N., P.K.T., J.M.N.
(Wangsa Maju)
- “ Tuan R. Karpal Singh (Jelutong)
- “ Dr. L. Krishnan, P.M.C., A.M.N. (Telok Kemang)
- “ Datuk Lau Ngan Siew, A.D.K. (Sandakan)
- “ Dr. Lee Chong Meng (Bukit Bintang)
- “ Dr. G. Leelavathi, A.M.N. (Kapar)
- “ Tuan Liew Ah Kim (Seputeh)
- “ Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka)
- “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
- “ Tuan Lim Kit Siang (Tanjong)
- “ Tuan Vincent Lim Kuo Phau (Petaling Jaya Utara)
- “ Puan Lim Lay Hoon, P.P.N., B.K.M. (Padang Serai)
- “ Tuan Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
- “ Datuk Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
- “ Dato’ Haji Mahbud bin Haji Hashim, D.S.S.A., A.S.A., P.J.K.
(Sabak Bernam)
- “ Tuan Mansor bin Masikon (Batu Pahat)
- “ Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
- “ Tuan Md. Isa bin Sabu (Kangar)
- “ Tuan Michael Lisa Kaya, B.B.S. (Bukit Mas)

- “ Tuan M. Kulasegaran a/l V. Murugeson (Teluk Intan)
- “ Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Kubang Kerian)
- “ Tuan Haji Mohamed bin Haji Abdullah (Pasir Puteh)
- “ Tuan Mohamed Khaled bin Nordin P.I.S. (Johor Bahru)
- “ Datuk Mohd. Salleh bin Tun Said, P.G.D.K. (Kota Belud)
- “ Dato’ Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Larut)
- “ Tuan Mokhtaruddin bin Wan Yusof (Dungun)
- “ Tuan Haji Mustafa bin Muda, A.M.N., A.M.T., P.P.N., P.J.K. J.P. (Hulu Terengganu)
- “ Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah (Pengkalan Chepa)
- “ Tuan Haji Noh bin Omar, P.J.K. (Tanjong Karang)
- “ Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi (Balik Pulau)
- “ Datuk Nurnikman bin Abdullah (Beaufort)
- “ Datuk Osu bin Haji Sukam, P.G.D.K. (Papar)
- “ Dr. Patau Rubis, P.B.S. (Mas Gading)
- “ Tuan Paul Nointien, A.D.K. (Penampang)
- “ Datuk Philip Yong Chew Lip, A.D.K. (Gaya)
- “ Dato’ Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai)
- “ Tuan Radin Malleh (Tenom)
- “ Dr. Ramli bin Taib (Kemaman)
- “ Mulia Tan Sri Tengku Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)

- “ Tuan Richard Riot Anak Jaem (Serian)
- “ Tuan Robert Lau Hoi Chew (Sibu)
- “ Puan Rohani binti Haji Abd. Karim, P.P.B. (Santubong)
- “ Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad, P.I.S. (Parit Sulong)
- “ Dato’ Salamon bin Selamat, D.P.M.S., S.S.A., A.M.S., P.J.K. (Shah Alam)
- “ Dr. Sanusi bin Daeng Mariok (Rantau Panjang)
- “ Puan Seripah Noli binti Syed Hussin (Sepang)
- “ Cik Siti Zainab binti Abu Bakar, S.M.J. (Tebrau)
- “ Datuk S’ng Chee Hua, D.S.N.S., P.G.D.K. (Julau)
- “ Datuk Song Swee Guan, P.G.D.K. (Bandar Kuching)
- “ Cik Sukinam Domo (Batang Sadong)
- “ Dato’ Haji Sukri bin Haji Mohamed, D.J.M.K., J.P. (Machang)
- “ Dr. Tan Chong Keng (Bukit Mertajam)
- “ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
- “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
- “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
- “ Dr. Tan Yee Kew (Kelang)
- “ Tuan Tiong Thai King (Lanang)
- “ Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman, B.K.M. (Pokok Sena)
- “ Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.B.S. (Batang Lupar)
- “ Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat)
- “ Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
- “ Dato’ Yap Pian Hon, D.M.P.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
- “ Dr. Yap Yit Thong, A.M.P., A.M.N. (Lumut)
- “ Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
- “ Tuan Yeong Chee Wah (Batu Gajah)

- “ Tuan Yunof Edward Marinking (Tuaran)
- “ Tuan Yunus bin Rahmat (Jelebu)
- “ Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, P.G.D.K., A.D.K. (Sipitang)
- “ Tuan Zainal Abidin bin Osman (Mersing)
- “ Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor, S.M.K. (Pasir Mas)
- “ Dato’ Haji Zakaria bin Mohd. Said, D.S.D.K., S.M.K., K.M.N., P.J.K. (Kuala Kedah)

DEWAN RAKYAT**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

- Setiausaha Dewan Rakyat : Datuk Mohd. Salleh bin Haji Hassan,
P.S.D., J.S.D., K.M.N.
- Ketua Penolong Setiausaha : Zamani bin Haji Sulaiman
: Haji Mustakin bin Selamat
- Penolong Setiausaha : Nor Hayatee binti Abdullah
: Haji Mustafa bin Abdul Rahman
: Ruhana binti Abdullah

CAWANGAN DOKUMENTASI

- Pegawai Penerbitan : Azhari bin Hamzah
: Monarita binti Mohd. Hassan
- Pelapor Perbahasan Parlimen : Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N.
: Hajah Supiah binti Dewak
: Mohd Saleh bin Mohd. Yusop

: Mohamed bin Osman
: Hajah Norishah binti Mohd. Thani
: Shamsina binti Janor

: Nora'ini binti Hetam
: Ramlah binti Mohd. Yusuff
: Miskiah binti Hassan
- Pembaca Pruf : Abu Bakar bin Hasan

CAWANGAN BENTARA

- Bentara Mesyuarat: : Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali
: Mejar (B) Zakaria bin Salleh

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Rabu, 11 November 1998

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

D O A

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI
PERTANYAAN-PERTANYAAN

KORIDOR RAYA MULTIMEDIA (MSC)
PERKEMBANGAN DAN PELABURAN

1. **Tuan Chan Kon You [Ipoh Timur]** minta Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia menyatakan:-

- (a) tahap perkembangan Koridor Raya Multimedia (MSC); dan
- (b) bilangan Syarikat Teknologi Maklumat yang melabur di MSC.

Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia [Dato' Chan Kong Choy]: Tuan Yang di-Pertua, soalan mengenai perkembangan MSC telah pun dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kemaman dan jawapannya telah pun saya sampaikan di Dewan yang mulia ini pada 3 November 1998.

Mengenai bilangan Syarikat Teknologi Maklumat yang melabur di MSC setakat 6 November 1998, kesemua 186 syarikat yang telah diberi status MSC adalah terdiri dari Syarikat Teknologi Maklumat dan dalam pada itu 19 syarikat berkenaan telah pun menempatkan pejabat mereka di Cyber Jaya.

Tuan Hoo Seong Chang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan syabaslah kepada kementerian kerana Koridor Raya Multimedia dapat dijalankan dengan lancar. Seperti yang dikatakan

oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, antara 186 diluluskan oleh kementerian, dan ingin saya tahu berapa syarikat dari negara kita dan berapa dari negara luar dan apakah cara yang patut dipenuhi sebelum kementerian meluluskan syarikat-syarikat yang dimohon ini. Sekian, terima kasih.

Dato' Chan Kong Choy: Minta Tuan Yang di-Pertua, saya minta Yang Berhormat ulangi.

Tuan Hoo Seong Chang: Apa syarat yang harus dipenuhi oleh syarikat-syarikat yang memohon status ini? Sekian, terima kasih.

Dato' Chan Kong Choy: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mempunyai angka yang tepat mengenai peratusan atau berapa buah syarikat yang diluluskan ini adalah terdiri daripada luar negeri, joint venture atau syarikat tempatan. Lebih kurang 35% hingga 40% daripada syarikat yang diluluskan ini adalah terdiri daripada syarikat dari luar negeri. Ada 40% syarikat tempatan dan 20% secara joint venture dengan izin, antara luar negeri dengan syarikat tempatan.

Tentang apa syarat untuk sesuatu syarikat sebelum mereka mengemukakan permohonan supaya dapat diberikan status MSC, ini semua boleh didapatkan dalam laman web MDC. Walau bagaimanapun, yang penting sekali syarikat berkenaan mesti menjalankan aktiviti yang ada kaitan dengan teknologi maklumat dan antara jumlah pekerja daripada syarikat ini, sesuatu percentage mestilah terdiri daripada knowledged worker. Dan selain daripada itu kalau syarikat ini adalah berasal dari luar negeri, ia mesti menunjukkan kepada pihak kerajaan bahawa dia rela untuk memindah teknologinya kepada syarikat tempatan. Ini adalah merupakan beberapa faktor ataupun syarat yang penting bagi mereka untuk diberikan status MSC.

Dato' Hon Choon Kim: Terima kasih, soalan tambahan. Berdasarkan kepada jawapan Yang Berhormat Dato' tadi bahawa cuma terdapat 19 buah syarikat yang telah lulus itu, yang telah menempatkan pejabat mereka di MSC ini. Jadi saya ingin hendak tanya, apa masalah sebenarnya, masih begitu banyak syarikat walaupun telah diluluskan tetapi masih belum bermula untuk menempatkan pejabat mereka di kawasan MSC. Apa masalahnya? Sila menjelaskan.

Dato' Chan Kong Choy: Tuan Yang di-Pertua, antara 186 buah syarikat yang telah pun diberikan kedudukan MSC, antaranya adalah yang belum siap sedia untuk operasi. Ini merupakan keadaan yang pertama. Dan selain daripada 19 buah syarikat yang telah pun menempatkan diri ataupun menempatkan di Cyber Jaya, yang lain adalah terdapat di Teknologi Park dan UPM dan ada didapati di KLCC (Kuala Lumpur City Centre). Ketiga-tiga tempat ini adalah dibenarkan di bawah syarat yang diluluskan oleh pihak MDC. Selain daripada itu perkembangan di Cyber Jaya ini masih berterusan dan saya yakin bahawa bila sampai satu masa di mana pembangunan yang dirancangkan di Cyber Jaya ini dapat dilaksanakan dengan sepenuhnya lebih banyak syarikat dapat berpindah ke Cyber Jaya.

**ALAT PEMADAM API DAN PAM AIR DI RUMAH
KEDIAMAN PERSENDIRIAN DI SARAWAK –
PERBEKALAN**

2. **Tuan Joseph Mauh anak Ikeh [Selangau]** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan mengapakah kementerian tidak ada peruntukan untuk membekalkan alat-alat pemadam api (fire extinguisher) dan pam air (water pump) kepada rumah-rumah panjang dan kampung-kampung di luar bandar di Sarawak yang jauh dari balai bomba memandangkan banyak kediaman tersebut telah dimusnahkan oleh api atau kebakaran musim kemarau.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Peter Chin Fah Kui]: Tuan Yang di-Pertua, pembekalan alat pemadam api dan pam air kepada rumah-rumah kepunyaan persendirian adalah terkeluar dari kemampuan kementerian ini. Wakil-wakil rakyat mungkin hendak menimbangkan pemberian ini daripada peruntukan masing-masing dalam kawasan masing-masing. Jabatan Bomba dan Penyelamat boleh membantu memberi latihan cara pemadaman yang bersesuaian.

Walau bagaimanapun, kementerian ini melalui Jabatan Bomba dan Penyelamat membekalkan pam angkut kepada Pasukan Bomba Sukarela. Ini berasaskan luasnya kawasan atau ramainya komuniti awam yang akan menerima khidmat dan kemudahan ini. Sekian.

Tuan Chiew Chiu Sing: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Di Kuala Lumpur bangunan-bangunan tinggi semua dilengkapi dengan peralatan pencegahan kebakaran yang canggih seperti, dengan izin, fire extinguishers, hoses, fire alarms, sprinklers dan lain-lain. Tidak patutlah rumah panjang di Sarawak langsung tidak ada peralatan-peralatan ini. Adakah kementerian membuat kajian untuk memastikan berapakah jumlah peruntukan sebenar yang diperlukan untuk melengkapkan rumah-rumah panjang dan rumah-rumah kampung dengan peralatan pencegahan kebakaran dan pam air. Ini memang tidak banyak, kalau tidak banyak mengapakah.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, apakah soalan itu?

Tuan Chiew Chiu Sing: Soalannya ialah adakah kementerian membuat kajian untuk memastikan berapa jumlah peruntukannya?

Datuk Peter Chin Fah Kui: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bangunan bertingkat yang ada di Kuala Lumpur ini mempunyai alat-alat pemadam api yang canggih dan sebagainya, ini disebabkan kita masukkan di dalam syarat apabila bangunan-bangunan ini dibina dan ini dibekalkan oleh tuan punya bangunan itu, bukan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat.

Saya hendak jelaskan di sini, maksud saya ialah rumah kepunyaan persendirian, sebab itu kita tidak dapat membekalkan alat-alat pemadam api sebab kalau kita hendak buat macam ini, maklumlah, kalau setiap rumah hendak minta alat-alat pemadam api, macam mana kemampuan jabatan ini untuk membekalkan alat-alat ini dan oleh sebab itu maka kita rasa tidak wajar Jabatan Bomba dan Penyelamat berbuat demikian. Kalau rumah panjang atau kampung itu boleh menubuhkan bomba sukarela maka kita boleh timbang.

Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu, saya difahamkan bahawa pasukan sukarela ini memang digalakkan untuk ditubuhkan oleh masyarakat di semua tempat termasuk di

kawasan bandar atau luar bandar. Saya ingin tahu apakah kejayaan setakat ini dipihak jabatan-jabatan bomba seluruh negara dari segi mengesan kawasan-kawasan yang harus dikatakan 'kawasan hitam' di mana kebakaran kerap berlaku dan pasukan bomba sukarela diberikan satu tumpuan khusus untuk penubuhan pasukan-pasukan bomba itu.

Datuk Peter Chin Fah Kui: Tuan Yang di-Pertua, ini memang kita sudah buat. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setiap balai bomba pegawai penyeliaanya perlu menghantarkan laporan kepada Ibu Pejabat Bomba Negeri dan juga seterusnya kepada Ibu Pejabat Bomba di Kuala Lumpur supaya kita boleh merancang mana-mana tempat yang sesuai untuk diletakkan balai bomba yang baru. Kita maklum jugalah walaupun ada cadangan-cadangan seperti ini, masalah yang dihadapi oleh kementerian ini ialah kewangan sebab itulah setiap Rancangan Malaysia yang ada kita hanya mampu untuk membina 15 sampai 20 buah balai bomba dan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh ini kita hanya dapat membina 19 buah dan ini diletakkan di seluruh Malaysia, maka ada jugalah kawasan-kawasan yang wakil-wakil rakyat di sana rasa perlu tetapi apabila minta daripada kementerian ini kita terpaksa menjawab gilirannya belum sampai. Kita sudah masukkan ke dalam list – short listing process. Apabila kita ada kewangan kita cuba membina lebih banyak lagi balai bomba ini.

Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya bertanya berkenaan dengan pasukan sukarela.

Datuk Peter Chin Fah Kui: Ah, minta maaf – Pasukan Bomba Sukarela?

Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak: Ya.

Datuk Peter Chin Fah Kui: Okay, okay. *[Ketawa]* Sorry, saya fikir Ahli Yang Berhormat hendak menyentuh tentang balai bomba. Bomba sukarela ini saya rasa tidak ada masalah, kalau Yang Berhormat boleh cadang kepada saya tempat-tempat yang sesuai untuk ditubuhkan bomba sukarela, kita boleh siasat dan

kita boleh cuba ambil tindakan mana-mana yang sesuai. Yang Berhormat bincang dengan sayalah.

PENYAKIT KENCING MANIS – JUMLAH/PUNCA

3. Puan Seripah Noli binti Syed Hussin [Sepang] minta Menteri Kesihatan menyatakan jumlah kes penyakit kencing manis untuk tempoh lima tahun kebelakangan ini. Adakah benar dakwaan yang mengatakan sejumlah besar pesakit-pesakit yang menghidapi penyakit tersebut adalah berpunca dari air minuman ringan yang mengandungi kadar gula yang tinggi.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Dato' M. Mahalingam]:

Tuan Yang di-Pertua, Diabetes ialah salah satu penyakit kronik di negara ini. Kajian National Health and Morbidity Survey, 1996 mendapati prevalens penyakit ini ialah 8.3% di kalangan penduduk berumur 30 tahun ke atas atau melibatkan 500,000 orang. Bilangan pesakit Diabetes yang didaftarkan di hospital-hospital kerajaan pada tahun 1996 ialah 23,589 orang berbanding dengan 21,872 orang pada tahun 1995. Statistik untuk 5 tahun kebelakangan ini adalah seperti berikut:

Tahun	Jumlah Pesakit
1992	19,621
1993	19,959
1994	20,549
1995	21,872
1996	23,589

Penyakit Diabetes adalah berkaitan dengan metabolisme, karbohidrat, lemak dan protin akibat dari masalah kekurangan atau kelemahan hormon insulin. Terdapat dua jenis diabetes yang utama iaitu Type 1 atau “Insulin Dependent” dan Type II “Non Insulin Dependent Diabetes”.

Ada banyak faktor penyebab diabetes. Antara sebab-sebab tersebut ialah genetik, imunologi, kekurangan pengeluaran insulin dan faktor-faktor

environment seperti pemakanan, kurang aktiviti-aktiviti fizikal, jangkitan virus dan kehamilan.

Mengikut kajian epidemiologi, kaitan antara diabetes dan minuman ringan dengan kadar gula yang tinggi adalah seperti berikut. Pengambilan yang berlebihan minuman ringan atau makanan yang mengandungi kadar gula yang tinggi boleh mengakibatkan seseorang itu menjadi gemuk atau obesity, dengan izin, ditambah dengan dengan keadaan kekurangan melakukan aktiviti fizikal atau senaman boleh meningkatkan risiko untuk mendapat diabetes. Bagi penghidap diabetes pula akan menimbulkan keadaan penyakit mereka sukar dikawal dan boleh mendapat komplikasi. Secara tidak langsung pertambahan bilangan pesakit diabetes mungkin ada kaitan dengan perkara-perkara tersebut.

Tuan Chang See Ten: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya harap Yang Berhormat dapat menerangkan bagaimanakah sambutan orang ramai tentang kempen-kempen cara hidup sihat, kurangkan gula dan lemak yang dilaksanakan oleh Kementerian Kesihatan supaya dapat mengurangkan kes-kes kencing manis, sakit jantung, darah tinggi dan daripada kes-kes yang meningkat adakah ini satu tanda bahawa kempen-kempen yang tersebut tidak mendatangkan kesan-kesan yang diharapkan.

Dato' M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua, negara kita sangat maju dan memang ada orang yang banyak makan makanan yang baik. Oleh itu bila ada orang banyak makan makanan yang baik, tetapi tidak jaga badan memang penyakit diabetes akan bertambah. Berbanding dengan negara seperti Bosnia memang penyakit diabetes sangat kurang. Inilah yang menjadi masalah kepada negara kita. Memandangkan penyakit diabetes merupakan penyakit yang genting dan menjadi faktor risiko kepada penyakit-penyakit yang lain serta membawa kepada keadaan mobiliti dan mortality yang besar di negara ini, Kementerian Kesihatan telah menjalankan kempen cara hidup yang sihat dengan tema utama "Diabetes"

Pada Tahun 1996 dan diikuti dengan ‘Makan Untuk Kesihatan Pada Tahun 1997. Di samping itu Kementerian Kesihatan juga turut menyambut Hari Diabetes Sedunia pada 14 November setiap tahun dan tahun ini buat pertama kali akan menggembelngkan Hari Diabetes Sedunia tersebut menjadi Minggu Kesedaran Diabetes yang bermula dari 14 November hingga 20 November 1998. Sekian, terima kasih.

Dr. Ramli bin Taib:Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita dapati kencing manis adalah satu jenis penyakit yang tidak boleh diubat selama-lamanya mengikut perubatan moden. Hanya kita boleh kawal dengan rawatan tertentu seperti diet, exercise dan juga ubat-ubat yang sesuai. Oleh itu ramai di kalangan rakyat Malaysia yang mengalih kepada ubat-ubat tradisional seperti akar-akar kayu, herba dan lain-lain. Jadi saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sama ada kerajaan menjalankan kajian yang terperinci terhadap ubat-ubat tradisional ini, jika ada apakah hasil-hasilnya. Jika tidak adakah kerajaan bersedia untuk memberitahu gambaran yang sebenarnya kepada masyarakat akan kesan daripada ubat-ubat tradisional ini terhadap penyakit kencing manis.

Dato’ M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan telah melantik Institute Medical Research dengan izin, Lead Agency dengan Forest Research Institute sebagai dua badan yang membuat penyelidikan (research) untuk ubat-ubat tradisional. Semua ubat tradisional herba yang dibuat kajian (research) di institut tersebut termasuklah Tongkat Ali. Penyelidikan ini memakan masa yang panjang dan satu hari nanti kita akan ada pharmaceutical dengan ubat-ubatan tradisional di Malaysia.

KAWALAN KEWANGAN – KESAN TERHADAP PENGEQUALIAN CUKAI

4. **Datuk Lau Ngan Siew [Sandakan]:** minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada “Kawalan Kewangan” yang dilaksanakan oleh kerajaan baru-baru ini ada kesan atau perubahan terhadap pengecualian cukai di bawah

Seksyen 126 Akta Cukai Pendapatan seperti yang diumumkan oleh kerajaan terhadap penghantaran wang dari luar negara ke Malaysia oleh rakyat negara ini.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Wong See Wah]: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya pengecualian cukai pendapatan yang dimaksudkan adalah di bawah Seksyen 127(3)(d) Akta Cukai Pendapatan 1967. Ianya adalah untuk menggalakkan pemastautin membawa balik pendapatan yang diperolehi di luar negara dan telah diumumkan pada 20 Mei 1998 dan berkuat kuasa sehingga 31 Disember 1998. Kerajaan berpendapat bahawa dasar kawalan kewangan tidak akan membawa perubahan terhadap polisi pengecualian cukai yang telah diberikan kerana rakyat Malaysia masih boleh membawa balik mata wang asing bagi menikmati pengecualian cukai tersebut.

Tuan Hoo Seong Chang: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua soalan tambahan. Setelah dasar kawalan kewangan yang telah dilaksanakan oleh kerajaan dan salah satunya ialah penghantaran balik wang daripada negara luar. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memaklumkan kepada Dewan ini jumlah wang yang telah dihantar balik dari negara luar dan mengikut anggaran kerajaan jumlah yang telah dihantar balik ke negara kita ini merupakan berapa peratus dari jumlah sebenar.

Dato' Wong See Wah: Tuan Yang di-Pertua, setakat 7 November 1998 jumlah wang yang telah dibawa balik melalui rancangan ini ialah RM76.6 juta dan jumlah peratus yang telah dibawa balik dari luar negeri tidak dapat diketahui.

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Timbalan Menteri Kewangan kita telah mengadakan satu syarat untuk pengecualian cukai tetapi kita juga ada duit-duit yang lari daripada cukai. Saya ingin tahu sama ada Bank Negara Malaysia dapat memeriksa save deposit box di komersial bank, sebab kita dapati bahawa kita mengesyaki sebab duit-duit haram, orang-orang yang lari dari cukai disimpan dalam save deposit box ataupun duit-duit sabotaj daripada negara-negara luar untuk membantu kumpulan-kumpulan yang hendak menjatuhkan kerajaan ini barangkali dia datang secara cash dan simpan dalam save deposit box. Jadi adakah

Bank Negara mempunyai kuasa demi keselamatan negara dan kerajaan untuk memeriksa save deposit box di dalam komersial bank ini.

Dato' Wong See Wah: Tuan Yang di-Pertua, Bank Negara Malaysia memang mempunyai kuasa dalam peruntukan BAFIA untuk membantu pihak berkuasa dalam penyiasatan kes jenayah.

PENUTUPAN SEKOLAH RENDAH – TINDAKAN KEMENTERIAN

5. **Tuan Robert Lau Hoi Chew [Sibu]** minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) sama ada benarkah Jabatan Pendidikan akan menutup semua sekolah rendah yang mempunyai kurang daripada 100 orang pelajar; dan
- (b) jika ianya benar, dapatkah Menteri Pendidikan menimbang semula keputusan tersebut kerana masih terdapat banyak lagi sekolah-sekolah rendah luar bandar kecil yang mempunyai kurang daripada 100 orang pelajar.

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, jawapan bagi soalan (a) dan (b) penutupan sesebuah sekolah tidak hanya berasaskan pada environment sahaja, keperluan sesebuah sekolah berkenaan kepada masyarakat setempat adalah antara faktor lain yang penting yang diambil kira. Berdasarkan kepada faktor tersebut Kementerian Pendidikan akan terus kekalkan dan sokong sekolah-sekolah tersebut untuk memenuhi keperluan masyarakat tempatan.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya bersimpatilah dengan Yang Berhormat dari Sibu. Kawasan saya ada satu kampung bernama Triso, sekolah rendah ditutup pada tahun 80 an jadi kampung Triso ini completely isolated kalau hendak menyeberang sungai Batang Lupar banyak mati karam. Hendak pergi ke Sebuyau bersekolah. Sampai sekarang budak-budak di sana tidak bersekolah. Tetapi saya tidak tahulah dasar kerajaan. Persoalan saya tidak rlibat dengan itu. Persoalan saya ialah begini, Kerajaan Negeri Sarawak telah menggalakkan sekolah-sekolah integrasi diadakan di seluruh negeri Sarawak iaitu integrasi di antara sekolah menengah dan sekolah

rendah supaya kemudahan seperti asrama, kemudahan sumber, padang permainan, perpustakaan dan bilik sumber boleh diadakan di satu tempat dan mungkin memberi keuntungan pihak kerajaan mengadakan kemudahan-kemudahan, instead of two schools, we have one school, in one place, dengan izin. Jadi pada pandangan saya dasar Kerajaan Pusat masih menggalakkan sekolah ini tidak integrasi berasingan. Adakah perubahan ini akan berlaku dan kalau tidak adakah saranan ini diambil kira.

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, sekiranya Ahli Yang Berhormat dari Batang Lupar boleh memberi maklumat berkenaan dengan sekolah yang ditutup itu yang amat diperlukan oleh masyarakat tempatan, Kementerian Pendidikan akan sedaya-upaya untuk menghidupkan semula sekolah itu demi untuk kepentingan masyarakat tempatan. Ini adalah misi dan tujuan Kementerian Pendidikan.

Berkaitan dengan sekolah integrasi, memang itu adalah rancangan dan tujuan Kementerian Pendidikan supaya kita boleh kumpulkan sekolah-sekolah yang berdekatan supaya mereka ada kemudahan yang sempurna untuk pelajar-pelajar tersebut. Ini adalah berdasarkan kepada sokongan dan keperluan masyarakat setempat. Sekiranya sekolah tersebut tidak mendapat halangan daripada masyarakat tempatan memang Kementerian Pendidikan akan menjalankan projek tersebut.

Tuan Yunus bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Terdapat sekolah di kawasan-kawasan tertentu menjadi pilihan utama ibu bapa dan juga sebahagian daripada pelajar walaupun mereka tidak duduk di dalam kawasan sekolah tersebut. Ini antaranya sebab mengapa terdapat sekolah yang lain menjadi kurang pelajar. Jadi, soalan saya adakah cadangan pihak kementerian untuk memberikan garis panduan dari segi soal penempatan dan juga pendaftaran murid di sekolah-sekolah berkenaan supaya sekolah-sekolah yang terdapat di suatu kawasan itu mempunyai taburan pelajarnya agak sama dan tidak menjadi bebanan kepada satu-satu sekolah yang tertentu, umpamanya terpaksa menampung murid yang begitu ramai di luar daripada kemampuan sekolah itu sendiri. Adakah

kementerian akan melihat bahawa sekolah-sekolah yang mempunyai kurang daripada 100 pelajar itu akan terus diberikan bantuan, sokongan, kemudahan untuk memberikan galakan kepada pelajar-pelajar untuk minat ke sekolah yang berkenaan. Terima kasih.

Datuk Dr. Chan Fong Onn: Tuan Yang di-Pertua, memang adalah dasar Kementerian Pendidikan bahawa pelajar-pelajar yang memasuki sekolah itu mestilah duduk di kawasan berdekatan dengan sekolah tersebut. Namun demikian, pada setiap akhir tahun kita dapat rayuan daripada pihak ibu bapa khususnya rayuan dan disokongi oleh ahli Parlimen, ahli-ahli Dewan yang mulia ini dan kes-kes tersebut kalau Kementerian Pendidikan tidak layan, tidak sokong, Kementerian Pendidikan pun boleh di`criticize` atau dikecam.

Jadi, dalam kes-kes tertentu memanglah kita mesti hormati keperluan ibu bapa dan sungguhpun kita ada tujuan untuk selaraskan dari segi enrolment kepada setiap sekolah, akhirnya sekolah-sekolah yang selalu dipilih masih ada ramai pelajar. Jadi untuk mengatasi masalah tersebut Kementerian Pendidikan akan terus menghantar guru-guru besar yang mempunyai latar belakang atau prestasi yang cemerlang kepada sekolah-sekolah yang agak ke belakang supaya dalam satu masa yang singkat sekolah-sekolah itu boleh dinaikkan dari segi prestasi, dari segi imej dan sebagainya. Akhirnya boleh menarik keyakinan yang lebih daripada pihak ibu bapa.

PROJEK 'KNOWLEDGE WORKERS EXCHANGE' - SAMBUTAN

6. **Puan Lim Lay Hoon [Padang Serai]** minta Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia menyatakan bagaimanakah sambutan terhadap projek yang bernama "Knowledge Workers Exchange" yang di bawah kawalan Malaysia Multimedia Development (MDC).

Dato' Chan Kong Choy: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek 'Knowledge Workers Exchange' dengan izin, dikendalikan melalui anak syarikat MDC iaitu Knowledge Workers Exchange Sendirian Berhad. Setakat ini sambutan terhadap projek ini amatlah menggalakkan. Ianya telah pun berjaya mendapatkan sebanyak 500 pendaftaran. Pada masa sekarang syarikat ini sedang menjalankan program-program pengambilan pekerja untuk beberapa syarikat termasuk melalui beberapa lawatan ke kolej dan universiti.

[Soalan No. 7 - Y.B. Dato' Sng Chee Hua [Julau] tidak hadir]

IMPORT BUAH-BUAHAN DAN SAYUR-SAYURAN - JUMLAH NILAI

8. **Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]** minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) jumlah nilai import sayur-sayuran dan buah-buahan pada tahun ini setakat September 1998 berbanding dengan tempoh yang sama pada tahun 1997; dan
- (b) jumlah penjimatan oleh negara berikutan langkah-langkah Kementerian Pertanian menggalakkan pertanian tempatan dan usaha lain seperti hidroponik dan komersial.

Timbalan Menteri Pertanian [Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor]: Tuan Yang di-Pertua, menurut maklumat terkini negara telah mengimport sebanyak US\$142.2 juta sayur-sayuran dan US\$70.6 juta buah-buahan dari luar negeri di antara bulan Januari hingga Julai 1998, jika dibandingkan dengan tempoh yang sama pada tahun 1997 negara telah mengimport sayur-sayuran sebanyak US\$186.4 juta dan mengimport buah-buahan sebanyak US\$117 juta. Ini membuktikan bahawa import kedua-dua bahan makanan dalam Dolar Amerika sebenarnya telah menurun sebanyak 24% dan 40%.

Dengan penurunan import tersebut negara telah menjimatkan duit US\$44.2 juta dari import sayur-sayuran dan US\$46.4 juta dari import buah-buahan. Sebahagian daripada penjimatan import ini adalah hasil usaha kerajaan untuk menggalakkan pengeluaran makanan negara sejak awal tahun ini.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya, tadi kita bangga, tahniah kepada usaha kerajaan, khususnya kementerian dan usaha untuk mengurangkan import sayur-sayuran dan buah-buahan luar negara. Saya hendak bertanya sedikit tentang dana. Ada dana yang telah ditubuhkan untuk menggalakkan pertumbuhan sayur-sayuran dan buah-buahan tempatan, setakat mana pengeluaran dana-dana ini, sebab apa kita mendengar keluhan petani-petani luar bandar. Peluang dia untuk mendapatkan dana itu ada keluhan agak susah sikit, untuk mereka dapat bantuan dana-dana untuk menggalakkan pertumbuhan buah-buahan tempatan.

Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Rompin, tentang dana untuk membiayai pengeluaran sayur-sayuran dan buah-buahan iaitu pada masa ini Kementerian Kewangan telah pun mengeluarkan dana yang kita namakan Dana Makanan atau 3F - Fund For Food iaitu sebanyak RM700 juta yang diberi pada peringkat pertama dan kira-kira ada baki lagi lebih kurang RM250 juta, manakala RM300 juta lagi akan diberi kepada Pertubuhan Peladang menerusi Bank Pertanian Malaysia.

Memang tidak dinafikan ada sebahagian daripada permohonan untuk mendapatkan dana ini ditolak, tidak mempunyai kelayakan. Sesetengahnya pembohong, langsung tidak menjelaskan tentang kertas kerja yang dibentangkan itu dengan memuaskan. Mereka juga tidak menyediakan tanah untuk cagar. Jadi kalau syarat-syarat tidak cukup, maka saya yakin Bank Negara juga tidak akan meluluskan dan Bank Pertanian salah satu bank yang memberi pinjaman menerusi

Bank Negara juga tidak akan memberi kelulusan kerana pinjaman ini senang, tetapi hendak membayar balik itu yang kita titik beratkan bagi kepentingan masa depan para petani dan peladang kita.

Tuan Md. Isa bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, tahniah kepada kementerian yang dapat menjimatkan wang kita dengan mengurangkan import. Kita dapati bahawa lambakan buah-buahan banyak berlaku di negara ini termasuk baru-baru ini rambutan yang begitu banyak. Dokong mendapat harga yang begitu rendah sekali pada kali ini. 'Dokong' bukan 'dukung'. Buah dokong yang di Pasir Puteh, harga RM2.50 dan selalunya pada kadar RM8.00. Jadi apakah langkah yang dapat diusahakan oleh pihak kementerian Yang Berhormat Dato' Timbalan Menteri untuk mengeksport hasil-hasil ini ataupun untuk menambahkan nilai kepada keluaran hasil pertanian termasuk buah-buahan ini untuk menambahkan pendapatan negara dan juga pendapatan petani?

Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Kangar. Memang Kementerian Pertanian menyedari bahawa telah berlaku lambakan buah-buahan khususnya apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat tadi. Ini adalah disebabkan dengan tidak disedari berlakunya El-Nino, di mana kemarau panjang kerana tabiat buah ini bila ia berbunga, tidak ada hujan, ia tidak gugur, jadi sebab itu boleh dikatakan seluruh negara buah-buahan agak begitu banyak pengeluarannya kerana bunga-bunganya pada satu masa itu sebahagiannya sepatut gugur tetapi tidak gugur. Ini rahmat dari Allah (S.W.T) dan secara tidak langsung pula ia masak serentak di seluruh negara, oleh sebab itu berlaku lambakan sebagaimana Yang Berhormat kata dan sesetengah buah-buahan ini kita tidak boleh proses, seperti dokong, duku kita tidak boleh proses kerana sehingga kini kita belum menemui lagi apa jenis barangan yang boleh dibuat daripada buah-buahan

berkenaan, tetapi durian boleh diproses, begitu juga rambutan dan nangka yang mempunyai nilai-nilai komersial.

Walau bagaimanapun, kita harap oleh kerana ini peristiwa pertama dalam sejarah negara kita, ia masak serentak dan menjadi begitu banyak, maka kementerian berharap pada masa akan datang kita akan cuba mencari jalan supaya kita dapat mengeksport keluar negara. Walau bagaimanapun, negara jiran telah tidak dapat menerima eksport pada tahun ini kerana mereka mengenakan nilai duti import yang agak tinggi. Oleh sebab itu kita sedang berunding dengan pihak-pihak yang berkenaan supaya perkara ini dapat diatasi pada masa akan datang.

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Tuan Yang di-Pertua, point of order, saya ingin bertanya soalan.

Tuan Yang di-Pertua: Bukan point of order, [*Ketawa*] baiklah, apa Yang Berhormat hendak tanya.

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, melawak sahaja. Saya hendak tanya Timbalan Menteri, kalau kita tidak makan buah epal, buah anggur ini, boleh matikah? Kalau tidak mati, hari itu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berucap di Pulau Pinang suruh orang Malaysia memakan buah-buahan tempatan, tetapi selagi Kementerian Pertanian masih import sayur-sayuran dan buah-buahan luar, selagi itulah orang tempatan hendak tanam sayur tidak boleh, saya tanam sayur pun jual tidak laku, FAMA hendak tolong pun tidak boleh. Berhentikan import dalam masa gawat ini, berhenti import buah epal, anggur, sayur-sayuran, beri orang kampung tanam. Kawasan saya tanah cukup luas, tanah Tuan Yang di-Pertua pun luas kita boleh tanam sayur.

Tuan Yang di-Pertua: Bukan pertanyaan, dia buat kenyataan. Ya, hendak jawabkah?

Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa cadangan Yang Berhormat itu dari segi teorinya bolehlah, dari segi praktikal tidak boleh. Kita sebagai sebuah negara pre-enterprise, kita ada syarat-syarat yang mana kita tidak boleh menghalang, tetapi walau bagaimanapun kita cuba menyetarkannya dan apa yang penting pada saya bukan soal kebenaran menghantar masuk, tetapi yang pentingnya ialah sikap rakyat kita sendiri. Rakyat kita kebanyakannya kalau hendak pergi melawat orang-orang sakit di hospital, bawa anggur, epal, hendak bawa betik, katanya nanti sejuk perut pula, kembung perut, hendak bawa nangka katanya nanti sejuk. Pendek kata kita minta Ahli-ahli Yang Berhormat kita pecahkan mental block ini supaya kita utamakan barangan tempatan, pergi hospital bawalah buahan tempatan, FAMA ada menyediakan hamper-hamper yang begitu cantik - beli hamper daripada FAMA dab bawa. Jadi dengan cara itu kita dapat memperbanyakkan kegunaan dan secara langsung kita tidak payah import.

SEKTOR HARTANAH DAN PEMBINAAN - TINDAKAN MEMULIH

9. **Tuan Fu Ah Kiow [Mentakab]** minta Menteri Kewangan menyatakan tindakan-tindakan yang telah dan akan diambil untuk mencergas dan memulih sektor hartanah dan pembinaan. Mengapakah bank tempatan masih enggan memberi pinjaman kepada pembeli rumah.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh]: Tuan Yang di-Pertua, Bank Negara Malaysia telah memperkenalkan langkah-langkah berikut untuk mempercepatkan pembangunan dan memulihkan sektor hartanah dan pembinaan.

- (i) Menubuhkan skim khas perumahan kos rendah dan sederhana dengan jumlah tabungan sebanyak RM2 bilion. Skim ini menyediakan kemudahan pinjaman titian kepada pemaju-pemaju perumahan bagi pembinaan rumah kos

rendah dan sederhana berharga RM150,000 dan ke bawah, pada kadar faedah pinjaman maksimum sebanyak 10% setahun;

- (ii) meliberalisasikan proses permohonan pembiayaan di bawah skim ini dengan membenarkan pemohon berurusan terus dengan institusi perbankan yang berkenaan tanpa mendapat kelulusan daripada Syarikat Perumahan Negara (SPN) terlebih dahulu;
- (iii) mengecualikan pinjaman titian dan pembiayaan akhir bagi tujuan pembinaan dan pembelian rumah dan pangsapuri yang berharga RM250,000 dan ke bawah daripada had 20% bagi pinjaman sektor harta benda meluas (broad properties sector); dan
- (iv) memansuhkan had maksimum margin pembiayaan sebanyak 60% ke atas pinjaman pembelian rumah kediaman berharga melebihi RM150,000, rumah kedai berharga melebihi RM300,000 dan pembelian tanah bagi apa juga tujuan. Dengan pemansuhan ini institusi perbankan bebas menentukan margin pembiayaan yang bersesuaian berdasarkan penilaian kredit yang dilaksanakan dalam meluluskan pinjaman bagi pembelian rumah kediaman, rumah kedai dan tanah tanpa mengira harga.

Langkah-langkah yang diambil telah menampakkan kesan positif, bagi Januari - September 1998 jumlah pinjaman belum jelas (outstanding loan) sistem perbankan telah mengalami penurunan sebanyak RM5.4 juta atau 1.28%. Namun demikian, pinjaman kepada sektor harta benda meluas (broad properties sector) telah mengalami peningkatan sebanyak RM6 juta atau 4.3% kepada RM146.9 juta

atau 35% daripada jumlah pinjaman. Pinjaman kepada sektor perumahan telah meningkat sebanyak RM3.7 juta atau 11.6% kepada RM35.9 juta dalam jangka masa yang sama.

Tuan M. Kulasegaran: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen memberitahu bilakah skim khas perumahan kos rendah ini akan beroperasi penuh dan berapakah rumah kos rendah akan dibina dengan menggunakan RM2 bilion ini. Adakah kerajaan telah mengenal pasti bank-bank yang enggan memberi pinjaman kepada pembeli rumah dan apakah tindakan yang telah diambil atau akan diambil.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Soalan pertama bila, perkara ini telah pun dijalankan dan RM2 bilion telah pun diberi, RM1 bilion daripada SPN dan RM1 bilion daripada Bank Negara.

Yang keduanya mengenai masalah bank-bank yang lambat memberikan pinjaman kepada orang yang meminta untuk membina rumah. Satu mesyuarat telah pun diadakan pada minggu lepas di mana kita melihat satu kajian yang telah dibuat oleh Bank Negara tentang persepsi daripada peminjam dan persepsi daripada institusi kewangan itu sendiri. Kalau kita lihat persepsi pemohon pinjaman,

- (i) institusi kewangan terlalu berhati-hati (too cautious);
- (ii) mempunyai keyakinan yang rendah tahap pemohon;
- (iii) terlalu memberi penekanan terhadap cagaran;
- (iv) sikap negatif pegawai institusi kewangan itu sendiri (credit officer);
- (v) institusi kewangan berpandukan kepada NPL yang sedia ada, oleh itu pemohon-pemohon untuk membina rumah tidak dapat meminjamnya.

Persepsi institusi kewangan pula,

- (i) bank-bank dikatakan kurang permintaan;
- (ii) peminjam projek berisiko tinggi;
- (iii) kekurangan projek berdaya maju;
- (iv) margin maksimum 25% tidak mencukupi untuk menampung risiko yang tinggi;
- (v) pembiayaan balik yang tinggi daripada peminjam;
- (vi) kadar penggunaan pinjaman yang rendah (low utilization rate); dan
- (vii) negative spread.

Jadi setakat ini 10 November 1998 sebanyak 149 permohonan telah diterima daripada pemaju perumahan di mana 13 permohonan telah diluluskan dengan nilai pinjaman berjumlah RM166.2 juta. Hasil daripada pertemuan Menteri Kewangan II dengan pihak peminjam dan juga institusi-institusi kewangan, satu titik pertemuan telah pun diatasi iaitu mengatakan bahawa kita kena ubah 'mindshift' para pembankan kerana pada masa ini kita kena memberi kredit yang lebih kerana tujuan kita supaya akhir tahun ini kita dapat mengembangkan kredit kepada 8%.

Yang ketiganya kita telah menubuhkan Unit Aduan Pengawasan Pinjaman di Bank Negara bagi membantu peminjam untuk membantu mempercepatkan pinjaman-pinjaman yang dibuat oleh pemohon.

Tuan Fu Ah Kiow: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tanya, adakah kerajaan akan mengkaji semula, pertimbangkan syarat pembelian hartanah oleh warga asing untuk meningkatkan permintaan, khususnya pembelian hartanah komersial, hartanah non-landed property, kondominium, kilang dan sebagainya. Sekian, terima kasih.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah pun meluluskan bahawa levi untuk hartanah seperti kondominium atau rumah

yang berharga RM250,000 ke atas, tidak lagi dikenakan. Dengan cara ini, rumah-rumah yang harga tersebut dan ke atas boleh dibeli oleh pemaustatin-pemaustatin atau orang-orang di luar negara terutamanya di Johor. Dan RM150,000 ke bawah, kita hendakkan orang-orang asing tidak membeli kerana ini akan merupakan satu 'competition' dengan orang-orang persaingan berpendapatan rendah. Jadi dengan cara ini, akhirnya nanti semua pemohon untuk meminjam perumahan akan dapat kita laksanakan, dan sekarang ini kita telah buka agar semua bank perdagangan boleh memberi pinjaman. Semua syarikat kewangan boleh memberi pinjaman. Semua bank saudagar juga boleh memberi pinjaman dan Bank Islam Malaysia juga ada memberi pinjaman kepada peminjam-peminjam perumahan yang berkenaan.

[Soalan 10 – Y. B. Tuan Asmat Nungka [Beluran] tidak hadir]

PENYALAHGUNAAN DADAH GOLONGAN PEMUDA-PEMUDI – TINDAKAN KEMENTERIAN

11. **Dr. Tan Chong Keng [Bukit Mertajam]** minta Menteri Kesihatan menyatakan apakah langkah yang diambil oleh kementeriannya untuk mencegah penyalahgunaan dadah oleh golongan pemuda-pemudi, penggunaan ubat-ubat untuk mengurangkan berat badan yang membawa kesan-kesan sampingan yang buruk, dan penggunaan ubat-ubat larangan untuk mempertingkatkan prestasi ahli-ahli sukan.

Dato' M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua, pihak kementerian sentiasa memantau ubat-ubat yang boleh disalahgunakan seperti dadah berbahaya, ubat psikoterapi dan ubat-ubat batuk yang mengandungi kodein. Semua ubat-ubatan dari jenis ini hanya boleh dikendalikan oleh ahli profesional sahaja seperti doktor dan ahli farmasi. Pembekal ubat-ubat ini juga dikehendaki mengemukakan rekod penjualan ubat-ubat ini kepada kementerian pada setiap bulan. Pihak kementerian menjalankan pemeriksaan dan juga sentiasa siasat ke atas doktor dan farmasi yang

disyaki membekalkan ubat-ubat untuk disalahgunakan dan kementerian telah mengambil tindakan undang-undang dan disiplin ke atas doktor dan ahli farmasi yang didapati melakukan kesalahan sedemikian.

Ubat-ubat untuk mengurangkan berat badan adalah dikawal di bawah Akta Racun 1952 dan Peraturan-peraturan Racun 1989. Doktor dan ahli farmasi yang membekalkan ubat ini, perlu merekod secara terperinci bekalan ubat dan setiap bulan laporan diberi kepada kementerian. Kementerian memantau kepentingan gunaan ubat dari jenis ini untuk mengesan penyalahgunaan ubat ini.

Kementerian juga mengawal setiap pengimportan ubat dari jenis ini dengan mensyaratkan syarikat pengimport memohon kebenaran untuk setiap kuantiti yang diimport. Kementerian Kesihatan tidak menerima laporan penyalahgunaan ubat untuk meningkatkan prestasi ahli-ahli sukan. Ahli-ahli sukan adalah dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat dari doktor supaya ubat yang digunakan untuk rawatan ahli sukan bukan dari jenis ubat yang dilarang dalam sukan. Sekian, terima kasih.

Dr. Tan Chong Keng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin minta Kementerian Kesihatan memberi sedikit penjelasan berkaitan dengan syarikat-syarikat penjualan terus ataupun direct sales companies yang memasarkan ubat-ubat tertentu melalui cap-cap tertentu yang menyatakan itu adalah makanan yang berzat ataupun health food dan sebagainya yang disyaki mempunyai ubat-ubat tertentu dalam isi kandungannya. Adakah Kementerian Kesihatan menjalankan siasatan dalam hal ini atau tidak? Sekian, terima kasih.

Dato' M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua, bahan-bahan makanan yang mana dikata sebagai health food, memang mereka daftar dengan pihak berkuasa dan Kementerian Kesihatan. Kalau siapa-siapa tidak puas hati boleh semak dengan kementerian saya. Memang kita ada periksa, ada buat serbuan-

serbuan di tempat-tempat yang mana mereka ada jual ubat ataupun health food di tempat-tempat ini.

Dr. Ramli bin Taib: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Di antara ubat-ubat atau dadah yang sering disalahgunakan sebagaimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi ialah ubat batuk dan ubat tranquiliser atau sedation atau pil tidur. Akhir-akhir ini banyak ubat pil viagra disalahgunakan. Jadi selain daripada aspek pencegahan yang disebut oleh Yang Berhormat tadi, kita dapati penguatkuasaannya ataupun kesalahan yang dilakukan oleh pharmacist ataupun doktor-doktor kerap kali berulang. Jadi ini adalah disebabkan, saya difahamkan adalah loophole di dalam Akta Racun 1972. Jadi soalan saya, adakah kerajaan sekarang ini bercadang untuk meminda akta ini supaya pencegahan dapat dilakukan ataupun penguatkuasaan dapat dilakukan dengan lebih berkesan.

Yang kedua, adakah data-data mengenai tangkapan-tangkapan yang dibuat dalam tahun ini bagi ubat-ubat yang saya sebutkan tadi.

Dato' M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua, kementerian memang bercadang untuk membuat beberapa pindaan kepada Akta Racun 1992. Kerja-kerja berkaitan ini sedang dijalankan oleh kementerian saya. Saya tidak ada maklumat mengenai kes tangkapan, tapi saya ada angka-angka serbuan yang dijalankan oleh pegawai-pegawai kementerian. Serbuan-serbuan dan bilangan premis pada tahun 1998, sebanyak 341 dan bilangan item dirampas ialah 4,062, jumlah nilai rampasan ialah RM2 juta. Ini ialah figure yang ada, tapi saya tidak ada angka-angka berapa yang tepat (diambil tindakan mahkamah). Sekian, terima kasih.

SEKTOR PENDIDIKAN NEGARA – KEJAYAAN

12. **Tuan Chiew Chiu Sing [Bintulu]** minta Menteri Pendidikan menyatakan tahap kejayaan sektor pendidikan negara dari segi kemudahan perkakasan, kadar celik huruf, pencapaian akademik dan lain-lain di kawasan luar bandar Sarawak sejak pelaksanaan Rancangan Malaysia.

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, kadar celik huruf di kalangan murid-murid sekolah rendah di Sarawak sehingga 1 Ogos 1998 ialah 88.23%. Berdasarkan keputusan UPSR, PMR, SPM dan Sijil Tinggi Persekolahan didapati pencapaian akademik juga meningkat setiap tahun. Sebagai contoh kadar peratusan kelulusan bagi peperiksaan SPM di kawasan luar bandar Sarawak pada tahun 1993 ialah 58% tetapi telah meningkat kepada 66% pada tahun 1997.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Saya ingin tahu dari Yang Berhormat Timbalan Menteri sebenarnya sekolah-sekolah di luar bandar kadang-kadang menghadapi masalah kelulusan yang baik dan cemerlang disebabkan oleh kemudahan-kemudahan sekolah dan juga guru-guru yang kurang cukup untuk kita mempertingkatkan sumber pendidikan kepada murid-murid sekolah ini. Saya dimaklumkan bahawa Yang Berhormat sendiri mengatakan bahawa pada tahun hadapan, pengambilan guru-guru pelatih akan dikurangkan disebabkan kita mempunyai guru-guru yang berlebihan. Jadi, di satu sektornya di luar bandar, kita menghadapi kekurangan guru, dan pada tahun hadapan pula pengambilan guru-guru pelatih ini akan dikurangkan. Jadi bagaimanakah cara pihak kerajaan untuk mengatasi masalah guru-guru untuk mengajar di kawasan-kawasan luar bandar terutama sekali guru Bahasa Inggeris, Matematik, kerana inilah masalah yang dihadapi oleh kanak-kanak sekolah di luar bandar.

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, dari masa ke semasa Kementerian Pendidikan akan meningkatkan kemudahan infrastruktur dan

kemudahan pengajaran khususnya sekolah-sekolah di kawasan di luar bandar. Soalan berkaitan dengan kekurangan guru, memang dari segi keseluruhannya guru-guru yang sedia ada, adalah cukup, namun demikian oleh kerana kebanyakan guru-guru itu ikut suami di bandar jadi kita menghadapi masalah mismatch iaitu masalah kekurangan guru-guru khususnya mata pelajaran English, Sains, Matematik dan sebagainya di sekolah-sekolah di luar bandar. Jadi untuk mata pelajaran-mata pelajaran iaitu English, Sains, Matematik dan sebagainya, Kementerian Pendidikan akan terus cuba menambah calon-calon yang akan memasuki ke program-program tersebut di Maktab Perguruan dan juga kita akan laksanakan rancangan-rancangan untuk menarik lebih guru-guru mata pelajaran tersebut di luar bandar supaya mereka yang mempunyai pengalaman di luar bandar, diberi peluang yang lebih tinggi untuk memasuki kursus dalaman untuk membolehkan mereka menaikkan taraf profesional dan sebagainya.

Tuan Chiew Chiu Sing: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Menurut jawapan Timbalan Menteri tadi, bagaimanakah kedudukan pencapaian Sarawak ini berbanding dengan negeri-negeri lain di Semenanjung dalam semua aspek pendidikan, sekian.

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun saya tidak ada perangkaan yang tepat, tetapi dari segi keseluruhannya pada setiap tahun di peperiksaan umum seperti SPM, kedudukan Sarawak adalah atas peratusan negara, namun demikian memang setiap negeri juga ada kelemahan dari segi subjek-subjek tertentu dan sebagainya. Saya akan memberi jawapan secara bertulis memberi gambaran yang lebih mendalam.

KEGAWATAN EKONOMI NEGARA - MENGUBAH STRATEGI

13. **Dato' Hon Choon Kim [Seremban]** minta Menteri Kewangan menyatakan apakah rasional dan sebabnya kerajaan mengubah strategi mengatasi kegawatan

ekonomi dengan cara untuk memberi lebih banyak kredit dengan kadar faedah perbankan yang rendah berbanding dengan pendekatan mengurangkan belanjawan dan kredit serta membenarkan kenaikan kadar faedah perbankan yang diamalkan pada masa lalu.

Dato' Wong See Wah: Tuan Yang di-Pertua, Bank Negara Malaysia pada mulanya mengambil pendekatan yang selari dengan saranan IMF dengan menaikkan kadar faedah pinjaman dan mengekang kredit bagi mengatasi kegawatan ekonomi negara. Suatu pelan kredit dibentuk untuk mengurangkan pertumbuhan pinjaman oleh sektor perbankan, manakala tempoh NPL disingkatkan daripada enam kepada tiga bulan. Langkah yang diambil tersebut ternyata mengakibatkan kesan negatif kepada pasaran kewangan dan ekonomi negara pada keseluruhannya. Tekanan kredit telah menjejaskan pertumbuhan dan dinamik sektor swasta. Syarikat-syarikat, golongan-golongan usahawan, para peniaga dan individu menghadapi kesulitan kewangan sehingga perniagaan mereka terjejas dengan teruk dan bayaran balik pinjaman tidak dapat dibuat. Justeru itu, kerajaan telah mengambil pendekatan baru dengan memperkenalkan kawalan pertukaran wang mulai 1 September 1998. Dengan menjadikan Ringgit hanya laku di Malaysia sahaja, Ringgit yang berada di luar negara akan dihantar balik dan akan meningkatkan mudah tunai di dalam sistem perbankan. Bagi meringankan bebanan pinjaman, kerajaan seterusnya menurunkan kadar faedah dan melonggarkan sekatan terhadap pemberian pinjaman oleh bank. Jangka masa NPL juga dipanjangkan dari tiga bulan kepada enam bulan mulai peningkatan pemberian pinjaman kerajaan berharap ianya akan meningkatkan aktiviti ekonomi, menambah kesan pengganda (multiplier effect) dan seterusnya membantu pertumbuhan ekonomi.

Dato' Hon Choon Kim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya yakin dan percaya pendekatan yang diambil oleh kerajaan akan membantu kerajaan

memulihkan ekonomi, tetapi saya rasa masih ada orang yang ragu-ragu tentang keberkesanan, pendekatan yang diambil oleh kerajaan termasuk bekas menteri kerajaan, juga menganggap bahawa langkah ini tidak perlu diangkat dan diambil dan tidak akan membantu ekonomi kita. Saya minta pandangan Yang Berhormat Dato'.

Dato' Wong See Wah: Tuan Yang di-Pertua, sejauh yang dapat kita nilai hari ini ialah kita mendapatkan kesan yang begitu menggalakkan khususnya dari segi rizab Bank Negara Malaysia di luar negeri telah meningkat dengan begitu baik sampai US\$23 hingga US\$24 bilion dan juga dari segi pengeksporan yang kita nampak iaitu merchandise account kita telah meningkat dengan angka yang begitu menggalakkan. Jadi terdapat kesan-kesan di mana nampak juga tanda-tanda pertumbuhan ekonomi telah mula naik iaitu dari penjualan kereta dan juga penjualan perumahan. Ini adalah yang dapat kita lihat petanda-petanda yang menunjukkan ekonomi kita telah menjadi lagi stabil khususnya dari segi saham kelompok dan juga kadar mata wang yang telah ditetapkan pada RM3.80 dengan US\$1. Semua ini telah menunjukkan keadaan yang stabil dan membawa kita ke satu arah yang lebih cerah bagi ekonomi kita.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, masa untuk pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah selesai.

[Masa untuk pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup dan Jawapan bagi pertanyaan No 7, 10 dan 14 hingga 17 akan dijilid dalam buku berasingan]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1999

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN 1999

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas “Rang Undang-Undang Perbekalan 1999 dan Anggaran Pembangunan 1999 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis.”

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh sebab masa dalam peringkat Jawatankuasa ini terhad iaitu kepada setengah ataupun satu hari sahaja bagi sesebuah kementerian, kita terpaksa menghadkan masa untuk Ahli-ahli Yang Berhormat berucap. Saya menghadkan selama 10 minit seperti yang lazim kita buat pada masa-masa yang lepas.

Dato’ Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan supaya wang sejumlah tidak lebih daripada RM31,969,523,940 yang diperuntukkan dalam Anggaran Perbelanjaan Mengurus 1999 di bawah Maksud Bekalan B.1 hingga B.52 bagi kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan berkenaan dijadikan Jadual dan wang sejumlah tidak lebih daripada RM18,053,037,700 yang diperuntukkan dalam Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 1999 di bawah Maksud Pembangunan P.7, P.8, P.14, P.16, hingga P.28, P.31, P.34 hingga P.37, P.39, P.40 dan P.42 hingga P.53 bagi kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan seperti ditunjukkan dalam Buku Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 1999 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 23 1998 dijadikan Anggaran Perbelanjaan.

Saya tidak berhajat untuk memberi ucapan yang panjang dalam peringkat Jawatankuasa ini kerana penghuraian tujuan-tujuan utama mengenai peruntukan Anggaran Perbelanjaan pada 23 Oktober 1998 yang lalu. Di samping itu penjelasan-penjelasan lanjut mengenai peruntukan Anggaran Perbelanjaan ini boleh didapati dalam penyata daripada Kementerian Kewangan mengenai

Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 1999 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 22 Tahun 1998.

Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman]: Tuan Pengerusi, saya menyokong.

Maksud B.1, B.2, B.3, B.4, B.5, B.6, B.7, B.8, B.9, B.10, B.11, B.12 dan B.13 [Jadual] -

Maksud P.7 dan P.8 [Anggaran Pembangunan, 1999] -

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat Kepala Bekalan B.1 hingga B.13 dan Kepala Pembangunan P.7 dan P.8 di bawah Jabatan Perdana Menteri terbuka untuk dibahas. Ya, Senai.

11.10 pagi

Datuk Lim Si Cheng [Senai]: Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada Maksud B.7, Butiran 020000 Unit Perancang Ekonomi dan juga Program 020400 Penswastaan.

Tuan Pengerusi, penswastaan memang digalakkan kerana melalui penswastaan kita akan menjimatkan perbelanjaan kerajaan. Melalui penswastaan kita juga dapat memastikan kegiatan ekonomi dilaksanakan dengan cekap. Akan tetapi apa yang dapat kita lihat pada hari ini kita dapat pastikan kepada mereka yang mendapatkan projek-projek penswastaan mereka hanya menjaga kepentingan diri sendiri kerana mereka ingin mencari keuntungan dengan cepat dan melupakan kepentingan rakyat. Apabila syarikat-syarikat yang mendapatkan projek penswastaan dipersoalkan mereka akan jawab, mereka bertanggungjawab kepada pemegang saham mereka. Ke manakah social responsibility, dengan izin, tanggungjawab sosial mereka?

Tuan Pengerusi, saya yakin dan percaya semua akan bersetuju perkara ini perlu ditegaskan. Selain daripada itu juga kerajaan sentiasa perlu diingatkan jangan memberikan projek penswastan kepada kumpulan yang sama. Saya memang menyokong apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat dari Klang semasa beliau membahaskan Belanjawan 1999. Sepatutnya projek-projek strategi perlu ditawarkan kepada syarikat-syarikat yang berlainan yang tidak berkaitan di antara mereka. Ini memang penting kerana risiko pelaburan dapat diagih dan juga dapat dikurangkan.

Tuan Pengerusi, projek penswastan IWK telah memberikan banyak pengajaran kepada kita dan telah menimbulkan pelbagai masalah dan sebenarnya projek ini telah banyak dibangkitkan juga di Dewan yang mulia ini. Pada hari ini saya memang mengalu-alukan kepada keputusan yang dibuat oleh setengah-setengah kerajaan negeri untuk menangguhkan projek-projek pelupusan sisa pepejal. Keputusan daripada beberapa buah negeri termasuk negeri Johor, saya fikir keputusan ini tepat dan perlu dialu-alukan.

Tuan Pengerusi, untuk memastikan kepentingan negara dan rakyat dapat dipelihara dan segala projek-projek penswastan sebelum ianya diswastakan kajian secara menyeluruh perlu diadakan. Ini penting, jadi saya ingin memberikan satu contoh, aktiviti pemeriksaan kenderaan yang dahulunya dikendalikan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) telah diswastakan kepada sebuah Syarikat PUSPAKOM, anak syarikat kepada DRB pada tahun 1994. Prestasi terhadap aktiviti ini telah bertambah baik sebaliknya pendapatan kerajaan melalui sumber ini telah dikurangkan. Sebelum kegiatan ini diswastakan pada tahun 1992, pendapatan yang diperolehi iaitu RM7.90 juta. Pada tahun 1993, RM7.55 juta akan tetapi mulai 1 September 1994 hingga 1 Ogos 1996, hampir dua tahun akan tetapi pendapatan negara kita melalui sumber ini hanya RM6.99 juta. Ini bermakna kerajaan telah memperolehi hasil yang kurang, mengapa ini boleh

berlaku? Ini mungkin tidak boleh berlaku jika penelitian yang mendalam dapat dibuat sebelum ianya diswastakan.

Tuan Pengerusi, saya beralih kepada projek Laluan Kedua Malaysia – Singapura, rakyat Johor memberikan sokongan penuh kepada projek ini semasa projek ini diluluskan kerana kita berpendapat projek ini akan dapat membantu menyelesaikan masalah kesesakan lalu lintas di Tambak Johor. Akan tetapi hari ini telah mendukacitakan kita dan kami khuatir projek ini akan dijadikan ‘Gajah Putih’. Kesesakan lalu lintas di Tambak Johor masih dikekalkan. Semasa projek ini diluluskan Kerajaan Negeri Johor juga memberikan tanah seluas 10 ribu hektar dengan harga pampasan yang amat rendah. Kerajaan memberikan kelulusan ini kerana Kerajaan Negeri Johor ingin memberikan subsidi seumpama ini kepada syarikat yang mendapatkan projek ini sebagai subsidi kepada kos pembinaan projek ini.

Tuan Pengerusi, hari ini kadar tol yang dikenakan amat tinggi. Kita tidak berkemampuan untuk menjalankan bebanan ini. Kadar tol yang amat tinggi sebenarnya telah memberatkan bebanan rakyat jelata yang telah menggunakan lebuh raya ini. Projek ini sudah siap, kemudahan Kastam, Imigresen disediakan dan sama ada rakyat akan gunakan Laluan Kedua ini atau tidak kerajaan akan terus memikul perbelanjaan terhadap kemudahan yang disediakan.....

Tuan Mohamed Khaled bin Nordin: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Ya.

Tuan Mohamed Khaled bin Nordin: Tuan Pengerusi, terima kasih. Saya ingin tanya kepada Yang Berhormat, Yang Berhormat ada sebut tadi mengenai walaupun ada subsidi untuk tol yang dikenakan di Laluan Kedua tetapi ada pula cadangan yang menyatakan bahawa untuk menentukan banyak kenderaan menggunakan Laluan Kedua, maka tol di Tambak Johor dinaikkan bersamaan dengan tol di Laluan Kedua yang mana sememangnya dibantah oleh penduduk-

penduduk di Johor Bahru khususnya kerana kepada kita tidak wajar untuk menentukan kenderaan menggunakan Laluan Kedua dinaikkan tol di Tambak Johor. Jadi apakah pandangan Yang Berhormat mengenai perkara itu.

Datuk Lim Si Cheng: Tuan Pengerusi, saya memang tidak bersetuju dengan kenaikan kadar tol di Tambak Johor. Sebenarnya projek ini sepatutnya tidak ada kena mengena dengan lebuhraya. Projek ini telah diadakan pada tahun 1940-an, jadi saya tidak bersetuju.

Maka saya ingin mencadangkan supaya satu langkah ataupun tindakan untuk menarik lebih ramai orang untuk menggunakan laluan ini perlu diusahakan. Jadi kita perlu mewujudkan satu keadaan, satu suasana supaya rakyat jelata suka menggunakan lebuhraya ataupun Laluan Kedua ini. Selain daripada sama ada kita boleh mengurangkan kadar tol ini ataupun tidak, saya fikir kajian perlu dibuat semula. Selain daripada itu saya ingin mencadangkan supaya Kerajaan Negeri Johor dan juga Kerajaan Persekutuan melalui Unit Perancang Ekonomi dapat bersama-sama membuat kajian merancang projek-projek seperti rancangan komersial, tempat tarikan, destinasi pelancongan yang boleh diwujudkan di sekitar kawasan Laluan Kedua ini untuk mewujudkan satu keadaan supaya kita boleh tarik lebih ramai orang menggunakan jalan ini. Jadi saya fikir ini satu kerja perlu kita usahakan, kalau tidak projek ini sudah menjadi 'Gajah Putih' dan segala perbelanjaan yang digunakan sia-sia sahaja. Ini yang penting sekali. Jadi

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sepuluh minit sudah cukup ya.

Datuk Lim Si Cheng: Tuan Pengerusi, sebelum saya mengakhiri, saya ingin merujuk kepada – gunakan satu minit tentang pencen Ahli Parlimen.

Tuan Pengerusi, elaun yang diperolehi oleh Ahli Parlimen telah dinaikkan daripada RM4,800 kepada RM4,890. Jadi kepada mereka yang sudah bersara saya dimaklumkan pencen yang mereka perolehi RM90 ini tidak diambil kira. Jadi saya minta supaya perkara ini dapat diselesaikan, sungguhpun angka ini tidak banyak, tetapi kepada pesara ini satu petanda untuk kita supaya memberi penghormatan kepada tugas-tugas yang dijalankan oleh mereka semasa mereka menjadi Ahli Parlimen. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ya, ya Serdang.

12.21 pagi

Dato' Yap Pian Hon [Serdang]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Sukacita saya untuk mengambil perhatian dalam perbahasan di peringkat Jawatankuasa Butiran 020000 - Unit Perancang Ekonomi, Tuan Yang di-Pertua, walaupun saya tidak mengulang semula apa yang disebutkan oleh rakan saya tadi tetapi saya hanya minta satu perkara penting Unit Perancang Ekonomi telah wujud lama, ramai orang pun tahu kedudukan dan wujudnya unit ini untuk menjalankan tugasnya, tetapi masih terdapat sesetengah pihak yang tidak tahu apa fungsi dan bidang kuasanya dan strategi yang dirancang oleh Unit Perancang Ekonomi.

Apa yang difahamkan mengikut Buku Belanjawan Program dan Prestasi ini telah menyatakan objektifnya Unit Perancang Ekonomi ialah untuk menggubal dasar strategi dan program ekonomi negara bagi jangka masa sederhana dan jangka masa panjang untuk mencapai perpaduan negara dan objektif lain, aktiviti perkhidmatan umum ialah untuk menentukan khidmat sokongan kepada para pegawai dan kakitangan yang cekap, berkesan agar unit dapat memainkan peranan

yang lebih bermakna dalam merangka dasar strategi dan program pembangunan ekonomi.

Tuan Pengerusi, dengan adanya bidang kuasa yang dinyatakan di dalam ini, tetapi oleh kerana ramai orang masih tidak tahu ini, maka ini jadikan satu keadaan keliru. Saya bagi satu contoh di mana satu penswastaan telah diluluskan oleh Unit Perancang Ekonomi, maka syarikat penswastaan telah dilancarkan programnya satu contohnya, lebuh raya diswastakan. Tujuan kerajaan untuk menswastakan lebuh raya tersebut untuk memberi kemudahan kepada orang ramai dan untuk mengatasi kesesakan lalu lintas tersebut, tetapi selepas pembinaan lebuh raya seperti tiga lorong dua hala, dalam keadaan dahulu, jalan raya yang digunakan oleh pengguna di sebelah kawasan tempatan itu senang mudah tetapi selepas pembinaan tiga lorong dua hala itu, maka telah menghalang jalan dua-dua arah di tempat itu, dan menghalang orang untuk melintas, dan memaksa mereka turun bawah beberapa kilometer untuk 'U-turn' balik.

Jadi inilah satu keadaan yang telah ditimbulkan dalam surat khabar dan dijadikan bahan perbahasan terutama sekali telah memberi satu peluang kepada ahli-ahli politik dari parti pembangkang untuk mengkritik kerajaan, apa sebabnya berlaku demikian, tujuan yang baik tetapi menjadikan masalah besar kepada orang ramai dan timbulkan perasaan benci kepada kerajaan. Jadi ini penting, saya minta penjelasan daripada pihak kerajaan cara mana untuk menentukan satu projek penswastaan. Adakah kalau projek penswastaan yang dikemukakan oleh pihak kementerian itu lepas itu dikaji dan ditentukan oleh Unit Perancang Ekonomi tambah lagi supaya dapat ulasan daripada pihak kementerian yang berkenaan.

Adakah hak, bidang kuasa kementerian berkenaan itu untuk mengulas untuk membincang semula supaya mendapat keadaan yang sebenarnya yang berlaku di tempat itu. Misalnya satu jalan raya telah diswastakan, wakil rakyat tidak tahu langsung, tidak ada mesyuarat dipanggil untuk memberitahu cara mana

penswastaan dijalankan. Selepas pembinaan dijalankan, selepas tandatangan surat perjanjian itu, pembinaan telah dibuat dan masalah-masalah sosial berlaku di situ barulah disedari oleh wakil rakyat di tempat tersebut. Jadi kita kemukakan rayuan atau memberi satu pandangan, tetapi apa yang dikatakan oleh Lembaga Lebuhraya Malaysia atau pihak konsesi syarikat itu, ini sudah tetap kerana Unit Perancang Ekonomi telah memberi keputusan dan dasar ini tidak boleh diubah lagi.

Tuan Pengerusi, oleh yang demikian rancangan atau program penswastaan dengan tujuan yang baik tapi menjadi satu masalah sosial yang besar di kawasan-kawasan yang tertentu, misalnya saya pernah membangkitkan masalah yang telah berlaku di kawasan saya. Lebuhraya telah dibina di jalan Sungai Besi. Sebenarnya ikut dasar Lembaga Lebuhraya Malaysia tidak ada wujudnya lampu isyarat sebab lebuhraya (free flow) tetapi oleh kerana untuk mengelakkan satu kepentingan peribadi tertentu wujudnya lampu isyarat di tengah-tengah persimpangan jalan itu macamana untuk 'free flow'.

Saya kemukakan rayuan kepada Unit Perancang Ekonomi, di Jabatan Perdana Menteri, mintalah kaji, mintalah bagi sebab-sebab yang tentu kepada saya, sehingga hari ini walaupun telah enam bulan, lebih enam bulan lamanya mungkin sudah dekat satu tahun. Saya tidak dapat apa-apa jawapan dan rakyat tempatan di situ telah meminta saya tunaikan tanggungjawab saya kepada wakil rakyat untuk menyuarakan masalah tersebut kerana dengan ada wujudnya lampu isyarat di persimpangan tersebut maka kemalangan jalan raya kerap berlaku sebelum lebuhraya dikuatkuasakan.

Tuan Pengerusi, untuk menjaga kepentingan juga, oleh kerana itu jalan Sungai Besi diswastakan dan satu lagi Jalan Balakong diswastakan kepada satu pihak yang lain, tetapi dengan persimpangan itu sepanjang 800 kilometer tidak termasuk dalam lingkungan program penswastaan dan ditinggalkan 800 kilometer

jalan raya itu jadikan di bawah cadangan JKR macam mana keadaan ini akan berlaku? Macam mana JKR menguruskan atau menyelenggarakan hanya 800 kilometer jalan sahaja tetapi di sebelah sini diuruskan oleh pihak swasta. Di sebelah itu diuruskan oleh swasta, macam mana keadaan ini berlaku Ini menjadikan masalah besar dan juga akan huru-hara di kawasan tersebut.

Dari segi sistem lalu lintas tersebut, Tuan Pengerusi, oleh itu saya mintalah Unit Perancang Ekonomi atau pihak kerajaan memberi satu dasar, satu penjelasan lebih lanjut di Dewan yang mulia ini supaya wakil rakyat faham dan juga cara mana untuk mengatasi kelemahan atau kecacatan yang berlaku selepas merancang dan strategi penswastaaan itu.

Tuan Pengerusi, oleh itu satu sebab pentingnya bidang kuasa strategi yang dirancang oleh Unit Perancang Ekonomi yang telah dipersetujui satu-satu program penswastaaan pentingnya untuk memberi faedah dan kemudahan kepada orang-orang tempatan itu dan jangan jadi satu masalah besar, gangguan, satu beban kepada orang tempatan, maka inilah telah menjejaskan kepentingan rakyat. Jadi ini bukan dasar kerajaan, ini bukan dasar Kerajaan Barisan Nasional yang telah dijanjikan semasa telah mendapat sokongan daripada rakyat. Saya membangkitkan perkara ini bukan mengkritik atau apa tetapi saya mintalah satu penjelasan, pendirian terhadap satu-satu program yang telah ditentukan oleh Unit Perancang Ekonomi macam mana masalah demikian berlaku. Apa caranya untuk membetulkan supaya akan dapat satu dasar lebih menguntungkan orang ramai di situ.

Tuan Pengerusi, banyak ulasan dari surat khabar mengatakan apa tujuan Unit Perancangan Ekonomi telah dibuat untuk orang ramai. Ini lidah rasmi dari sebuah surat khabar. Walaupun ulasan saya terhadap pandangan ini memang munasabah, hendaklah beri satu gambaran yang baik untuk membersihkan fikiran

rakyat yang telah memberi satu anggapan yang salah terhadap Unit Perancangan Ekonomi, di mana di bawah Jabatan Perdana Menteri adalah penting.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah cukup.

Dato' Yap Pian Hon: Boleh beri satu minit lagi? Tuan Pengerusi, satu lagi Butiran 070000 – Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU). Saya minta melalui pemodenan pentadbiran kerajaan itu pentingnya MAMPU memberi satu lagi garis panduan supaya melicinkan pentadbiran kerajaan semasa mengalami kegawatan ekonomi ini. Maka saya mintalah pihak MAMPU boleh memberi kerjasama supaya memperbaiki sistem pentadbiran kerajaan melalui semakan segala peraturan kerajaan bagi menentukan sama ada ia masih sesuai sebab pentadbiran negara sejak merdeka, banyak peraturan telah diubah. Sama ada peraturan tertentu masih sesuai dengan keadaan kini. Maka perlu dikemaskinikan dan diubah, jika perlu.

MAMPU hendaklah juga mengurangkan kerenah pengurusan dengan jabatan kerajaan dengan memudahkan peraturan dan pengisian borang. Jangan beri pihak orang ramai susah untuk isi borang, seperti permohonan rumah murah. Kalau jadikan rumit kepada orang ramai, maka itu akan jadikan masalah kepada rakyat. Tidak akan memberi kelicinan kepada rakyat. Saya mintalah lantik pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan sepanjang masa supaya mereka memberi khidmat yang jitu. Dengan ini, saya memberi sokongan.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Tanjong.

11.32 pagi

Tuan Lim Kit Siang [Tanjong]: Tuan Pengerusi, yang pertama saya rujuk kepada B.2 – Jabatan Perdana Menteri. Saya rasa sangat mengecewakan dengan jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri semalam mengenai constitutionality perlucutan Ahli Yang Berhormat dari Permatang Pauh

daripada Kabinet pada 2 September 1998. Tidak ada sesiapa yang menyoalkan mengenai prerogative Perdana Menteri untuk memilih dan untuk melucutkan sesiapa menteri Kabinet yang beliau putuskan.

Tetapi oleh kerana Malaysia ialah mempercayai kedaulatan undang-undang, apa yang mustahak ialah segala perlantikan dan perlucutan perlu ikut peruntukan-peruntukan di dalam Perlembagaan supaya ia sah dan constitutional. Apa Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri bercakap semalam ialah satu teori yang sangat berbahaya yang subvert Perlembagaan kita sebagai undang-undang yang kukuh di negara kita dan juga institusi constitution monarchy.

Apabila beliau dakwa di bawah Perkara 43(5), apabila disebut untuk perlucutan bahawa satu pembatalan perlu dibuat oleh Yang di-Pertuan Agong atas nasihat Perdana Menteri, beliau kata bahawa tidak perlu. Apa yang perlu ialah untuk memaklumkan kepada Yang di-Pertuan Agong dan tidak perlu apa pemberian nasihat atau apa tindakan Yang di-Pertuan Agong atas nasihat itu, saya rasa inilah sangat merbahaya. Kalau ini diterima, satu hari Perdana Menteri – beliau kata masa itu, oleh kerana atas sebab ini Yang di-Pertuan Agong tidak ada hak untuk menolak nasihat Perdana Menteri oleh kerana inilah kedudukan di negara kita oleh kerana ia dipilih oleh rakyat.

Kalau inilah kedudukan Perlembagaan di negara kita, satu hari darurat boleh diisytiharkan oleh Perdana Menteri sendiri tanpa dirujuk kepada Yang di-Pertuan Agong tanpa satu perisytiharan (proklamasi) oleh Yang di-Pertuan Agong, oleh kerana itulah kemahuan keputusan Perdana Menteri. Bagaimana boleh? Perlulah satu nasihat Perdana Menteri diberi kepada Yang di-Pertuan Agong dan tindakan diambil oleh Yang di-Pertuan Agong atas nasihat itu. Saya rasa inilah sangat bahaya dan sebab itulah semalam saya ada tanya sama ada ini kedudukan khas rasmi atas nasihat dari kamar Peguam Negara. Tidak ada jawapan,

saya harap nanti kita boleh dapat satu jawapan yang terus-terang, oleh kerana ini sangat merbahaya.

Sebenarnya apa yang berlaku ialah satu interpretasi mengenai constitution yang menolakan kedudukan Yang di-Pertuan Agong. Ini menunjukkan penghinaan (contempt) kerajaan bukan sahaja kepada Yang di-Pertuan Agong, tetapi kepada Perlembagaan, kepada Parlimen dan kepada rakyat Malaysia yang tidak mahu bertanggungjawab atas constitutionality perlucutan Yang Berhormat dari Permatang Pauh. Semalam saya dan Yang Berhormat dari Jelutong ada tanya sama ada maklumat itu, apabila Perdana Menteri maklumkan kepada Yang di-Pertuan Agong secara bertulis atau Perdana Menteri secara menghadap Yang di-Pertuan Agong, dan semalam Yang Berhormat Timbalan Menteri kata tidak ada masa dan perlu notis. Sekarang sudah cukup notis, saya harap kita boleh dapat satu keterangan.

Satu sebab kenapa negara kita sekarang menghadapi satu krisis politik yang begitu rumit ialah oleh kerana sikap yang kita lihat daripada perkara ini di mana eksekutif kerajaan diketepikan, institusi-institusi yang penting dan utama dalam negara kita, contempt kepada constitution, contempt kepada Yang di-Pertuan Agong, contempt kepada Parlimen, contempt kepada rakyat, contempt kepada international opinion. Sungguhpun Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri ada menafikan bahawa ada krisis politik di negara kita, adalah sangat mustahak bahawa kita perlu melengkapkan menangani krisis politik ini. Oleh kerana kalau tidak, tentu.....

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Beri jalan.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya.

Tuan Lim Kit Siang: Kita beri jalan, tambah masa, okay.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Cuma saya hendak perbetulkan. Saya tidak menafikan bahawa ada berlaku krisis politik. Semalam

saya cakap saya menafikan krisis keyakinan kepada kehakiman. Jadi, Yang Berhormat jangan cakap perkara lain daripada apa yang saya cakap.

Tuan Lim Kit Siang: Sekarang Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri mengakui ada krisis yang rumit di negara kita. Ada mengakui?

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yang mana?

Tuan Lim Kit Siang: Krisis politik yang terbesar.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya tidak mengatakan bahawa tidak ada krisis politik. Semalam saya menafikan dalam ucapan saya ialah krisis keyakinan terhadap kehakiman.

Tuan Lim Kit Siang: Krisis keyakinan ialah salah satu sebab ada krisis politik di negara kita.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Itu lainlah.

Tuan Lim Kit Siang: Itulah salah satu sebab kenapa ada krisis keyakinan, dan sebab itu perkara ini patut dilihat dari segi krisis politik dan tanpa dilihat dari segi sekuriti atau polis. Sebab itu saya pernah buat cadangan untuk penyelesaian politik sama ada mengadakan general election yang serta-merta supaya ada mandat yang baru untuk kerajaan atau Perdana Menteri supaya boleh memerintah dan dapat credibility dan legitimacy dalaman dan dunia. Atau kedua, mengadakan satu conference meja bulat semua parti pembangkang dan semua NGO untuk mengadakan satu blue print politic supaya boleh mengatasi, menangani dan menyelesaikan krisis politik ini.

Saya sangat gembira bahawa bekas Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Musa Hitam pernah berpendapat sedemikian. Temuramah beliau dalam *Mingguan*

Malaysia pada 1 November 1998 beliau ada kata bahawa sebenarnya perkara ini adalah satu isu krisis politik. Masalah demonstrasi bukan perkara yang besar. Semasa beliau menjadi Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri pun ada demonstrasi. Apa yang mustahak ialah supaya tidak membenarkan demonstrasi menjadi kekerasan. Ini bergantung kepada cara untuk menangani demonstrasi-demonstrasi ini. Kalau demonstrasi ada saluran untuk berkomunikasi dengan mereka yang terlibat, tentu perkara ini akan berakhir di sana. Itulah yang mustahak. Beliau pun mempertahankan hak-hak demonstrasi untuk menunjuk perasaan secara aman.

Sebenarnya Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri yang tunggal dalam pentadbiran Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato Seri Dr. Mahathir selama 17 tahun, Home Minister yang tunggal. Selain daripada itu, semua dipegang oleh Perdana Menteri dan sekarang pula Menteri Kewangan.

Dan saya harap bahawa, saya quote secara peribadi, saya berpendapat bahawa kurangnya sikap toleransi dan penerimaan terhadap kritik, inilah yang mencetuskan begitu banyak conflict politic dan akhirnya menyaksikan keadaan seperti yang berlaku akhir-akhir ini dan dalam interview dalam *Sin Chiew Jit Poh* dalam beberapa hari dahulu dibuat dalam dua point yang penting. Yang pertama bahawa sangat biasa ada demonstrasi, jangan kkuatir oleh kerana demonstrasi, cara ialah bagaimana untuk menangani demonstrasi secara aman.

Kedua, bahawa demonstrasi reformasi yang kita lihat dalam beberapa minggu ini, sangat nyata ialah bukan satu isu kaum tetapi ialah multi racial dan saya bersetuju dengan Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri semalam bahawa kita semua sangat peka mengenai masalah kalau isu-isu yang dicetuskan, ya kita tahu itu ...

Dato' Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: [*Bangun*]

Tuan Lim Kit Siang: Nanti, nanti, saya habiskan, saya anticipate dahulu. Kita tidak mahu berlaku apa-apa isu etnik atau peristiwa perkauman yang berlaku, tetapi ini kita mahu jaga, tetapi ini tidak boleh dijadikan alasan untuk meniadakan hak-hak asasi rakyat untuk bersuara, untuk berhimpun dengan secara aman yang sebenarnya antara prinsip dalam Universal Declaration Human Rights antara prinsip-prinsip hak asasi di negara kita.

Dan itulah bagaimana balance tetapi nampaknya tidak ada satu balance dibuat, tidak ada satu saluran hubungan dibuat supaya masalah krisis politik yang sedang kita hadapi bukan isu Anwar Ibrahim, isu ialah hasrat rakyat untuk keadilan, untuk kebebasan, untuk demokrasi, untuk good governance. Bagaimana isu ini boleh diatasi dan ditangani dan bukan melalui repression.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat!

Tuan Lim Kit Siang: Cukup! Kenapa begitu pendek?

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Tuan Yang di-Pertua telah memberi ruling tadi.

Tuan Lim Kit Siang: Kita ada satu hari yang sepenuhnya, bukan?

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Tetapi kemungkinan ramai Ahli-ahli yang ingin mengambil bahagian, saya beri masa Yang Berhormat lebih sedikitlah ya.

Tuan Lim Kit Siang: Sedikit, ya. Sebab itu saya harap bahawa ada satu commission terap Musa Hitam sebagai salah seorang anggota satu commission untuk mencari satu penyelesaian politik kepada krisis politik ini.

Dan akhirnya sekejap lagi kita akan mengadakan kemuncak APEC dan ini patut menjadi crowning glory untuk Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam jawatan 17 tahun sebagai Perdana Menteri tetapi nampaknya sudah menjadi satu, dengan izin, great personal national international embarrassment di mana baru-baru ini Perdana Menteri Kanada, Jean Chretien pun kata bahawa tidak mahu ada

perjumpaan bilateral dengan Perdana Menteri dan saya harap bahawa kita perlulah, sungguhpun Perdana Menteri dan menteri-menteri kata APEC adalah satu mesyuarat economic dan bukan politik, kita tidak boleh asingkan daripada kenyataan bahawa dalam dunia ini rekod kita dalam hak asasi, dalam demokrasi, dalam rule of law perlulah satu rekod yang baik dan kita perlu ada komitmen untuk memperbaiki, mempertingkatkan rekod ini khasnya dalam tahun 1998 ini adalah International Human Rights year.

Akhirnya, dalam ACA kenapa sampai sekarang tidak ada Ketua Pengarah ACA? Nampaknya ACA sudah menjadi satu bola dalam power struggle antara Perdana Menteri dan bekas Timbalan Perdana Menteri, inilah tidak sihat dan saya harap bahawa kita boleh dapat jawapan yang jelas mengenai masalah-masalah yang ditimbulkan baru-baru ini khasnya mengenai penyiasatan ACA kepada Gabenor Bank Negara bahawa dalam satu penyiasatan ada didapati RM100 sebagai tunai dalam pejabat Tan Sri Ali Abul Hasan dan lain-lain perkara semacam apa yang disebutkan semalam oleh bekas Timbalan Perdana Menteri bahawa Malaysian resources ialah satu trust untuk UMNO 80% dalam tangan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan beberapa juta Ringgit sudah hilang, apakah kedudukannya, akhirnya rumah kediaman, kenyataan yang dibuat ini kerap kali oleh bekas Timbalan Perdana Menteri bahawa kosnya ialah RM200 juta sungguhpun Yang Berhormat Sertiasaha Parlimen kata itulah RM17 juta.

Oleh kerana ini adalah satu perkara untuk kepentingan orang ramai, perlulah satu siasatan terbuka dalam perkara ini dan juga dakwaan-dakwaan yang lain supaya menunjukkan kerajaan accountable, transparent dan terbuka.

Tuan Pengerusi, oleh kerana dalam perkara ini satu hari yang diperuntukkan untuk jabatan ini, kalau tidak ada orang, kalau empat jam

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Dalam Jawatankuasa kita boleh bangkit lebih dari satu, kita tengok keadaan, kalau sekiranya tidak ada orang kita boleh ambil bahagian lagi.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, boleh teruskan mengambil bahagian lagi? Baik terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Batang Lupar.

11.45 pagi

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Batang Lupar]: Tuan Pengerusi, terima kasih. Kita telah dengar banyak cerita falsafah tadi, jadi saya pergilah kepada yang realistik sedikit. Jadi, pejabat Perdana Menteri ini bertanggungjawab kepada kerajaan dan negara ini untuk memastikan kesejahteraan masyarakat dan negara ini.

Jadi, apa sahaja tindakan asalkan tidak sangat melulu sebagaimana yang telah kita nikmati selama 17 tahun, saya amat menyanjung tinggi. Berkemungkinan tidak banyak di antara kita di sini mempunyai keluarga yang mati ditembak komunis, ditembak penjahat, mati dalam rusuhan dan sebagainya. Tetapi saya mungkin dari salah seorang yang mempunyai banyak keluarga yang mati ditembak semenjak tahun 1962 sama ada oleh pemberontak ataupun komunis. Jadi, saya memahami bagaimana rasanya kalau keadaan haru biru dan tegang berlaku di negara ini.

Jadi, mungkin nyawa manusia ini tidak begitu berharga dan kebaikan macam keamanan tidak begitu bernilai kepada orang yang tidak mengerti dan tidak pernah terlibat. Bagi saya pernah merasa takut, pernah merasa ngeri dan gerun apabila berhadapan dengan satu-satu perkara.

Jadi, saya menghargai dan menyanjung tinggi perkara-perkara yang sedemikian. Bagi mereka yang hanya tahu bercakap, hanya pandai berpidato soalan idealisme dan sebagainya dan falsafah-falsafah dan sebagainya, mungkin berasa lega kerana mereka biasanya masuk ke bawah baju skirt isterinya bila perkara-perkara yang jahat berlaku tetapi orang yang berada di medan hadapan, yang mendagangkan nyawanya mungkin berpendapat berlainan sedikit.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh perkara yang mundane sedikit tidak begitu menarik perhatian iaitu kita telah merdeka dan kita melihat kemewahan

negara ini dan keamanan negara ini jugalah telah menyuburkan kedudukan dan membuat masyarakat Malaysia telah menjadi masyarakat yang dihormati sebagai masyarakat yang mewah dan sebagainya.

Kegawatan ekonomi di Indonesia, kegawatan ekonomi di Thailand, kegawatan ekonomi di Korea telah mendatangkan padah kepada masyarakatnya, tetapi kegawatan ekonomi di Malaysia adalah amat berlainan iaitu kegawatan ekonomi di Malaysia hanya orang tidak boleh beli BMW baru, beli Mercedes baru dan beli Jaguar baru ataupun kereta-kereta mewah yang lain.

Jadi, kegawatan kita berlainan sedikit. Walau bagaimanapun, saya ingin menyentuh di bawah Bekalan B.1 030000 – ‘one-off’.

Tuan Pengerusi, Bangunan Parlimen pada tahun mula Parlimen ini dibina adalah yang canggih, yang indah, yang membanggakan bila dipandang, moden dan sebagainya, setiap benda yang moden itu selepas beberapa dekad hilang kemodenannya dan pada masa sekarang kemudahan di Parlimen, perkakas Parlimen amatlah tidak sesuai dalam tahap negara kita yang ada sekarang ini.

Kalau kita boleh membina benda-benda yang besar, projek lain yang besar, kenapa pula simbol kemajuan, simbol kemegahan, simbol segala-galanya apa yang indah di negara ini tidak boleh dinaik tahap, masih kita melihat plywood menjadi meja, PVC menjadi lapek tempat duduk. Di kantin kita macam kedai kopi yang 0+0 bintang, kalau dapat 3 bintang enak sedikit.

Saya pernah menyebutkan perkara ini beberapa tahun yang lalu, tetapi sokongan pada mulanya ada juga kawan-kawan yang menyokong. Jadi, saya berharaplah pihak kerajaan melihat semula soalan Parlimen kita sama ada kita memperbaharui ataupun membina semula Bangunan Parlimen yang lebih baik dan lebih indah mencerminkan kemajuan kita.

Kalau kita boleh binakan satu Menara Kuala Lumpur yang begitu tinggi, nombor tiga yang tertinggi dalam dunia, Menara Petronas yang tertinggi di dunia dan Menara Bendera di Kuala Lumpur mungkin yang tertinggi juga di dunia,

kenapa pula Bangunan Parlimen sebagai simbol kedaulatan Negara; masuk dalam wang dan benda-benda lain sebagai cenderamata kepada orang asing tidak boleh dibina semula supaya kelihatan bangunan yang lebih indah, kemudahan yang lebih selesa.

Berpindah saya ke Bilik Menara Parlimen, oleh kerana saya sudah sebut Bilik Menara Parlimen, kepada Ahli Parlimen diberi satu bilik dua orang kongsi, saya dengan Ahli Yang Berhormat Dato' dari Labuan ini, ada kerusi, ada meja tetapi temperature di luar kita kadang-kadang mencecah 100 darjah celcius, tetapi dalam bilik tidak ada hawa dingin, tidak ada plug pun kalau hendak memasang kipas angin.

Jadi, saya bawa desktop kira hendak buat kerja sedikit di bilik saya dari pukul 1.00 tengah hari hingga pukul 2.30 petang, tetapi tidak ada power point. Jadi, saya datang ke sana memberi salam sahaja lepas itu balik kerana panas sangat kerana saya memakai kot, kalau kita berbincang di sini menggunakan baju melayu mungkin boleh selesa sedikit, oleh kerana pakai kot ini jadi panas sangat.

Tuan Yunus bin Rahmat: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, Jelebu bangun.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Sedikit sahaja ya, masa saya sepuluh minit.

Tuan Yunus bin Rahmat: Satu minit. Tuan Pengerusi, saya tertarik dengan saranan yang dibuat oleh Batang Lupar. Yang saya hendak tanya, adakah Yang Berhormat ingin menyarankan supaya perbelanjaan yang dibuat ini haruslah berhati-hati dan berhemat. Contohnya di Parlimen ini, saya setuju dengan upgrading, tempat duduk, bilik dan sebagainya tetapi yang di depan kita ini, Tuan Pengerusi, saya pun tidak tahu sampai hari ini tidak boleh dipakai ini. Apa benda

ini? *[menunjuk alat di bawah meja]* Kita pun tidak tahu apa benda yang telah pun dibuat dan apa fungsinya, sampai sekarang ini sudah penggal ketiga, kita masih tidak boleh pakai lagi sistem ini.

Yang keduanya, Tuan Pengerusi, sedikit lagi. Tempat duduk kita ini. Saya dahulu pernah bertugas sebagai pelapor di jabatan dan juga di kementerian, saya yakin rakan-rakan pegawai dari jabatan pun tidak nampak ‘nama kawasan’ *[menunjuk kad tanda nama dan kawasan]*. Dia tidak nampak sebab, Tuan Pengerusi, mereka ini bukan hanya duduk dalam Dewan ini, mencatat tetapi harus dinyatakan dengan detail siapa yang bangun, dari kawasan mana, siapa nama, harus dimasukkan dalam laporan mereka. Jadi mereka tidak nampak ini, kalau Jelebu bangun, tidak nampak daripada side ini, daripada side Bahagian Kementerian Pendidikan tidak nampak. Jadi saya minta benda ini diperjelaskan dan dicadangkan supaya lebih sistematik. Terima kasih.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Saya cukup setuju, Tuan Pengerusi, sebab saya memang hendak sampai, oleh kerana Jelebu sudah sebut, itu percakapan sayalah tadi. Saya sokong dan saya setuju. Sebab saya memang sudah sebut, saya diberi kad benda ini *[menunjuk kad di meja]* sampai sekarang saya tidak tahulah mana kad itu kerana kad ini mungkin macam kad kredit.

Seorang ahli: Tidak ada.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Ada, saya ada terima kad, mungkin kad kredit saya, saya fikir itulah. Jadi benda ini tidak buat apa-apa pun, duit kita sudah terbuang. Jadi saya berharaplah soal Parlimen ini memang bukan sahaja kecanggihannya, tapi kesesuaiannya di masa sekarang. Mungkin benar kata Yang Berhormat dari Jelebu. Jangan gunakan benda ini, kenapa kita tidak boleh gunakan sistem digital, dekat sini keluar ada nama Jelebu cakap, api dia keluar. Jadi saya berharaplah benda ini bukan sahaja panggil tender tetapi kita kena

panggil benda yang boleh digunakan, jangan buang duit percuma, macam ini tidak boleh pakai. Jadi saya berharaplah benda ini dilihat.

Oleh kerana masa saya walaupun ada injury time, Tuan Pengerusi, tambah 10 minit. Pendek sahaja cerita saya ialah pasal pendaftaran pengundi. Pendaftaran pengundi ini adalah banyak kebbaikannya.

Di Semenanjung Malaysia masalah ini mungkin tidak begitu ketara oleh kerana perhubungan adalah senang, baik dan boleh dibuat tapi perhubungan di Sarawak dan di Sabah umpamanya adalah kurang baik. Di pedalaman masih susah diikuti, kampung-kampung susah hendak dihubungi. Pegawai yang membuat pendaftaran ialah pegawai kanan daerah kecil di kampung-kampung di Sarawak. Jadi pegawai ini tidak ada orang membantu dia, ada kerani seorang dua boleh membantu di pejabatnya. Jadi kalau pegawai ini pergi sampai dua tiga hari ke Ulu Baram, ke Ulu Kapit, ke Ulu Kanowit, ke Ulu Batang Lupar, ke Lubok Antu dan sebagainya, memang pejabat dia akan ditinggalkan dan habislah soalan ini. Jadi oleh kerana pegawai daripada SPR sendiri mungkin tidak mencukupi untuk mendaftar masyarakat di luar bandar, dengan itu berlakulah masyarakat di kampung, umpamanya di kawasan saya, tidak kurang 40,000 orang tetapi penduduk yang didaftar sebagai pengundi hanya 22,000 orang. Jadi ini masih banyak disparity kita nampak orang yang boleh mengundi tidak didaftar sebagai pengundi oleh kerana perhubungan. Kalau kita hendak tunggu masyarakat itu pergi ke pejabat, minta maafalah kalau RM10.00 dia pergi, mungkin baik dia beli sayur dan beli beras daripada pergi mendaftar sebagai pengundi. Dengan itu political obligasi itu tidak dibuat. Seterusnya saya berharap pihak kementerian melihat perkara ini dan membuat satu operasi yang khusus untuk Sarawak dan Sabah, sekurang-kurangnya supaya pendaftaran pengundi diperhebatkan lagi dan boleh kita mencapai tahap yang baik.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Sudah cukup Yang Berhormat ye. Masa sudah cukup.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Ada sedikit, Tuan Pengerusi. Injury time ini. Terima kasih, Tuan Pengerusi. Satu lagi perkara yang banyak diheboh-hebohkan oleh kawan saya daripada Sarawak. Apabila perkara berlaku di Semenanjung, banyak kawan saya bertanya terutama sekali, peguam-peguam ini, selalu bertanya dengan saya kenapa pula pihak-pihak pegawai kerajaan yang kanan umpamanya, suka sangat hendak appear dalam TV dan surat khabar, press conference dan sebagainya. Kadang-kadang muka macam hendak marah, pegawai kerajaan yang tidak indah, tidak nampak sedap dipandang. Nama yang selalu disebut oleh peguam-peguam berhubung dengan saya, pejabat saya ialah macam IGP dan AG umpamanya, kalau bercakap macam harimau dan bercakap lebih daripada politician. Jadi banyak peguam mencadangkan kalau orang macam AG, orang macam IGP nak jadi politician, nak mensadaikan muka di kaca televisyen, patutlah resign. Macam Yang Berhormat Kapitan jadi politician, dapatlah laporan daripada televisyen dan surat khabar.

Saya memintalah supaya kementerian beritahu kepada pegawai-pegawai kerajaan ini, tidak payah banyak sangat publisiti untuk sendiri dan pegawai kerajaan “should be seen and not heard.” Mereka ini melebihi dari politician. Bila nampak Wan Junaidi keluar dalam surat khabar, muka besar ini, mereka kata apa saya tidak keluar, saya buat kerja besar lagi. Jadi pegawai kerajaan pula hendak buat publisiti sendiri. Jadi saya harap pegawai tertinggi kerajaan kalau tidak tahu cara bercakap politik, tidak tahu cakap manis dengan orang, tolong jangan cakap dalam televisyen, tolong jangan cakap dalam surat khabar. Salah interpretasi itu sebagai dasar kerajaan, nanti kita yang salah. Kita yang masalah.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, masa sudah lebih dah.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tetapi politician pula terpaksa menjawabnya. Sikit, sikit lagi, Tuan Pengerusi. Sikit sahaja mengenai

soalan undang-undang. Ini perkara yang memang saya hendak sebut kali ini. Dua perkara pendek, Tuan Pengerusi.

Perkara pendek yang pertama iaitu, apabila kerajaan membubarkan satu undang-undang, saya berharap diadakan satu pemikiran yang panjang. Oleh kerana banyak berlaku, mungkin banyak orang tidak sedap dengar saya sebut ini. Saya sebut juga oleh kerana tugas dan tanggungjawab saya sebagai Ahli Parlimen. Umpamanya apabila undang-undang itu digubal, undang-undang itu melibatkan satu-satu perkara constitutional. Umpamanya Danaharta, apabila digubal undang-undang Danaharta, saya menyokong 100% Danaharta dan penggunaannya. Tapi bila undang-undang itu digubal, constitutional conflict di antara constitution Malaysia dan constitution Sarawak tidak diambil kira.

Dengan itu wujudlah satu undang-undang yang tidak dapat dilaksanakan di Sarawak dan di Sabah oleh kerana Perlembagaan Malaysia dan Sarawak dan Perlembagaan Sabah yang menghalang pelaksanaan undang-undang tersebut.

Jadi, ini bukan satu sahaja undang-undang Danaharta sebegitu juga undang-undang privatisation, banyak keutamaan yang diberi oleh pihak Parlimen ini sama rata kepada semua rakyat Malaysia. Tetapi malangnya Sarawak dan Sabah tidak mendapat kemudahan dan keutamaan yang sama oleh kerana satu-satunya provision undang-undang di Sabah dan Sarawak yang tidak diselaraskan semasa undang-undang itu dibuat.

Yang akhirnya Tuan Pengerusi iaitu undang-undang syariah dan sivil. Undang-undang syariah dan sivil pada masa ini belum diselaraskan. Jadi, banyak perkara – mahkamah syariah membuat satu keputusan tetapi tidak dapat dikuatkuasakan oleh mahkamah syariah oleh kerana tidak ada kuasa memberi arahan kepada pegawai-pegawai kerajaan, umpamanya pendaftar tanah dan sebagainya.

Jadi, dengan keadaan yang sedemikian, tinggallah mahkamah syariah ini menjadi satu deklarası sahaja dan tidak boleh dikuatkuasakan. Kalau perkara ini berlaku, makna dia mahkamah syariah dan undang-undang syariah menjadi undang-undang second rate di negara kita melainkan diselaras dengan sempurnanya supaya dapat diguna sebagaimana undang-undang sivil di negara ini.

Tuan Pengerusi, terima kasih kerana memberi peluang kepada saya.

[Beberapa Ahli bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ahli Yang Berhormat dari Kepong sudah bangun awal ya. *[Yang Berhormat dari Kepong memberi laluan kepada Ahli Yang Berhormat dari Jelutong]*

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, Jelutong.
12.01 tgh.

Tuan R. Karpal Singh [Jelutong]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Dua perkara yang ingin saya bangkitkan ialah berkenaan Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan, Mahkamah Tinggi, hakim-hakim dalam mahkamah itu dan Jabatan Peguam Negara - B.10 muka surat 81.

Tuan Pengerusi, isu yang hangat sekarang adalah mengenai apa yang dibangkitkan kelmarin dan penjelasan yang telah diberi oleh Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri adalah satu penjelasan yang tidak boleh diterima. Walaupun Timbalan Menteri ini adalah seorang lawyer tetapi tafsiran yang diberi kepada Peruntukan 43(5) tidak boleh diterima langsung kerana ada perbezaan di antara perkataan “dimaklumkan” dengan “dinasihatkan” kerana ini adalah satu perkara yang penting. Jika pemecatan bekas Menteri Kewangan tidak sah, itu bermakna pelantikan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebagai Menteri Kewangan I dan Menteri Kewangan II tidak boleh dianggap sebagai sah kerana ini adalah satu perkara yang tidak boleh diketepikan walaupun ada beberapa confusion yang

dicreated kelmarin untuk memberi gambaran bahawa apa yang dilakukan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri adalah sah.

Bagi pembangkang tidak ada jalan lain – hanya untuk merayu kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan dalam Belanjawan, Tuan Pengerusi, ada Peruntukan privy peers untuk Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan sebagainya dan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong adalah diwajibkan untuk menentukan peruntukan-peruntukan di dalam Perlembagaan adalah diikuti oleh Eksekutif. Saya terima mengikut Perkara 40 Perlembagaan Persekutuan, dengan izin, “*Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong acts on advice*” tetapi adalah apa yang memberi kepada dia mengenai pembatalan pelantikan atas Menteri Kewangan advice, jika itu tidak advice tetapi hanya dia ada dimaklumkan, itu bermakna Peruntukan 43(5) tidak ada diikuti dan jika itu, apa jadi kepada kewajipan seorang raja? Apa yang saya nyatakan tadi, ada Peruntukan “*The Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong is to act on advice*” dan jika tidak advice diberi kepada dia, itu bermakna lantikan Menteri Kewangan masih sah.

Jika Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ingin ada Peruntukan dalam Perkara 40 yang berbunyi:

“Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong to act on advice in the exercise of his functions, but shall be entitled at his request, to any information concerning the government of the Federation which is available to the Cabinet”.

Ada priviso kepada Perkara 41 iaitu atas permintaan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong , dia boleh mendapatkan daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri butir-butir mengenai apa yang dibuat oleh dia apabila membatalkan pelantikan bekas Menteri Kewangan. Lagi satu kewajipan yang harus ditunaikan oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong adalah Peruntukan 130 Perlembagaan yang berbunyi, dengan izin,

“Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong may refer to the Federal Court for its opinion any question as to the effect of any provision of this Constitution.....”

Apa yang saya nyatakan tadi, jika dia ada dimaklumkan dan bukan dinasihatkan itu bermakna tidak mematuhi kepada Perkara 43.

“.....refer to the Federal Court for its opinion any question as to the effect of any provision of this Constitution which is has arisen or appears to him likely to arise, and the Federal Court shall pronounce in open court its opinion on any question so referred to it.”

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri kelmarin ada menyatakan kerajaan tidak bercadang untuk menggunakan Peruntukan 130 dalam Perlembagaan tetapi ini bukan bermakna Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sendiri tidak boleh kerana perkataan yang digunakan adalah “*Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong may refer*” dan ini menjadi satu perkara di mana saya merayu kepada Majlis Raja-raja khasnya Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong untuk “invoke the provisions of the Article 130” walaupun kerajaan tidak ingin untuk berbuat demikian.

Perkara yang kedua, Tuan Pengerusi, adalah mengenai mahkamah-mahkamah. Kes Anwar Ibrahim adalah satu kes yang mendapat perhatian bukan sahaja di dalam negara ini tetapi seluruh antarabangsa dan mengikut kebimbangan ‘orang’ ini yang sedang didakwa sekarang dan kes itu masih berjalan tetapi mengikut apa yang ditulis olehnya – ada 15 muka surat di sini. Satu surat yang ditulis oleh Anwar Ibrahim sendiri bertarikh 3 November 1998 – *From the House of Power to the Labyrinths of Incarceration*, dengan izin, saya baca apa yang penting dan perlu sahaja.

“I am now incarcerated at the Sungai Buloh Prison after being released from the clutches of Mahathir’s henchman at Bukit Aman. Much as he wanted to Mahathir could not keep me detained without trial indefinitely because of my habeas corpus application which he had to avoid at all cost. If the hearing of the application is properly conducted which has brought alight his role in the conspiracy against me. He just does not have the guts to face me in an open court or any where else for that matter” dan ini penting

“Mahathir is determined to keep me behind bars for at least four years. His original plan was to keep me incarcerated in definitely under

Tuan Haji Noh bin Omar: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ada yang bangun, Yang Berhormat.

Tuan R. Karpal Singh:.... the ‘draconian’ Internal Security Act.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Tanjung Karang bangun.

Tuan R. Karpal Singh: Point of orderkah?

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ada apa, Yang Berhormat.

Tuan Haji Noh bin Omar: Saya belum capak pun, Yang Berhormat sudah tahu!

Tuan R. Karpal Singh: Saya mahu tanya!

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya.

Tuan R. Karpal Singh: Kalau Point of order, saya hendak duduk, jika tidak.....

Tuan Haji Noh bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, Saya hendak bertanya, bolehkan dia baca.....

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat Jelutong itu Yang Berhormat

Tuan Haji Noh bin Omar:kes ini sedang berjalan...

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Nanti Yang Berhormat,surat-surat yang berkaitan dan melibatkan orang-orang tertuduh ini Yang Berhormat, saya rasa kalau Yang Berhormat hendak mengemukakan pada masa ini pun kita tidak ada banyak masa untuk menilai. Lebih baik dikemukakan dahulu kepada Pengerusi ataupun Yang di-Pertua untuk disemak sama ada perkara ini boleh dibangkitkan di dalam Dewan kerana surat yang panjang itu semuanya ada menyentuh sedikit hal-hal yang berkaitan dengan tahanan dan perbicaraan. Saya harap Yang Berhormat faham.....

Tuan R. Karpal Singh: Ya, ya. Saya faham, oleh itu.....

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, saya tidak benarkan.....

Tuan R. Karpal Singh:saya baca apa yang penting dan apa yang ada kaitan...

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: ...perkara-perkara, surat yang dibacakan kerana itu adalah melibatkan dengan tahanan – apa sebab dia ditahan kerana dia di dalam perbicaraan sekarang, Yang Berhormat. Lagi pun kita sekarang ini, Yang Berhormat

Tuan R. Karpal Singh: Apa yang saya ingin bangkitkan, Tuan Pengerusi.....

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:kita berada di dalam Jawatankuasa.

Tuan R. Karpal Singh: Ya.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Banyak perkara yang disentuh itu adalah perkara dasar yang jauh sangat.

Tuan R. Karpal Singh: Ini mengenai mahkamah!

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, saya tahu. Bukan semua perkara itu boleh disentuh, yang perkara dasar jauh – terlalu jauh, Yang Berhormat, quite remote.

Tuan R. Karpal Singh: Bukan remote.... kerana dia bimbang.....

Tuan Haji Noh bin Omar: Tuan Pengerusi, saya minta jalan.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat

Tuan R. Karpal Singh:..... tidak akan mendapat keadilan dalam mahkamah.....

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat.....

Tuan R. Karpal Singh:..... dan apa yang disuarakan olehnya.....

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Tidak payah membaca surat itu, Yang Berhormat. Yang Berhormat boleh secara umum membahaskan berkaitan dengan.....

12.10 tgh.

Tuan Haji Noh bin Omar: Sebelum saya hendak memberi ucapan saya hendak menyatakan kekesalan saya kepada pihak pembangkang terutama Jelutong yang mengungkit perkara-perkara yang sama, sama ada dasar ataupun committee pun tidak dapat dibezakan dan saya merasa kesal kerana pembangkang menggunakan Dewan yang mulia ini untuk mengambil publisiti murah dan mengungkit-ungkit lagi perkara yang sedang dibicarakan di mahkamah. Saya juga merasa kesal kerana Yang Berhormat cuba menjadi hakim sendiri apabila tidak dapat menerima tafsiran 'maklum' dengan 'advice' itu adalah perkara yang sama. Yang Berhormat sebagai peguam sepatutnya tidaklah boleh membuat penghakiman sendiri sebab kita tidak tahu sama ada tafsiran itu betul ataupun tidak melainkan mahkamah yang memutuskan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh mengenai kehakiman juga. Kita dapati pada hari ini walaupun kerajaan sedang berusaha untuk memperbanyakkan majistret-majistret tetapi kita dapati masih lagi tidak mencukupi. Saya ingin mengambil contoh mahkamah majistret di daerah saya oleh kerana Tanjong Karang ini tidak ada daerah, saya ada dua daerah, daerah Kuala Selangor dan juga daerah Sabak Bernam. Di kedua-dua daerah ini hanya ada satu sahaja majistret. Majistret ini dulunya bertempat di Kuala Selangor dan

setiap hari Selasa dan hari Khamis majistret yang sama dan semua sekali dengan kakitangan mahkamah Kuala Selangor ini akan berpindah ke Sabak Bernam untuk mendengar kes-kes di Sabak Bernam. Oleh kerana kegawatan ekonomi, saya telah dimaklumkan bahawa majistret yang sama hari ini hanya mampu menghadiri perbicaraan diri di Mahkamah Majistret Sabak Bernam hanya satu hari atau sekali seminggu. Cuba kita bayangkan bagaimanakah kes-kes di daerah Sabak Bernam boleh kita selesaikan dengan baik kalau hanya satu hari seminggu sahaja Mahkamah Majistret di Sabak Bernam ini boleh dijalankan.

Oleh itu saya ingin merayu kepada pihak kerajaan supaya menimbangkan penambahan majistret di Kuala Selangor dan juga daerah Sabak Bernam. Saya lihat untuk menambah majistret ini mungkin memakan belanja, mungkin kegawatan ekonomi memerlukan perbelanjaan untuk menambahkan majistret dan juga kakitangan di satu-satu mahkamah.

Oleh itu saya ingin mencadangkan supaya pihak kerajaan mengkaji semua kedudukan Second Class Magistrate, kerana di dalam Subordinate Court Act 1948 memang ada satu peruntukan untuk Second Class Magistrate ini di mana Second Class Magistrate ini mempunyai kuasa untuk kes-kes jenayah boleh memenjarakan seseorang pesalah dalam kes jenayah tidak lebih dari enam bulan dan tidak melebihi RM1,000 denda apabila kedua-duanya sekali.

Begitu juga dengan kes sivil, Second Class Magistrate boleh mendengar kes-kes tuntutan yang tidak melebihi RM3,000 dan biasanya Second Class Magistrate ini terdiri daripada pegawai-pegawai daerah dan juga Jaksa Pendamai.

Ramai kawan-kawan ataupun orang ramai mendapat JP daripada Sultan, sahabat saya dari Machang Presiden JP Negeri Kelantan, jadi JP ini automatik menjadi Second Class Magistrate. Begitu juga dengan pegawai-pegawai daerah. Jadi untuk meringankan beban First Class Magistrate ini maka saya mencadangkan supaya perlantikan Second Class ini diperbanyakkan. Ramai JP-JP, kalau kata pegawai daerah ini terlalu sibuk dengan tugas-tugas pentadbiran maka ramai menjadi JP maka kita harap JP ini bukan sahaja dia bagi untuk suka-suka tetapi boleh dimanfaatkan kerana 'Jaksa Pendamai' (JP) ini secara automatiknya menjadi Second Class Magistrate tetapi ia ada peraturan-peraturan bagaimana seseorang JP itu layak untuk mendengar satu-satu kes.

Saya percaya kalau JP ini banyak dilantik terutamanya di luar bandar maka banyak kes-kes yang kecil-kecil (minor case), traffic offence sebagai contoh, ataupun kes-kes yang saya nyatakan tadi sesuatu kesalahan yang boleh dipenjarakan tidak lebih daripada enam bulan atau denda tidak lebih RM1,000 maka boleh diselesaikan dan kalau ada kes-kes yang besar memang dalam peraturan ini juga, dalam seksyen 88 kalau tidak silap saya kalau Second Class Magistrate mendapati kes yang didengar ini melebihi daripada jurisdiction yang ada padanya, ia boleh refer kes ini kepada First Class Magistrate. Jadi saya harap kedudukan dan juga tugas kepada Second Class Magistrate ini dapat dikaji semula supaya dapat meringankan beban First Magistrate yang ada di daerah-daerah terutamanya di luar bandar.

Kita dapati di dalam bandar seperti di Kuala Lumpur berbagai-bagai usaha telah pun kita laksanakan untuk meringankan atau mengurangkan kes-kes tertunda di satu-satu mahkamah. Kita dapati untuk mengurangkan kes-kes trafik, kita telah tubuhkan Mahkamah Trafik, begitu juga kita telah menubuhkan Mahkamah Bandaraya. Jadi ini semuanya saya percaya kerajaan buat untuk mengurangkan beban kepada satu-satu mahkamah dan juga untuk memastikan bahawa satu-satu kes ini berjalan dengan lebih lancar. Sebeb itu saya harap kedudukan Second Class Magistrate ini dapat dikaji dan kalau boleh dipergunakan supaya kita dapat membantu kes-kes terutamanya di luar bandar yang hari ini masih lagi menghadapi kekurangan majistret.

Yang kedua saya juga ingin menyentuh mengenai kehakiman iaitu bangunan-bangunan mahkamah. Saya ambil contoh bangunan Mahkamah Sabak Bernam dan Mahkamah Kuala Selangor. Kita tahu mahkamah ini satu badan yang mulia, sama taraf dengan Dewan yang mulia ini, bahawa tidak ada siapa yang boleh menghina mahkamah, walaupun mahkamah majistret, boleh dikenakan hukuman. Tetapi kadang-kadang bila kita pergi Mahkamah Kuala Selangor dan Mahkamah Sabak Bernam kita lihat, rasa begitu sedih kerana bangunan-bangunan ini merupakan bangunan-bangunan lama kerajaan. Dia buatlah sedikit renovation sana sini dan dijadikan mahkamah dan kalau kita tengok mahkamah pun kita rasa tidak gerun sangat. Walaupun mahkamah ini satu tempat yang mesti diletak pada satu tempat yang paling tinggi, yang paling mulia, yang mesti dihormati tetapi melihat keadaan bangunan yang ada kita rasa memang tidak patut kita hormat kepada bangunannya tetapi kepada institusinya memang patut kita memberikan satu penghormatan. Keadaan bilik majistretnya, keadaan bilik pentadbirannya begitu kecil dan ini menyebabkan keadaan rasa dalam mahkamah berada dalam keadaan yang kurang selesa.

Oleh itu saya harap pihak kerajaan memandangkan mahkamah ini juga merupakan satu jabatan, satu badan yang boleh mendapatkan pendapatan kepada kerajaan, saya yakin pendapatan yang diperolehi daripada saman-saman atau pun denda-denda yang dikenakan oleh setiap mahkamah begitu banyak yang boleh menambah pendapatan negara. Maka oleh kerana mahkamah ini merupakan satu badan yang mendatangkan pendapatan bagi negara maka sudah sampai masanya badan-badan bangunan mahkamah ini harus diperbaiki, harus diperelokkan supaya ia sesuai dengan taraf untuk kita mencari keadilan di dalam satu-satu kes yang kita dengar.

Tuan Pengerusi, saya tidak banyak cakap, cukup sepuluh minit, dengan ini saya menyokong. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, muka surat 46 Butiran 020000 - Unit Perancang Ekonomi, 020400 - Penswastan, muka surat 53 Butiran 090000 - Pejabat Kemajuan Wilayah Persekutuan dan muka surat 69 - Program Sokongan Sumber Manusia.

Tuan Pengerusi, dalam beberapa tahun ini trend penswastan di Malaysia telah berterusan. Nampaknya terdapat kerjasama (collaboration) di antara kerajaan dengan sektor swasta yang diharapkan membuat pendekatan-pendekatan inovatif. Banyak jabatan kerajaan dan projek-projek prasarana telah dilaksanakan. Sekarang, kerajaan menumpukan perhatian kepada perkhidmatan-perkhidmatan sosial seperti hospital-hospital dan universiti-universiti. Setor perubatan kerajaan telah pun diswastakan.

Di sini saya menyeru supaya Jabatan Perdana Menteri mengumumkan bilangan jabatan, perkhidmatan dan projek-projek sosial yang telah diswastakan, jumlah perbelanjaan, jumlah yang dijamin serta masalah-masalah yang timbul.

Tuan Pengerusi, sungutan-sungutan mengenai ketidakadilan memang seringkali didengar. Misalnya, baru-baru ini Unit Perancang Ekonomi telah memilih lima kontraktor “turnkey” untuk projek-projek membina pusat-pusat latihan Kementerian Sumber Manusia di beberapa negeri. Satu pusat seumpama ini dengan kelengkapan dan mesin-mesin boleh memuatkan seramai 600 orang.

Lima kontraktor yang telah dipilih ialah TA Structures-Majutera-Perbadanan Perwira Harta Malaysia (ASTEK Kulim dan ILP Perlis), Kausar Corporation (ASTEK Melaka), Dimensi Tuah-Umi Ross-Liziz Sdn. Bhd. (ASTEK Johor dan ILP Muar), Marimas-Magna Prima (ILP Negeri Sembilan) dan KUB-Bina Puri IV (ILP Sabah dan ILP Sarawak).

Tuan Pengerusi, pusat-pusat seumpama ini memang kita alu-alukan, boleh melantik lebih ramai orang untuk bekerja dengan taraf yang tinggi. Walau bagaimanapun, aduan yang telah saya terima ialah kelima-lima kontraktor ini tidak mengetahui apakah mesin-mesin dan kelengkapan-kelengkapan yang diperlukan. Yang pentingnya saya diberitahu bahawa mereka tidak memahami langsung apakah mesin dan kelengkapan yang diperlukan dan apakah keperluan pusat-pusat latihan ini.

Di sini saya berharap Yang Berhormat dapat menjelaskan mengapa kelima-lima ini dipilih kerana kita mesti mengkaji kriteria-kriteria yang digunakan terutama di dalam krisis ekonomi kita. Kita tidak boleh menggunakan cara-cara yang tidak berkesan seperti dulunya ada sesetengah cara pendekatan yang tidak berkesan. Di sini kita perlu dengan krisis ekonomi mewujudkan satu sistem yang lebih baik untuk memilih kontraktor-kontraktor dan untuk melaksanakan sistem penswastan terutama dengan hospital-hospital, universiti-universiti kerana ini sektor sosial dan memang menimpa masalah, masalah yang banyak terutama yuran universiti, terutama fee yang dibayar hospital yang dikhuatiri meningkat dan sebagainya. Di sini saya hendak menekankan bahawa pihak kerajaan memang mestilah peka kepada beban yang dikenakan ke atas rakyat misalnya dengan tol-tol yang dikenakan di seluruh negara dan apa yang disebutkan satu cara yang lebih

berkesan untuk menggunakan sumber di negara ini dengan penswastaan telah mengadakan lebih beban ke atas rakyat termasuk di tol misalnya di Tol Jalan Kucing, telah dilanjutkan beberapa tahun sehingga tahun 2003. Alasan-alasan yang diberikan oleh pihak kerajaan ialah kerana lebih kerja diberi kepada concessionaire, dengan itu tempoh kutipan tol dilanjutkan.

Tuan Pengerusi, kita mesti ingat bahawa dengan krisis ekonomi sekarang rakyat memang menghadapi kesusahan dan dengan kesusahan ini memang kerajaan mesti sentiasa fikir bagaimana kita boleh mengurangkan beban ini dan jangan kita naikkan tarif, jangan kita naikkan kadar tol dan sebagainya dengan begitu sahaja. Inilah seruan saya mengenai sistem penswastaan yang ada sekarang, bagi pendapat saya memang dengan era yang baru kita mesti memperbaiki keadaan mengenai penswastaan supaya kelemahan-kelemahan yang telah saya sebutkan tadi tidak akan timbul lagi.

Tuan Pengerusi, mengenai masalah di Wilayah Persekutuan. Walaupun kerajaan berusaha untuk melaksanakan semua projek di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur tetapi saya nampak ada beberapa projek yang tidak dapat dilaksanakan kerana faktor-faktor yang tertentu termasuk yang disebut sebagai monorel, KLCC Monorel tidak dapat dilaksanakan dan juga projek-projek kerjasama kerana krisis ekonomi tidak dapat dilaksanakan, misalnya projek Metro di Batu 7 Kepong sekarang nampaknya hampir dua tahun kerja tidak dijalankan, tiada aktiviti. Projek-projek yang lain seperti projek kerjasama di antara DBKL dengan sektor swasta di Jinjang Utara, ada dua, tiga projek tidak dapat dilaksanakan, projek perumahan, projek pusat bandar dan sebagainya. Bukan sahaja di kawasan Kepong bahkan juga di kawasan-kawasan yang lain saya percaya ada banyak projek kerjasama di antara DBKL dengan sektor swasta tidak dapat dilaksanakan kerana krisis ekonomi.

Saya bersimpati cuma saya berharap pihak kerajaan dapat memberi penjelasan bagaimana kita dapat mengatasi projek-projek yang tidak dapat dilaksanakan di Wilayah Persekutuan. Yang Berhormat Timbalan Menteri,

memang kita mesti dengar apa masalah di Wilayah Persekutuan. Di sini saya bukan kata pihak kerajaan tidak berusaha, di dalam keadaan yang sangat sulit ini memang ada usaha yang dibuat untuk melaksanakan projek-projek tetapi cuma saya minta satu penjelasan untuk menerangkan bagaimana kita menangani projek-projek yang tidak dapat dilaksanakan supaya kita sama-sama boleh memajukan Wilayah Persekutuan. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Balik Pulau.
12.34 tgh.

Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi [Balik Pulau]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Suruhanjaya Pilihan Raya B.4, penjelasan ringkas, mengikut laporan prestasi yang diedarkan dianggarkan bahawa setengah juta pemilih akan didaftarkan pada tahun 1998 dan juga dianggarkan bahawa 550,000 orang akan didaftarkan bagi tahun 1999. Saya ingin penjelasan tentang prestasi pendaftaran pemilih ini dari kalangan yang layak mengundi yang secara lebih khusus daripada apa yang telah saya dapat maklumat khususnya kita ingin mengetahui, sebab laporan prestasi yang dikemukakan ini, saya ingin menegur sedikit kerana ukuran prestasi yang diberi hanyalah dalam bentuk beberapa orang yang didaftar sebagai pemilih baru. Sepatutnya laporan prestasi yang dikemukakan di dalam Dewan ini hendaklah lebih khusus untuk menunjukkan daripada beberapa orang rakyat yang layak mengundi berapa peratuskah yang telah mendaftar. Daripada cohort group yang tertentu misalnya umur daripada 21 hingga 30 tahun berapa peratus yang layak dan berapa peratus yang telah didaftarkan sebagai pemilih dan 30 hingga 40 tahun berapa peratus yang layak untuk mendaftar dan berapa peratus yang telah mendaftarkan diri mereka sebagai pemilih.

Saya harapkan supaya pada masa-masa akan datang laporan prestasi aktiviti ini diperincikan lagi dan bukan sekadar dilaporkan berapa peratus pemilih baru yang telah didaftarkan. Ini satu exercise yang cukup penting dan kita juga hendak tahu apakah trend pendaftaran khususnya agihan pendaftaran ini di kalangan

cohort group yang berbeza-beza daripada yang muda, pertengahan umur dan yang telah berumur.

Tuan Pengerusi, perkara kedua yang ingin saya bangkitkan ialah B.1 tentang Parlimen ini, saya sokong pendapat yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat dari Batang Lupar dan interjection daripada Yang Berhormat dari Jelevu tentang Parlimen ini, saya cuma ingin menegur di sini sekali lagi kerana kita pernah timbulkan hal ini tentang sistem perbahasan dan kita mengendalikan mesyuarat. Kalau bolehlah saya ingin cadangkan sekali lagi supaya kita lakukan perkara ini dengan lebih sistematik daripada yang kita lakukan sekarang ini kerana misalnya sekarang, walaupun ada banyak Kepala dalam peringkat Jawatankuasa untuk hari ini misalnya dan ada kementerian yang sedikit sahaja Kepalanya, jadi kalau kita agihkan dari awal lagi sepuluh minit untuk setiap ahli mengambil bahagian, jadi ia tidak mencerminkan keluasan bidang tugas tiap-tiap kementerian dan juga pada awal peringkat perbahasan dasar kita lihat ada lapan hari perbahasan, tidak licin perjalanannya. Kalau kita boleh daftarkan dalam apa bentuk dahulu, kita daftarkan intent kita untuk mengambil bahagian dan ada senarai, jadi semua ahli mengetahui bila gilirannya dan berapa banyak masa yang dia ada untuk membahaskan, perjalanan mesyuarat itu akan berjalan dengan lebih licin dan ahli dapat mengagihkan masa, kerana dia tahu, kalau dia telah mendaftar, gilirannya pada hari Rabu minggu pertama dan sebagainya.

Tuan Pengerusi, perkara yang kedua tentang Parlimen ini ialah saya dan juga ahli-ahli yang lain telah menimbulkan tentang masalah kakitangan dalam Parlimen ini untuk menyokong kegiatan yang kita jalankan dan mungkin perkara ini belum dapat diatasi oleh Jabatan Parlimen kerana kita lihat sekarang ini, *Hansard* misalnya, masih lagi dalam seminggu, lima hari ataupun enam hari dan printed version *Hansard* yang telah dieditkan itu lagi lewat sampai tiga tahun, empat tahun. Jadi saya ingin mendapat tahu sama ada kita mampu untuk mempertingkatkan lagi pengambilan kakitangan sokongan untuk meningkatkan perjalanan Dewan ini khususnya dalam bahagian pencetakan dan juga mungkin

transcribing yang ada di belakang ini supaya cepat kita dapat mengeluarkan *Hansard* ini kerana kadang-kadang kita hendak lihat perkara yang kita cakap, orang seperti saya tidak ada skrip untuk bercakap, jadi kadang-kadang saya hendak lihat apa yang telah saya cakap pada hari yang terdahulu daripada ini. Sistem pendaftaran perbahasan ini juga boleh kita gunakan dalam dua keadaan iaitu masa belanjawan dan juga masa perbahasan usul terima kasih kepada Yang di-Pertuan Agong kerana pada kedua-dua ketika ini sahajalah kita dibenarkan perbahasan secara umum berjalan dengan lebih luas.

Perkara berikut ialah B.7...

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ada yang bangun.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya tertarik penjelasan daripada Balik Pulau, sikit saja tentang masa yang panjang diambil untuk menyediakan *Hansard*. Adakah Yang Berhormat bersetuju kalau perlu dikaji, kaji kembali skim perkhidmatan dia orang ini. Kadang-kadang sukar dia nak menarik ramai pekerja yang mahir untuk menulis, mengambilkan stenographer, kerja-kerja rekod ini, kerana skim perkhidmatan itu perlu ditingkatkan supaya menyamai yang swasta barulah ramai yang berkualiti, jumlah yang cukup untuk mereka melaksanakan kerja-kerja yang sepatutnya diadakan. Semasa saya baru-baru menjadi Ahli Parlimen dahulu, *Hansard* untuk hari ini, besok dapat. Cukup jumlah dan cukup semua, Yang Berhormat bersetuju tak kalau perlu dikaji kembali skim perkhidmatan mereka ini?

Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi: Terima kasih rakan saya dari Rompin. Itu satu cadangan yang mungkin boleh menyelesaikan masalah pengambilan ataupun kemasukan staf sokongan untuk membantu Parlimen ini. Kalau bolehlah saya cadangkan, keluarkan langsung Parlimen ini supaya Parlimen menjadi satu entiti yang tersendiri yang bukan dalam kementerian mana-mana seperti yang ada dalam sini, kita letak peruntukan Diraja, Elaun Diraja, Ketua Hakim, elaun Tuan

Yang di-Pertua Dewan Rakyat, Dewan Negara, Ketua Audit Negara dan segala Suruhanjaya ini, jadi kita letakkan Parlimen sebagai satu badan yang setaraf dengan badan-badan ini yang mempunyai peruntukannya yang sendiri seperti sekarang juga tetapi mungkin skim perkhidmatannya berlainan. Kerana ini ialah satu institusi yang mesti dilihat sebagai satu institusi yang berjalan dengan baik.

Tuan Pengerusi, yang berikut ialah B.7 130000, Biro Pengaduan Awam. Bagi saya biro ini adalah satu biro yang cukup penting peranannya kerana sebagai Ahli Dewan, semua Ahli Dewan di sini tahu bahawa kita berdepan secara langsung, secara direct dengan rakyat yang banyak daripada kerja kita ialah mendengar aduan daripada rakyat tentang macam-macam perkara tapi sebahagian besar daripada aduan yang kita dengar ialah aduan yang bersangkutan dengan kelemahan pelaksanaan ataupun kelemahan dalam birokrasi ataupun perkara-perkara lain yang bersangkutan dengan itu. Jadi, pada pandangan saya, Biro Pengaduan Awam tak jelas dia punya kehadirannya. Accessibility rakyat kepada biro ini pun tak jelas dan sebab itu saya lihat di dalam.....

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Machang minta jalan Yang Berhormat.

Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi: Injury time Tuan Pengerusi, sikit saja.

Dato' Haji Sukri bin Mohamed: Yang Berhormat setuju tak kalau kita cadangkan Biro Pengaduan Awam sekarang ini hanyalah tempat untuk mengadu tetapi tidak dibekalkan dengan kuasa undang-undang. Jadi follow-up itu tidak berkesan. Orang mengadu kemudian dia tak ada kuasa undang-undang jadi terberhenti setakat itu sahaja. Adakah Yang Berhormat setuju kalau biro ini juga dalam kes-kes tertentu diberi kuasa undang-undang untuk bertindak.

Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi: Terima kasih rakan saya dari Machang. Sebenarnya cadangan saya ialah sebelum saya pergi ke situ dan menjawab pertanyaan khusus daripada Yang Berhormat dari Machang, saya lihat di sini

prestasi aktiviti Biro Pengaduan Awam ini sebenarnya kita lihat pada angka 1997 yang sebenar. Bilangan aduan yang diproses 3,697 aduan. Saya ingat Yang Berhormat dari Machang sendiri sebagai seorang Ahli Parlimen dalam kawasan Machang menerima aduan yang lebih daripada 3,697 kes. Jadi ini satu institusi yang sebenarnya perlu kita perkemaskan dan saya setuju bahawa satu masalah access ini tidak ada, rakyat nak pergi. Yang kedua, ialah penyelesaiannya tak boleh nak tamat kes itu. Dia pergi cerita, mungkin dia telefon sana, telefon sini, jadi tak ada force of law di belakang Biro Pengaduan Awam ini.

Saya sebenarnya ingin mencadangkan supaya Parlimen ini, Dewan Rakyat ini sendiri menubuhkan satu jawatankuasa tetap aduan awam. Jawatankuasa tetap aduan awam ini duduk sebagai satu jawatankuasa tetap Dewan dan rakyat di mana-mana juga boleh mengemukakan aduan kepada jawatankuasa ini dan oleh sebab dia duduk di Dewan Rakyat, dia mempunyai kuasa undang-undang yang sebenarnya untuk menyelesaikan masalah. Kalau yang itu terlalu radikal cadangannya, maka apa yang dicadangkan oleh Yang Berhormat dari Machang itu benar. Kena ada kemampuan untuk dia menyelesaikan masalah itu. Tapi saya rasa cadangan untuk meletakkan jawatankuasa tetap aduan awam ini di bawah Dewan Rakyat, akan boleh menyelesaikan banyak masalah. Tapi kenalah ada sokongan dengan staff dia dan juga peruntukan....

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, masa cukup ya.

Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi: Tuan Pengerusi, masa habis dah? Ini kalau ada masa lagi boleh saya bangun sekali lagi?

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, kita tengok keadaan sebelah petang.

Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi: Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, Kubang Kerian.

12.45 tgh.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu [Kubang Kerian]: Tuan Pengerusi, terima kasih. B.1 urusan Parlimen. Benda depan kita ini, kita tegur banyak kali dah, picit nombor 1, tak nampak apa. Picit nombor 2, participant speakers. Picit nombor 3, tak ada apa, jadi kita tak tahu apa guna. Membazir dan kita minta diperbaiki apa yang nak guna depan ini kita tak tahu. Kita harap pihak Parlimen, pihak menteri dapat ambil berat perkara ini.

Yang kedua, sidang kita pagi-petang, maka bilik-bilik itu hendaklah dilengkapi terutama line telefon supaya kita dapat menggunakan Internet di bilik-bilik kita di waktu tengah hari dan sebagainya. Jadi kita harap benda ini, kemudahan-kemudahan ini diberi supaya tengah hari kita tak keluar dan kita dapat duduk dalam bilik dan menggunakan Internet untuk mendapat berita-berita mutakhir daripada seluruh dunia.

Seterusnya Tuan Pengerusi, Hansard sekarang, bukan lagi Hansard, sudah jadi bahan sejarah. Jadi kita membaca 'hari ini dalam sejarah'. Kita tegur banyak kali dah. Kalau surat khabar yang edarannya sehari sampai 200,000 hingga 300,000 boleh siap apa yang disebut di mahkamah kelmarin, soal daripada Ketua Polis, kemudian soal daripada Peguam boleh keluar dalam bentuk Hansard, akhbar-akhbar yang utama di Malaysia. Kenapa Parlimen tidak boleh keluar? Alasan tidak cukup staff, dah beri alasan berpuluh kali dah. Kalau Kelantan lemah tak apalah, itu Kerajaan miskin, ini kerajaan Pusat, kaya, pentadbiran yang cekap, efisien, tapi nak buat benda ini pun tak boleh. Dah kali ke berapa dah kita tegur Hansard sudah jadi bahan sejarah. Kalau kita tak datang, kita nak semak kawan kita berucap kelmarin, apa dia kata kat kita, kita tak tahu. Kita kena tunggu minggu depan. 'Hari ini dalam sejarah' berlaku dalam Parlimen sekarang.

Kemudian bawah Jabatan Perdana Menteri, lagi bawah Parlimen, bahasa-bahasa tu perlu diperbaiki. Menteri-menteri kita bila diwawancara, bercakap kalau nak guna bahasa Inggeris, kita kata guna betul-betul, nak guna bahasa Melayu, guna betul-betul. Yang teruk sekali Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Megat Junidlah, kalau dia diwawancara tu saya tengok naik malu. Melayu, Orang Putih dicampur dalam satu ayat. Jadi biar yang bercakap sekarang bahasa yang baik, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Dia bercakap bahasa standard, yang lain-lain tu merapu. Jadi menteri-menteri ini kenalah tunjuk contoh. Kalau nak bercakap bahasa Inggeris, betul-betul. Kalau nak bercakap bahasa Malaysia, betul-betul, jangan sekerat campur, malu kat orang. Sebab menteri bukan macam dia sembang di pasar dan kalau wawancara dalam Malaysia, gunakanlah bahasa Malaysia.

Tuan Pengerusi, ada menteri dalam suasana yang gawat ini, saya terima kasihlah menteri-menteri sendiri datang menjawab perbahasan. Sepatutnya semua menteri kena datang menjawab sebab suasana sekarang lain. Orang nak lihat kesungguhan, tapi bukan yang lain tidak standard, yang lain semua ada standard tapi nak tunjuk kesungguhan biarlah menteri menjawab. Dalam Ucapan Belanjawan baru-baru ini, tapi hanya beberapa menteri yang datang. Ada menteri yang kita tidak tahu suara dia macam mana? Minta Hal Ehwal Sabah. Saya, kalau dengar suara dia, saya tidak tahu, ini orang mana? Apa kerja dia? Kita pun tak tahu, suara pun tak pernah dengar. Gaji sama banyak dengan menteri lain. Jadi ada menteri yang teruk, ada menteri yang releks. Jadi kita harap tenaga itu berilah seimbang, biarlah menteri semua ambil bahagian dan aktif.

Tuan Pengerusi, seterusnya Butiran 040000 - Bahagian Keselamatan Negara dan muka surat 40, Program dan Prestasi - Pihak Berkuasa Bersama Thailand – Malaysia.

Tuan Pengerusi, selepas lawatan Menteri Luar Thailand yang baru, Surin kalau tak silap saya, entah apa yang dirundingkan peringkat sulit, kita tak tahu.

Tapi selepas itu kita lihat pejuang-pejuang yang dulu berasal daripada Polo ataupun rakyat Thailand yang telah lama duduk di sini yang telah jadi rakyat Malaysia, ada yang jadi pensyarah universiti, ada yang duduk di sini berniaga, dah jadi rakyat Malaysia. Kemudian dihantar balik ke sana, kononnya akan didakwa ataupun dipenjarakan di Thailand. Kita hairan kenapa perkara ini boleh berlaku? Sedangkan mereka telah pun menjadi rakyat Malaysia dan Malaysia berhak melindungi mereka. Ada di antara mereka yang ketakutan. Orang-orang yang berasal dari Patani atau sebahagiannya Polo yang melarikan diri ke Eropah. Kemudian kita lihat pula kebelakangan ini, apabila kes menimpa Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, Menteri Luar Thailand di antara yang memainkan peranan utama menuipkan semangat kalau nak kata anti-Malaysia tu, tidaklah, tapi anti orang-orang tertentu. Sehingga di Selatan Thailand sekarang menjadi panas, bahkan saya mendapat khabar ada tunjuk-tunjuk perasaan, memorandum-memorandum yang anti-Malaysia.

Saya hendak tanya, adakah ini hadiah iaitu kita hantar yang mereka kehendaki kononnya sebagai penjenayah negara mereka kemudian sekarang dibalas dengan tindakan-tindakan seperti ini, walaupun perkara ini sepatutnya backbencher UMNO kena cakap tetapi mereka tidak berani. Jadi saya bercakaplah bagi pihak mereka.

Tuan Pengerusi, kemudian prestasi hubungan Thailand-Malaysia ini, sekarang ini juga kita lihat golongan-golongan yang dulunya merdeka kemudian dijajah mereka semakin hari semakin mendapat kemerdekaan. Di antaranya kita lihat Hong Kong telah kembali ke China, Macao tidak lama lagi, Bosnia telah merdeka. Apakah tidak ada usaha juga supaya Malaysia memainkan peranan supaya di Selatan Thai ini, di daerah Patani ini diusahakan supaya merdeka ataupun mendapat taraf otonomi seperti yang berlaku di Mindanao. Perkara-perkara ini perlu diusahakan dalam bentuk ASEAN iaitu kita lihat memang ada diskriminasi yang hebat kalau lihat kemajuan di Bangkok, di Chiangmai, di

Pattaya kalau dibandingkan dengan di sebelah Selatan, di kawasan yang 80% adalah orang Islam. Jadi, kita harap Malaysia negara yang merdeka kalau seseorang itu sudah jadi rakyat janganlah tunduk, misalnya barangkali dahulu untuk kita tukar orang-orang yang telah jadi rakyat Malaysia ini barangkali kita hendak kerjasama mereka untuk membawa balik pemimpin-pemimpin Arqam, misalnya, mungkin, mungkinlah andaian saya begitu dan kita bawa balik pemimpin Arqam kita pula hantar rakyat kita yang telah menjadi rakyat. Soalnya Ustaz Shaari kita minta bawa balik, dia rakyat Malaysia tetapi rakyat Malaysia juga di sini yang telah jadi rakyat 20 tahun kenapa dihantar semula ke Thailand. Ini satu perjanjian yang berat sebelah dan kita nampak seolah-olah Malaysia berada dalam keadaan tidak berapa berani, saya hendak kata takut tidak boleh. Seolah-olah tidak berapa berani dengan ketegasan, bila berunding dengan hal-hal sempadan, hal-hal menyerahkan satu sama lain, ataupun hal-hal keselamatan bersama, Malaysia selalunya kita lihat dalam keadaan mengalah.

Tuan Pengerusi, begitu juga saya ingin sentuh tentang B.6 Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan. Walaupun sekarang ini kerajaan boleh dikatakan macam menghapuskan biasiswa, kita harap fikir baliklah sekarang perkara itu supaya Jabatan Perdana Menteri dan Suruhanjaya Perkhidmatan ini fikir balik. Adakah baik kita menghapuskan terus biasiswa khasnya kepada bumiputera sekarang ini terutama sekali dalam masalah ekonomi yang ada sekarang dan keadaan kemampuan bumiputera dan juga orang-orang miskin yang bukan bumiputera untuk mereka melanjutkan pelajaran. Janganlah kita jadikan pelajaran sebagai satu industri utama tetapi ia adalah satu khidmat sosial. Dalam masalah ini kita memanglah parti pembangkang menggunakan peluang untuk eksploitasi isu ini untuk mendapat sokongan, terutama sekali parti pembangkang yang bernama PAS.

Jadi, di sini kita lihat memang di antara isu yang menyebabkan orang-orang UMNO mengubah undi di Arau ialah isu biasiswa, isu pelajaran dan kalau kerajaan tidak ubah ini parti pembangkang itu akan eksploitasi lagi dan pilihan raya umum akan datang mungkin UMNO akan kalah di lebih banyak tempat lagi seperti di Arau sebab ini masalah yang berat sekarang ini. Dulu bila anak-anak kita cerdik dan lulus sudah tentu biasiswa menanti tetapi sekarang perkara ini sudah seolah-olah tidak ada, semuanya telah dibebankan. Patutnya kena fikir di sudut tanggagaji misalnya gaji RM5,000 ke atas, anak-anak mereka tidak perlu beri biasiswa, itu patut tetapi janganlah kita borongkan. Tetapi bila diberi biasiswa pula jangan salah guna, dulunya masa biasiswa diberikan kepada bumiputera termasuk yang dapat biasiswa anak Menteri Pelajaran, anak Menteri Pelajaran pada waktu itu ialah yang sekarang jadi Perdana Menteri.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, masa cukup.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Satu lagi. Mahkamah, mahkamah saya sokong kerajaan tegaskan supaya dia dijalankan dalam Bahasa Malaysia. Ini kena tegas dan kita kena tegas sungguh-sungguh. Jadi cukup sudah. Baik Tuan Pengerusi, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, Arau.
12.54 tgh.

Tuan Haji Hashim bin Jasin [Arau]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh B.7 iaitu mengenai Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. Saya ingin mendapat takrif ataupun definisi kepada ajaran sesat yang mana kita tahu bahawa pihak Jabatan Kemajuan Islam Malaysia telah menyenaraikan lebih daripada 50 ajaran sesat yang terdapat di negara kita. Jadi apakah definisi sebenarnya ajaran sesat itu supaya mungkin kita sendiri akan dapat mencari lagi untuk menambahkan lagi ajaran-ajaran sesat yang terdapat di tanah air kita.

Dan yang kedua, saya ingin tahu usaha-usaha yang dijalankan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia untuk membanteras ajaran sesat ini dengan membuka Pusat Pemulihan Akhlak. Sejauh manakah kejayaan yang dicapai dalam usaha ini untuk membawa balik ataupun membetulkan akidah mereka yang mengamalkan ajaran sesat itu. Berapakah ajaran sesat yang telah dapat diperbetulkan dan berapa lagi ajaran sesat yang masih dalam usaha untuk diperbetulkan akidah mereka. Saya harap bahawa usaha membetulkan akidah ini kita main dengan cara akidah juga ataupun dengan lain perkataan, jangan gunakan ISA untuk membetulkan ataupun untuk menangani masalah ajaran sesat di tanah air kita kerana saya lihat apabila ISA digunakan kepada Kumpulan Al-Arqam, walaupun baju mereka ditukar kepada putih dan pengakuan mereka didapat tetapi air muka mereka tidak melambangkan bahawa mereka redha dengan cara itu dan mereka pulih.

Oleh itu adalah lebih baik jika sekiranya pihak Jabatan Kemajuan Islam Malaysia mencari pakar-pakar dalam bidang usuluddin dan akidah ini dan dapat membetulkan mereka itu melalui cara berhujah dengan mereka.

Yang kedua, saya juga melihat bahawa Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Agama Islam Malaysia ini yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri. Perdana Menteri ini tidak sesuai menjadi Pengerusi Hal Ehwal Agama kerana dia tidak berlatar belakang agama. Saya bimbang nanti dia gunakan kuasa pengerusi dia dan kuasa Perdana Menteri itu sendiri untuk menghukum ataupun untuk memutuskan sesuatu yang kelak bertentangan dengan ajaran Islam dan ini berlaku apabila pihak-pihak yang berkuasa ini menggam beberapa orang ahli panel dalam Forum Perdana yang sangat mendapat sambutan daripada masyarakat Malaysia pada satu ketika dulu, hanya dengan alasan bahawa mereka menghentam kerajaan. Saya kira ini adalah satu keadaan kebudak-budakkan.

Oleh itu elok sekiranya Tuan Pengerusi, bahawasanya kalaulah seorang ahli panel itu bercakap berhubung dengan Islam dan dia menyeleweng daripada ajaran Islam, maka pada ketika itu kita boleh ambil tindakan bukan kerana dia mengkritik kerajaan tetapi kerana penyelewengan dia daripada ajaran Islam dan

kerajaan harus sedar bahawasanya kerajaan yang baik itu adalah kerajaan yang sedia mendengar teguran. Saidina Umar misalan, dia menyebut [*Bercakap dalam bahasa Arab*] yang bermaksud “Tiada baik bagi kamu wahai rakyat jika kamu tidak menegur kami dan tidak baik bagi kami jika tidak bersedia untuk mendengar teguran kamu” dan Kerajaan Barisan Nasional yang mendakwa dia adalah kerajaan yang berjiwa rakyat, yang berkerja untuk rakyat maka amat tepat sekalilah kerajaan mesti bersedia untuk mendengar teguran-teguran daripada rakyat terutamanya daripada ahli-ahli panel Forum Hal Ehwal Agama Islam itu yang mana pada satu peringkat dulu mereka yang betul berwibawa tetapi sayang sekarang ini mereka ini telah digam dan diganti dengan orang yang lain yang saya tidak mahu komen tetapi apa yang saya hendak kata ialah sambutan daripada orang ramai terhadap Forum Hal Ehwal Agama Islam itu nampaknya berkurangan. [*Disampuk*] Sedikit sahaja lagi, saya hendak berhenti hari ini, tidak mahu sambung sebelah petang.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Sambung sebelah petang, masa sudah cukup Yang Berhormat.

Tuan Haji Hashim bin Jasin: Sikit lagi, sikit sahaja, satu sahaja. Yang berikutnya, saya harap Ahli-ahli Yang Berhormat dapat bersabar, berkenaan guru takmir dan guru KAFA. Guru takmir yang dihantar oleh pihak Jabatan Agama Islam dan juga guru KAFA yang ditempatkan di sekolah-sekolah itu adalah satu usaha yang baik. Tetapi apa yang saya harapkan, dalam pilihan raya di Arau, pilihan raya kecil Arau dahulu, mereka ini yang menyokong kerajaan alhamdulillah aman damai, tidak ada siapa mengganggu tetapi apabila guru-guru takmir yang dibayar elaun berapa ringgit sekali mengajar, dan guru KAFA yang dibayar berapa sen bagi setiap jam itu, mereka ini menjadi ancaman apabila mereka menyokong parti PASlah kita katakan dalam pilihan raya kecil Arau dulu, jadi ini adalah amat tidak patut. Kalau sekiranya dikenakan ataupun dibagi amaran kepada guru-guru yang menyokong PAS, maka guru-guru yang menyokong UMNO juga patut diberi amaran kerana dua-dua terlibat dengan politik.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat masa untuk pagi ini sudah lebih.

Tuan Haji Hashim bin Jasin: Saya tidak akan sambung lagi dah, tidak sambung.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Boleh sambung sebelah petang.

Tuan Haji Hashim bin Jasin: Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Majlis bersidang semula sebagai Majlis Mesyuarat.

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.02 tengah hari.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat) *mempengerusikan Mesyuarat]*

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Majlis dalam Jawatankuasa. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, kita sambung semula perbahasan di peringkat Jawatankuasa. Ada sesiapa lagi yang hendak berucap? Ya, Tambun tetapi sebelum Yang Berhormat berucap sukalah saya mengingatkan Yang Berhormat bahawa had masa itu tetap sepuluh minit untuk setiap orang.

2.31 ptg.

Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah [Tambun]: Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Saya ingin menyentuh di bawah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Kita harus sedar bahawa JAKIM mempunyai peranan yang cukup besar di dalam menentukan survival negara kita di abad 21. Kalau kita tanya secara serius adakah kita berpuas hati di atas prestasi JAKIM sekarang ini. Mengapa saya katakan JAKIM itu penting dan memainkan peranan yang penting dalam survival

negara kerana kita perlu menerima hakikat di abad 21 perubahan teknologi serta keterbukaan perdagangan antarabangsa akan berlaku. Di dalam suasana itu yang cecap akan survive, kecekapan ini berkaitan dengan soal mengeluarkan produk yang berkualiti dan kemampuan untuk meneroka pasaran-pasaran antarabangsa dan fungsi kepada kecekapan adalah sumber manusia yang berkualiti daripada segi karektor, ilmu, teknologi dan pengalaman.

Kita dapati di negara kita sekarang kualiti rakyat tidak seimbang dan kita dapati ada gap di antara bumiputera dengan bukan bumiputera. Antara umat Islam dengan bukan umat Islam dan jika keadaan ini berterusan ia akan menjejaskan kualiti kecekapan negara dan tentunya akan menjejaskan daya saing negara pada masa akan datang. Umat Islam merupakan lebih kurang 55% daripada keseluruhan rakyat dan jikalau ia dibiarkan dalam keadaan sekarang dengan gap yang begitu besar. Tentu ini sepertimana saya katakan akan menjejaskan kecekapan negara kita nanti. Dalam sejarah kita dapati ada berlaku dua revolusi, satu revolusi industri pada abad ke-18 dan 19 di mana manusia terutama penduduk di Eropah mula mencipta jentera, kenderaan dan sebagainya dan ia mengubah struktur dunia sehingga sekarang ini. Sebelum daripada itu pada abad yang ke-6, berlaku revolusi di negara Arab dengan Nabi Muhammad S.A.W. menyebarkan Islam, memindahkan rakyat atau bangsa Arab daripada bangsa jahiliah kepada bangsa yang progresif yang menguasai semua sektor politik, ekonomi, teknologi dan sebagainya. Hampir setengah daripada dunia dikuasai oleh umat Islam. Apakah yang mencetuskan kepada perubahan itu, sehingga umat Islam masa itu relevant dan lebih hebat daripada umat-umat lain?

Pada zaman Rasulullah S.A.W dan sahabat, umat Islam mengamalkan budaya berasaskan kepada sepuluh prinsip, di antaranya pertama keyakinan kepada Allah. Keyakinan kepada Allah itu begitu mendalam, saya ambil contoh Amar bin Yasir, apabila disiksa kerana dia masuk Islam. Nabi mengetahui Amar serta ibu

bapanya diseksa lalu di situ Nabi berdoa kepada Allah supaya Amar, bapanya Yasir dan ibunya Sumayah masuk ke syurga. Hanya dengan mendengar doa itu sahaja sudah mendapat kekuatan kepada Amar bin Yasir dan satu keluarga. Begitu keyakinannya kepada Allah, begitu juga apabila zaman berlalu semasa Ibni Hayad membina satu pembangunan besar di Palestine yang pembinaannya dianggap sehingga sekarang antara yang terancang. Ibni Hayad melakukannya hanya kerana keyakinan kepada Allah sahaja. Kemudian kita lihat prinsip kedua, umat begitu yakin dengan balasan di alam akhirat. Umat takut untuk mendengar perkataan neraka, dengan itu secara tidak langsung ia mengawal umat ketika itu. Dengan sebab itu umat ketika itu menjadi begitu hebat dan menguasai sebagaimana yang saya kata separuh dunia. Kata seorang penulis Oswald Spencer, *'The Muslims Were In Command'*, apa kaitannya dengan JAKIM? Yang saya persoalkan ialah adakah kita berpuas hati?

Tuan Pengerusi, saya melihat umat Islam ini laksana pokok, akarnya itu adalah Islam, keimanan kita kepada Allah. Kalau akar ini kuat, batang pokok akan kuat, dahan, daun-daun serta buah-buahan akan dihasilkan dengan begitu baik. Dalam erti kata lain kalau akar kita sebagai seorang muslim itu kukuh, kemampuan dan kapasiti kita dalam pelbagai sektor akan meningkat. Daripada segi ilmu pengetahuan, teknologi, pengalaman, daya tahan, daya juang, ekonomi dan sebagainya itu akan kuat. Tetapi akar ini sekarang tidak kuat dan peranan ini yang saya kaitkan harus dimainkan oleh JAKIM. Umat Islam negara ini telah meningkat ke tingkat kedua tetapi tingkat kedua ini dalam konteks kualitinya kepada tingkat yang sederhana. Ia tidak dapat naik ke tingkat ketiga, ke tingkat cemerlang, tingkat keempat super cemerlang, tidak dapat naik kerana akar tadi tidak kuat dan kukuh.

Jadi sehubungan dengan itu saya hendak membincangkan tentang JAKIM dalam beberapa perkara. Pertama sekali, saya minta kepada kerajaan dan pegawai-

pegawai kerajaan JAKIM ini mesti diberi perhatian dan tumpuan yang serius. Bagaimana kita beri tumpuan yang serius kepada Sukom tumpuan kita keseluruhannya, begitu juga kita mesti beri perhatian yang serius kepada JAKIM supaya effectiveness dapat dirasakan oleh umat Islam dengan meningkatkan dan memperkukuhkan apa yang saya katakan tadi sebagai akar.

Kedua, JAKIM mesti ada 'blue print' ke arah manakah dia hendak bawa umat Islam pada masa akan datang. Kita tidak mahu permasalahan yang kita hadapi sekarang ini akan dibawa pada masa yang akan datang. Pada abad ke-21 kita akan terus menjadi bangsa yang mengharap kepada kuota. Kalau tidak ada kuota kita tidak boleh survive. Adakah ini akan terus berlaku pada abad ke-21? Itu yang saya katakan mesti ada 'blue print' supaya pada abad ke-21 pada suatu ketika nanti umat Islam sudah sama tinggi kedudukannya dengan umat-umat lain dalam negara ini. Apabila ada keseimbangan itu barulah kita boleh bergerak dengan lebih cekap lagi untuk berhadapan dengan persaingan pada abad akan datang.

Tentang konsep pendidikan Islam di institusi pengajian, di sekolah dan sebagainya, adakah betul atau tidak sistem yang ada sekarang ini, bagaimana untuk diolah semula dan dinilai semula, kemudian mengadakan program baru. Saya ada menyentuh peranan Al-Quran lebih kurang dua minggu lalu. Sebagai umat yang berpegang kepada Al-Quran, sejauh mana kita menggunakan Al-Quran, kita baca Al-Quran dan mengamalkan apa yang ada dalam Al-Quran. Sejauh mana hubungan Al-Quran itu dalam bentuk falsafah hidup kita.

Begitu juga JAKIM harus menilai dari segi prestasi, kualiti kakitangannya, kualiti program-programnya. Saya ingat tidak susah untuk kita mempunyai yardstick untuk kita mengukur sama ada JAKIM mencapai prestasi yang memuaskan atau tidak. Kita boleh gunakan indeks, berapa orang sembahyang di masjid. Itu satu daripada indicator yang boleh kita gunakan, berapa orang yang

berhadapan masalah sosial. Ini semua indicator yang patut kita buat supaya kita mempunyai yardstick dan daripada situ kita ukur prestasi pada masa akan datang. Saya tengok kalau ini tidak dilakukan pada masa akan datang, kita akan mendapat jawapan daripada kerajaan yang boleh dikatakan semua memuaskan. Tetapi yardsticknya apa? Setakat memuaskan dengan perbelanjaan. Saya dapati perbelanjaan tahun ini RM126 juta. Tetapi apakah kesannya nanti kepada umat Islam negara ini.

Begitu juga saya berpendapat JAKIM mesti menubuhkan satu pusat latihan untuk pendakwah yang betul-betul hebat. Sekarang kita dapati pendakwah kita dari pelbagai latar belakang. Dari segi negara ada yang belajar di Iraq, jadi perangai Iraq. Belajar di India, ikut perangai sistem India. Kemudian dari Pakistan, jadi Pakistan. Ada belajar di Saudi. Jadi, ada berbagai-bagai. Kalau negara itu, katakan Mesir ada masalah di antara kerajaan dengan golongan Islam underground, ini akan dibawa ke sini daripada pelbagai latar belakang dan daripada pelbagai bidang.

Setengah orang dia belajar sejarah Islam, tetapi dia hendak bercakap tentang tafsir Al-Quran. Tidak ada keseragaman. Dengan sebab itu, kita dapati bahawa guru-guru agama kita, ustaz-ustaz kita yang pergi ke masjid membawa banyak kecenderungan masing-masing, dan dia menjadi guru kepada kita. Tetapi kalau kita mempunyai satu pusat latihan pendakwah yang hebat - saya rasa pada zaman ini kita mesti mewujudkan sistem yang profesional. Saya ambil contoh, umpamanya kalau orang mengambil bidang akauntansi, dia ada MACPA ataupun MIA sebagai badan profesional. Dari segi pendakwah dia ada tauliah. Tetapi saya percaya ini boleh diperkukuhkan kalau kita ada satu badan profesional, seperti MACPA. Mana-mana persatuan pendakwah yang profesional, yang sudah menjadi ahli kepada persatuan tersebut dan mempunyai tauliah, baru dia diboleh untuk mengajar.

Dengan itu, apa yang akan berlaku nanti kita dapati peningkatan ilmu pengetahuan yang disebarkan kepada umat yang boleh dimanfaatkan. Kemudian saya lihat dari segi keseragaman di peringkat negeri. Saya tidak percaya kepada sistem di mana Ketua Pengarah Jabatan Agama Islam peringkat negeri daripada golongan pentadbir. Bukan daripada golongan berlatarbelakangkan pengajian agama. Bila kita letak orang yang tidak berlatarbelakangkan kepada pengajian agama Islam, untuk mengepalai satu jabatan, di bawahnya terletak Mufti, terletak pendakwah-pendakwah lain, dia akan tenggelam. Bila berlaku dalam perbincangan Jawatankuasa Majlis Agama Islam peringkat negeri, bila pendakwah-pendakwah mengeluarkan ayat-ayat Al-Quran, dia duduk, dia tidak tahu. Dia akan dipermainkan kerana dia bukan pakar dalam bidang itu.

Jadi, saya percaya perkara ini mesti diberi perhatian. Kita letak orang yang betul-betul berwibawa untuk mengepalai jabatan-jabatan. Di samping itu, peranan dari segi institusi-institusi Islam.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Batang Lupar bangun.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Saya minat dengan hujah-hujah Yang Berhormat, terutama sekali latihan kepada pendakwah. Saya pun pernah menyebut effectiveness pengajaran agama Islam di sekolah-sekolah umpamanya tidak mendapat kesan oleh kerana tidak menikmati hikmah di sebalik pengajaran tertentu. Tetapi apabila kita buat satu credential atau certificate untuk tolong orang jadi pendakwah. Bukankah itu mengehendkan hak seseorang yang mengetahui soal agama untuk mengajar orang lain di segi agama. Bahkan agama itu sendiri mengatakan apabila kita melihat perkara yang salah, kita kena tegur. Bila kena tegur, tidak boleh ditegur, habis-habis kita berdoa, itu cara yang ke tiga. Jadi, macam mana pandangan Yang Berhormat untuk menjelaskan soalan ini.

Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Tuan Pengerusi, ia bergantung dari segi persepsi kita. Kita hendak golongan pendakwah bagaimana. Ada golongan pendakwah yang pelajarannya – saya ambil contohlah, macam saya kata tadi dia belajar bidang sejarah Islam. Mana dia ada authoriti untuk bercakap tentang tafsir. Jadi, kalau dia tauliah dalam bidang tafsir, baru dia boleh bercakap tentang tafsir. Ini ayat-ayat daripada Allah S.W.T. sendiri, wahyu daripada Allah. Al-Quran ada tafsiran dan sebagainya, dia mesti membaca banyak kitab-kitab baru dia boleh ada authoriti dalam bidang itu. Tetapi kalau dia belajar dalam bidang sejarah, dia hendak bercakap tentang tafsir Al-Quran dan kita biarkan, dia akan mengelirukan kepada masyarakat. Daripada satu guru agama kepada satu guru agama yang lain akan terdapat perbezaan. Itulah yang saya kata mesti ada satu sistem.

Sekarang ini sistem tauliah memang ada. Orang ada tauliah baru boleh mengajar. Tetapi masalahnya penguatkuasaan ke atas orang-orang ini sama ada ada tauliah atau tidak, tidak diambil perhatian.

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat.

Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Tadi saya ingin menyentuh tentang institusi....

Tuan Zainal Abidin bin Osman: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, walaupun Ahli Yang Berhormat dari Mersing bangun, tetapi masa Yang Berhormat sudah suntuk.

Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Yang Berhormat, masa tidak ada. Tuan Pengerusi, satu sahaja lagi. Saya hendak sentuh tentang institusi-institusi ekonomi dan kewangan Islam.

Tuan Pengerusi, saya nampak selepas kita tubuhkan UIA, kita tubuhkan Bank Islam, Syarikat Takaful dan Sistem SPTF, tidak ada perkembangan ke atas institusi-institusi ekonomi dan kewangan Islam dalam negara ini. Kita tidak menggerakkan dan membangunkan Baitulmal, kita tidak membangunkan wakaf.

Kalau di Mesir macam Wakaf Al-Azhar, satu badan yang begitu besar sampai kerajaan meminjam daripada Wakaf Al-Azhar.

Apa yang saya maksudkan dalam konteks dunia sekarang, yang dikatakan relevan adalah bangsa yang memiliki kekuatan ekonomi, harta dan kewangan. Ini tidak ada pada umat tetapi kita ada badan-badan yang boleh diperkukuhkan.

Tuan Pengerusi, saya ambil contoh, kalau kerajaan boleh meluluskan satu projek kepada syarikat swasta, meluluskan tanah dan sebagainya kepada syarikat swasta, mengapa tidak Baitulmal, badan-badan wakaf ini diluluskan tanah dan sebagainya, biar dia jadi besar, biar kita berbangga satu badan wakaf ataupun Baitulmal yang begitu besar menguasai banyak bangunan di Kuala Lumpur, baru umat itu mempunyai kedudukan yang tinggi, yang dihormati, dia akan rasa confident kerana ia di arus perdana.

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, masa sudah cukup.

Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Tuan Pengerusi, terima kasih.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Saya rasa banyak masa telah pun kita gunakan untuk perbincangan, saya izinkan dua orang lagi, tetapi sepuluh minit. Johor Bahru.

2.50 ptg.

Tuan Mohamed Khaled bin Nordin [Johor Bahru]: Tuan Pengerusi, terima kasih. Saya suka merujuk kepada Maksud Pembangunan P.7 – Butiran 01601 iaitu Lembaga Urusan dan Tabung Haji.

Tuan Pengerusi, kita sedar bahawa setiap tahun ramai orang yang mendaftar untuk menunaikan fardu haji dan kita dapati sama ada zaman sebelum daripada ini ataupun semasa gawat ini, mereka yang mendaftar itu tidak juga kurang maknanya

permohonan itu sentiasa banyak dan sentiasa ada. Dalam soal ini yang kita dapati ialah jika seseorang mendaftar pada tahun ini, tidak semestinya mereka dapat menunaikan haji pada tahun ini ataupun pada tahun yang akan datang kerana kita sedar bahawa untuk menunaikan fardu haji ianya tertakluk kepada kuota yang diberikan oleh Kerajaan Arab Saudi kepada negara-negara seperti negara kita.

Jadi, atas sebab itu, kita lihat mereka yang mendaftar pada tahun ini akan hanya dapat pergi untuk menunaikan fardu haji tiga ataupun empat tahun selepas daripada tarikh mereka membuat pendaftaran. Jadi, soalnya yang ingin saya tanya ialah apakah asas pemilihan yang dibuat oleh Lembaga Urusan dan Tabung Haji untuk memilih mereka yang berjaya untuk pergi pada satu-satu tahun kerana saya dapati banyak juga aduan yang dibuat di mana mereka yang telah tua, telah berumur dan mereka yang juga pertama kali memohon untuk pergi tidak diberi pertimbangan untuk berjaya pergi pada tahun yang mereka membuat pendaftaran.

Jadi, dalam soal ini saya berharap pihak Tabung Haji dapat mengecualikan mereka yang sudah berumur, yang sudah tua mahupun mereka yang pertama kali hendak pergi untuk menunaikan fardu haji supaya mereka diberi keutamaan dalam kuota yang telah dihadkan oleh Kerajaan Arab Saudi kerana bagi mereka yang merupakan kali kedua dan kali ketiga dan sebagainya, saya rasa tidak perlulah diberi keutamaan walaupun mungkin ada asas yang telah dibuat oleh pihak Lembaga Urusan dan Tabung Haji, saya bangkitkan ini kerana masalah ini banyak selaku wakil-wakil rakyat kita mendapat aduan, ramai yang sudah berumur masih juga tidak dapat pergi pada tahun mereka mendaftar untuk pergi menunaikan fardu haji.

Seterusnya saya beralih kepada Maksud Bekalan 7 Butiran 070000 – MAMPU di bawah Program Aktiviti 070300 – Electronic Government dan Teknologi Maklumat. Kita memang sedar bahawa usaha untuk menjadikan kerajaan ini sebagai sebuah kerajaan elektronik sedang giat dijalankan dan ianya

tidak berlaku hanya di peringkat Kerajaan Pusat ataupun di jabatan-jabatan kerajaan dalam Kerajaan Pusat, tetapi kita dapati sebahagian besar dari negeri-negeri dalam Semenanjung juga mempunyai program dan perancangan untuk menjadikan kerajaan masing-masing sebagai kerajaan elektronik.

Dalam soal ini yang saya tahu ialah setiap kerajaan negeri, Kerajaan Pusat dan jabatan-jabatan kerajaan mempunyai perancangan mereka masing-masing dan setiap sistem untuk menjadi *electronik government* itu bergerak bebas daripada yang lain.

Jadi, tahap penggunaannya berbeza-beza. Soalnya ialah sejauh mana sistem mereka ini akan akhirnya dapat disatukan supaya dapat bercantum, supaya wujud hubungan interaktif, perkongsian maklumat. Kita perlukan percantuman itu bukan sahaja ia akan melicinkan pentadbiran dan perhubungan antara kerajaan, tetapi sekurang-kurangnya ia akan meningkatkan *transparency*. Kalau kita lihat negara jiran kita, bolehlah kita sebut kerana kita pun hubungan sudah baik dengan mereka, kita ada Singapore I, semua sistem tertakluk kepada satu iaitu Singapore I, jadi adakah kita di MAMPU mempunyai perancangan yang sedemikian, supaya walaupun kerajaan negeri dengan *electronic government* masing-masing, jabatan-jabatan kerajaan, agensi-agensi kerajaan semuanya di bawah satu supaya ada hubungan boleh *communicate* di antara satu jabatan, satu kerajaan negeri, Kerajaan Pusat dan sebagainya. Dan sekurang-kurangnya dalam keadaan yang sedemikian kiranya ada untuk mendapat maklumat dan sebagainya senang untuk rakyat membuat *access* untuk mendapat maklumat dan sebagainya.

Seterusnya saya pergi kepada soal Butiran 050000 – Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan saya bersetuju dengan rakan saya tadi daripada Tambun yang menimbulkan soal bahawa JAKIM ini perlu mempunyai target dan matlamat supaya akhirnya umat Islam ini dapat meningkatkan ilmu pengetahuan mereka mengenai Islam. Yang kita dapat lihat sekarang ialah setiap umat Islam

sebahagian besarnya memang mempunyai asas mengenai Islam, soal-soal yang fardu dan sebagainya dan itu pun didapati semasa di peringkat rendah, semasa umur yang kecil. Tetapi apabila sudah meningkat dewasa, ilmu Islam yang mereka dapati biasanya hanya didapati sekiranya mereka melihat rancangan TV ataupun mereka memang gemar untuk berkunjung dalam majlis-majlis agama seperti Maulidul Rasul dan sebagainya, tidak ada usaha untuk memberi ilmu mengenai Islam secara bersepadu dan juga secara berterusan. Dan inilah keadaan umat Islam hari ini yang berlaku, dalam keadaan cabaran dan dugaan yang begitu banyak yang ada pada mereka hanyalah asas agama Islam, itupun yang mereka dapat semasa mereka disekolah dan semasa mereka kecil dan dalam keadaan cabaran dan dugaan yang begitu banyak, mereka tidak diberi bekalan yang begitu mencukupi.

Dan atas sebab itulah seperti rakan saya katakan tadi mudah untuk mengelirukan dan mudah untuk memesongkan seseorang rakyat yang beragama Islam kerana tahap ilmu mereka tidak begitu tinggi.

Selain dari itu, dalam soal JAKIM, saya juga berharap di bawah Butiran 050400 - Pembangunan Pendidikan Islam. Kita sedar bahawa sebahagian daripada pendidikan Islam diberi oleh kerajaan negeri melalui Jabatan Agama Islam dan bagi sebahagiannya juga terdapat dalam kurikulum Kementerian Pendidikan, itupun pada tahap yang begitu rendah.

Saya rasa perlunya pihak JAKIM memikirkan bahawa mereka memainkan peranan yang lebih dalam usaha untuk memberi pendidikan Islam kepada anak-anak orang Islam dan dalam soal ini sewajarnya mereka mulakan di tahap yang rendah khususnya dalam soal Tadika Islam. Di peringkat negeri, kita memang tidak ada Tadika Islam yang dianjurkan oleh kerajaan negeri, yang ada adalah sekolah-sekolah agama negeri.

Jadi, dalam ketiadaan itu, kekosongan itu, kita dapati memang banyak Tadika Islam yang dibuka dan diuruskan oleh banyak pihak dan saya rasa

sewajarnya pihak JAKIM mengisi kekosongan ini kerana kita sedar apa bentuk tadika sekali pun sama ada yang Islam ataupun yang tidak Islam, yang dianjurkan oleh pihak yang bukan kerajaan, kosnya adalah tinggi dan oleh itu peluang untuk anak-anak orang Islam untuk mengikuti tadika Islam adalah terhad.

Jadi, saya mencadangkan sama ada JAKIM ada perancangan sebegini untuk memberi peluang kepada anak-anak orang Islam supaya dapat mengikuti satu lagi bentuk tadika yang sememangnya popular iaitu Tadika Islam.

Dan ini juga selaras dengan pandangan Ahli Yang Berhormat dari Tambun supaya JAKIM ada target, ada matlamat, kalau tidak sekadar seperti apa yang dikatakan oleh rakan saya dari Tambun, itulah jadinya kita ukur JAKIM lebih kepada budget, kalau budgetnya RM100 juta, dia dapat belanja RM99 juta kita anggap JAKIM sudah berjaya, walhal ianya tidak mencapai sebarang matlamat.

Tuan Pengerusi, seterusnya saya beralih kepada

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah suntuk, sepuluh minit.

Tuan Mohamed Khalid bin Nordin: Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Seremban.

3.00 ptg.

Dato' Hon Choon Kim [Seremban]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya hendak sentuh B.7 Butiran 020400 - Penswastaan.

Tuan Pengerusi, pelupusan sisa pepejal di semua kawasan Kerajaan Tempatan akan diswastakan keseluruhannya, dan rang undang-undang yang berkenaan telah diluluskan dalam Dewan yang mulia ini. Untuk melaksanakan program ini, empat syarikat swasta telah dilantik oleh Kerajaan Pusat. Bagi kawasan selatan iaitu, negeri Johor, Melaka dan Negeri Sembilan tugas pengurusan sisa pepejal telah diberikan kepada Southern Waste Management.

Mulai bulan November, bulan ini, Southern Waste Management akan mengambil alih secara interim selama satu hingga tiga tahun pengurusan sisa pepejal ini. Southern Waste Management dalam satu taklimat yang diberikan kepada majlis-majlis daerah, telah berjanji bahawa syarikat ini akan memberikan perkhidmatan yang lebih baik. Sistem pungutan akan diperlicinkan supaya pungutan akan lebih kerap dan tong sampah yang beroda juga akan dibekalkan untuk memperlicinkan pungutan ini.

Tuan Pengerusi, pada prinsipnya saya tidak berhalangan supaya pungutan sampah diswastakan. Buat masa ini aduan terhadap pungutan sampah yang dikendalikan oleh pihak pegawai-pegawai kuasa tempatan sering kita terima. Pungutan adalah tidak berkesan dan kurang memuaskan kerana masalah kekurangan kakitangan dan kelengkapan. Kadangkala wang yang dikutip melalui cukai taksiran untuk tujuan ini juga tidak mencukupi. Oleh itu segala usaha untuk meningkatkan pungutan ini adalah dialu-alukan.

Penswastaan sisa pepejal ini merupakan penswastaan yang kedua dalam bidang tugas yang biasanya dikendalikan oleh pihak berkuasa tempatan. Projek yang pertama diswastakan ialah IWK. Tidak dapat dinafikan bahawa banyak masalah timbul ekoran pelaksanaan penswastakan IWK. Banyak masalah pun telah dibahas dalam Dewan yang mulia ini. Saya berharap kerajaan akan menggunakan isu-isu IWK sebagai contoh untuk mengelakkan masalah. Dan ini contoh beberapa perkara yang saya ingin kerajaan beri perhatian.

- (i) Mengenai bayaran. Bayaran dikenakan mesti berpatutan dan tidak akan membebankan rakyat. Sebelum ini rakyat dikenakan cukai taksiran dan jumlah yang dikutip itu sekaligus termasuk perkhidmatan pungutan sampah dan rawatan najis. Tetapi sekarang rakyat kena membayar cukai taksiran, bayaran IWK dan tambahan pula bayaran pungutan sampah.

Ini sudah tentu akan membebankan rakyat. Saya bercadang bahawa sebagai sebahagian bayaran sebagai cukai taksiran harus ditolak kerana selepas penswastaan, tugas yang akan dijalankan oleh pihak berkuasa tempatan akan dikurangkan dan bilangan pekerja juga diserap masuk dan diambilalih oleh syarikat penswastaan.

- (ii) Pengawalseliaan tempat pelupusan sampah. Buat masa sekarang tempat pelupusan sampah sering menimbulkan berbagai masalah. Tempat pelupusan sampah sering menghadapi masalah kebakaran dan sampah bertaburan di tepi jalan, menimbulkan masalah pencemaran alam sekitar.
- (iii) Perkhidmatan mesti lebih baik berbanding dengan pihak berkuasa tempatan.
- (iv) Penerangan yang jelas mesti diberikan kepada orang awam supaya rakyat faham tujuan penswastaan dan caj akan dikenakan.

Tuan Pengerusi, saya ingin juga mengalih B7, Butiran 090000 – Mengenai bangunan-bangunan mahkamah. Bangunan-bangunan mahkamah melambangkan perundangan dan kehakiman negara. Oleh kerana itu, bangunan mahkamah haruslah sentiasa diselenggarakan dengan baik. Saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini bahawa penggunaan Mahkamah Tinggi Seremban adalah satu bangunan yang lama dan dalam keadaan yang tidak memuaskan, sebenarnya dalam keadaan yang lusuh. Saya ingin tahu apakah rancangan, sama ada ada rancangan untuk bangunan ini dan saya bercadang supaya satu bangunan baru harus dibina untuk tujuan ini.

Saya ingin mengalih ke B.8, Butiran 010000 – mengenai gaji untuk kumpulan pekerja am rendah atau pekerja rencam atau IMG ini. Pada masa ini

gaji untuk golongan-golongan ini memang sangat rendah kalau dibandingkan dengan gaji orang yang bekerja dengan pihak swasta. Oleh kerana itu banyak jawatan kosong tidak dapat diisi. Oleh kerana itu saya bercadang supaya kumpulan ini gajinya patut ditambah. Kumpulan ini seperti office boy atau tukang sapu, tukang memperbaiki jalan, longkang, memperbaiki paip air dan sebagainya. Sebenarnya sekarang ini gaji mereka memang sangat rendah kalau kita bandingkan dengan pekerja di kilang. Oleh kerana itu tidak dapat kita menarik cukup bilangan pekerja untuk mengisi jawatan-jawatan kosong yang ada. Umpamanya di Pihak Berkuasa Tempatan kita mengalami masalah kekurangan kakitangan untuk menjalankan memberi perkhidmatan untuk mencuci longkang, membersihkan kawasan-kawasan lapang dan sebagainya. Ini berhubungkait dengan jawatan-jawatan kosong itu, tidak dapat kita isi dengan baik.

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat Bukit Mertajam bangun.

Dr. Tan Chong Keng [Bukit Mertajam]: Tuan Pengerusi, minta penjelasan daripada Yang Berhormat Seremban. Baru-baru ini dengan adanya ancamana La-Nina, banyak tempat menjalankan kerja gotong-royong, membersihkan longkang, parit dan mendapati banyak longkang sudah lama tidak dicuci. Ada dianggarkan sampai sepuluh tahun tidak dicucikan. Maka kita boleh buat satu kesimpulan, adakah majlis-majlis kerajaan tempatan itu ambil kutipan taksiran tetapi tidak buat kerja selama 10 tahun itu. Adakah ini benar?

Dato' Hon Choon Kim: Saya ucapkan tahniah kerana Yang Berhormat begitu peka dengan masalah yang dihadapi oleh rakyat. Memang saya setuju ada sesetengah pihak berkuasa tempatan memang tidak boleh memberikan perkhidmatan yang baik seperti yang disebut tadi. Memang ada sebabnya mereka menghadapi kekurangan kakitangan dan oleh kerana itu, mereka tidak cukup kakitangan untuk menjalankan perkhidmatan yang kita harap-harapkan. Oleh

kerana itu saya mencadangkan kepada kementerian supaya membuat kajian, supaya gaji untuk golongan ini, kumpulan pekerja-pekerja ini dapat dinaikkan supaya selaras dengan apa yang mereka boleh dapat di kilang umpamanya kalau kerja yang sama, kalau orang itu bekerja di kilang, mungkin dia dapat gaji yang lebih banyak, lebih tinggi daripada dia bertugas di jabatan kerajaan. Jadi saya berharap Yang Berhormat dapat mempertimbangkan supaya golongan itu mesti diberi perhatian dan kerja-kerja yang dilaksanakan oleh golongan itu, itu pun tidak ramai orang berminat. Jadi kita mesti tambahkan gaji dan oleh kerana itu barulah dapat menarik cukup pekerja untuk mengisi jawatan yang masih kosong itu. Jadi dengan kata-kata itu, saya menyokong.

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat Timbalan Menteri diminta jawab.

Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak: Tuan Pengerusi, mintalah budi bicara.

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat saya sudah buat keputusan tadi.

Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak: Ada budi bicara Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Boleh bangkitkan soal kemudian.

3.08 ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Pengerusi, izinkan saya menjawab sebahagian daripada perkara-perkara yang telah dibangkit bagi Jabatan Perdana Menteri yang ada kaitan dengan undang-undang dan bahagian yang lain akan dijawab oleh Yang Berhormat dari Kuantan, rakan saya dalam Jabatan Perdana Menteri.

Tadi Yang Berhormat daripada Tanjong, ada bangkit berkenaan dengan perkara yang saya bangkit semalam itu, dalam akhbar menyatakan bahawa apa yang saya sebut itu satu kenyataan yang merbahaya 'dangerous'. Jawapan yang saya beri semalam adalah, sebenarnya tidak dangerous tetapi perkara yang sebenarnya yang berlaku di negara kita Malaysia krisis Perlembagaan tahun 1980-an, kita telah meminda Perlembagaan dan bagi yang muktamad telah memutuskan bahawa kuasa sebenarnya adalah di dalam tangan Perdana Menteri Malaysia dan bukan di tangan Agong. Malah telah diperjelaskan seterang-terangnya berkenaan dengan apa yang dimaksudkan dengan perkataan 'advice' di mana 'advice' sebenarnya adalah 'arahan' dan bukan nasihat dalam bentuk dan erti kata nasihat yang boleh diterima atau ditolak oleh Agong. Ini telah kita putuskan dalam tahun 1980-an dan sebenarnya tidak menjadi masalah lagi pada hari ini.

Kita telah membuat satu kompromi dengan Agong, memberikan dia peluang untuk mendapat maklumat lebih, sebab itu ada peruntukan dalam Perlembagaan untuk dia berbuat demikian. Seperti yang disebut oleh Yang Berhormat dari Jelutong dalam ucapan dia pada pagi tadi.

Jadi, kalau Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong mahu dia boleh menggunakan peruntukan itu tetapi ini bukan bermakna bahawa dia mempunyai kuasa dalam hal ini.

Penjelasan Ahli Yang Berhormat dari Tanjong dan Jelutong saya kira adalah lebih bahaya dan dangerous kerana seolah-olah hendak membelakangkan suara rakyat yang keramat. Ini adalah kerana mereka hendak menyatakan bahawa Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong seorang individu – ada kuasa untuk mengatasi keputusan Perdana Menteri yang dipilih oleh rakyat. Kalau ini benar, kita memberi kuasa kepada orang individu, satu orang yang tidak mendapat mandat rakyat untuk membuat apa yang dia suka tanpa mengambil kira kehendak Perdana Menteri yang dipilih oleh rakyat menerusi pilihan raya.

Sebenarnya, Tuan Pengerusi, Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong hanya simbol sahaja iaitu simbol kepada sistem kerajaan kita iaitu Kerajaan Demokrasi Raja Berperlembagaan dan saya harap jangan mereka memberikan, dengan izin, any idea, bahawa Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ini ada kuasa. Ini adalah merbahaya kerana kita dipilih oleh rakyat, maka semestinya tidak ada kuasa yang lebih besar daripada suara rakyat yang mutlak itu. Saya hendak menjelaskan Perdana Menteri macam mana pun dipilih oleh rakyat, kalau apa keputusan yang diambil olehnya itu tidak disukai, maka dalam pilihan raya akan datang rakyat boleh menghukum dia tetapi kalau kita memberikan satu kuasa kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, dia tidak dipilih dan tidak siapa boleh menghukumnya kalau sekiranya dia melakukan sesuatu yang bercanggah dengan Perlembagaan ataupun yang tidak mendatangkan manfaat kepada rakyat ramai. Sebab itu pada saya perkara ini telah pun diputuskan pada tahun 80-an dahulu dan tidak perlu dibangkitkan lagi. Ini adalah muktamad dan telah kita bincangkan berkali-kali berkenaan dengan perkara ini.

Yang Berhormat dari Tanjong juga minta diadakan pilihan raya. Tuan Pengerusi, rakyat bukan bodoh, rakyat tahu iaitu bahawa pada tahun 1995 waktu kita hendak adakan pilihan raya, rakyat tahu bahawa siapa yang dipilih ini, dipilih untuk lima tahun. Jadi, saya ingat untuk Ahli Yang Berhormat dari Tanjong hendak mengatakan perlu ada pilihan raya, sebenarnya dia sendiri yang hendak, rakyat tidak hendak. Rakyat tahu kalau lima tahun, lima tahunlah. Sebab itu tidak ada keperluan dan urgency, dengan izin, untuk diadakan pilihan raya sekarang.

Berkenaan dengan krisis keyakinan kehakiman selepas 1988, ini selalu dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjong dan Jelutong. Apabila Perdana Menteri menjawab pada tahun 1988 dahulu, hakim mengisytiharkan bahawa UMNO sebuah parti yang besar itu dianggap sebagai tidak sah, kita terima. Ini menunjukkan bahawa mahkamah bebas tetapi dia kata itu pada tahun

1988, selepas tahun 1988 orang sudah tidak yakin. Lepas 1988 orang sudah tidak yakin, tidak apa, saya hendak beritahu kepada dia perkara ini selalu dibangkit sebagai isu sama ada di dalam perkara biasa ataupun waktu pilihan raya dan saya hendak mengingatkan kepada Ahli Yang Berhormat dari Tanjong iaitu bahawa selepas tahun 1988 ianya menjadi isu besar – soal keyakinan kehakiman ini dijadikan sebagai isu besar oleh pembangkang. Jadi, sukar untuk kita mencari hakim untuk menentukan sama ada perkara ini benar ataupun tidak melainkan kita serahkan kepada rakyat untuk menentukan perkara ini. Semenjak tahun 1988, dua Pilihan Raya Umum telah diadakan iaitu pada tahun 1990 dan tahun 1995 dan pada kedua-dua kali ini Barisan Nasional menang, bermakna tidak ada kurang keyakinan terhadap kehakiman kerana kalau ada sudah tentu rakyat menolak Barisan Nasional yang dikaitkan rapat dengan kehakiman dalam negara kita sekarang ini.

Ahli Yang Berhormat dari Jelutong menyebut berkenaan dengan kenyataan bahawa mahkamah dan kehakiman hendak dijadikan – berkenaan dengan kenyataan saya sebenarnya! Dia bangkitkan semalam, dia kata saya ada membuat kenyataan bahawa hendak dijadikan mahkamah dan kehakiman dalam negara ini sebagai satu model. Saya masih lagi menyatakan bahawa kita boleh menjadi satu model kerana kes *habeas corpus* yang disebut oleh beliau tidak langsung menjejaskan kenyataan saya kerana daripada lebih 230 kes yang Yang Berhormat dari Jelutong sebut, orang ditahan dilepaskan merupakan bukti yang memperkuatkan hujah saya kerana mahkamah berani dan bebas meluluskan writ of *habeas corpus* sehinggakan lebih 200 orang ini dilepaskan. Ini bermakna bahawa mahkamah itu berani dan bebas. Dia buat keputusan apabila writ dibawa dalam mahkamah, dia membuat keputusan iaitu bahawa orang yang ditahan itu dilepas dan Yang Berhormat dari Tanjong sebut lebih 230 kes yang mana writ *habeas corpus* ini dapat melepaskan orang yang dianggap ditahan tanpa apa-apa kesalahan.

Jadi, sebab itu ini bermakna bahawa mahkamah itu bebas dan soal selepas mereka dilepaskan oleh mahkamah, kemudian mereka ditangkap semula, Yang Berhormat dari Jelutong sendiri harus tahu itu tidak ada kena mengena dengan mahkamah. Mahkamah cuma mengambil keputusan berkenaan dengan writ of *habeas corpus* tetapi kalau selepas itu dia keluar daripada mahkamah, kemudian ditangkap, itu bukannya ada kena mengena dengan mahkamah dan kehakiman. Mereka telah menghakimi dan melepaskan orang ini. Itu adalah soal keamanan. Kalau polis tangkap kembali orang ini, itu soal polis yang sudah tentu mempunyai alasan mereka sendiri untuk membuat penangkapan semula. Jadi, sebab itu pada saya sebenarnya apabila dia menyebut 230 kes yang writ of *habeas corpus* dibawa dan dilulus oleh mahkamah, ini jelas menunjukkan bahawa mahkamah kita berani dan bebas untuk membuat keputusan melepaskan mereka yang ditahan dalam tahanan menerusi writ of *habeas corpus* ini. Soal selepas itu polis tangkap, itu soal polis, itu bukan soal mahkamah dan kehakiman dalam negara kita.

Akhir sekali, berkenaan dengan demonstrasi, Yang Berhormat dari Tanjong ada menyebut, dia kata iaitu bahawa demonstrasi yang dijalankan tidak beberapa lama dahulu merupakan multiracial. Saya hendak memberitahu kepada dia iaitu bahawa daripada laporan yang kita dapat ia bukan multiracial. Majoriti besar yang berdemonstrasi itu adalah orang Melayu, ada sebahagian kecil India dan Cina tidak ada langsung. Sebab itu apa yang dikatakan multiracial itu adalah tidak benar. Saya hendak mengingatkan kepada dia jangan terlalu merasakan iaitu – kalau saya sendiri pun sebagai seorang yang boleh disebut sebagai liberal, saya pun merasa iaitu apa salahnya kita mengadakan demonstrasi aman tetapi saya sebut semalam iaitu bahawa daripada aman menjadi tidak aman ini, itu diwaktu mana kita hendak mengambil tindakan? Sebab itu lebih baik kita jangan adakan demonstrasi ini kerana ia boleh mendatangkan kepada satu perkara yang boleh memudaratkan keamanan dan keselamatan dalam negara kita.

Jadi, sebab itu kita dalam kerajaan masih menyatakan iaitu bahawa kita perlu kepada ISA. Saya hendak mengingatkan kepada dia, tahun 1969 iaitu satu rusuhan kaum. Dalam sebuah negara dan masyarakat madani perkara ini tidak sepatutnya berlaku. Mungkin Yang Berhormat dari Tanjong pada ketika itu saya difahamkan dia kali pertama dipilih sebagai Ahli Parlimen di sini. Mungkin dia merasakan dia betul sebab mungkin dia terlibat. Saya tidak tahu sebab pada ketika itu umurnya 20 tahun lebih dan kita tahu iaitu bahawa rusuhan kaum itu berlaku hasil daripada kemenangan besar DAP dalam pilihan raya tahun 1969. Maka, ada sedikit kekacauan kemudian menjadi rusuhan kaum tetapi saya pada ketika itu baru Tingkatan Tiga. Umur saya 15 tahun dan saya lihat pada ketika itu saya belajar di Victoria Institution. Jadi, saya tengok sebaik sahaja berlaku rusuhan kaum, kawan-kawan saya – Cinakah atau Indiakah, dia tidak mahu berkawan dengan saya. Saya sebagai seorang budak sekolah, saya tidak faham perkara ini. Mengapa kawan baik saya orang Cina, orang India, habis sahaja rusuhan kaum lepas itu kita masing-masing, Melayu dengan Melayu, Cina dengan Cina, India dengan India. Ini tidak patut berlaku.

Jadi, perangai ahli-ahli politik yang merusuh, yang menghasut untuk rusuhan kaum, kesannya besar kepada orang-orang yang tidak berdosa seperti saya di waktu sekolah. Saya merasa hairan apa fasal kawan saya Cina tidak mahu berkawan dengan saya, apa fasal kawan India saya tidak mahu berkawan dengan saya dan saya pula diberitahu oleh orang-orang Melayu kata jangan berkawan dengan Cina, jangan berkawan dengan India. Ini merbahaya, sebab itu saya nekad, saya percaya kerajaan juga mempunyai satu pendirian yang tegas iaitu rusuhan kaum 1969 tidak boleh berlaku lagi, jangan, never, ever again berlaku dalam negara kita. Sebab itu ISA perlu tetapi sudah tentulah Ahli Yang Berhormat dari Tanjong mempunyai pandangan yang lain sebab pada tahun 1969 dia menang besar, mungkin dia pun terlibat berlakunya rusuhan kaum, saya ingatlah! Tetapi

kepada kami yang tidak berdosa, ini jangan berlaku lagi. Sebab itu ISA tidak boleh dihapuskan selagi ada golongan-golongan seperti pembangkang yang menghasut, mengambil kesempatan menggunakan perbezaan kaum untuk kepentingan diri mereka, selagi itu kita mesti pastikan ISA itu mesti ada kerana yang lebih penting ialah majoriti rakyat yang tidak berdosa, yang tidak sepatutnya menerima kesan yang tidak baik hasil daripada tindakan yang tidak bertanggungjawab yang dilakukan oleh ahli-ahli politik.

Jadi, sebab itu Tuan Pengerusi, saya ingin menyatakan di sini bahawa ISA ini kerajaan masih menyatakan bahawa ia amat diperlukan memandangkan negara kita terdiri daripada rakyat yang berbilang bangsa, agama, bahasa dan budaya. Sebab itu kalau hari ini keamanan itu wujud, ini ialah kerana adanya ISA. Kalau tidak ada ISA saya percaya negara ini tidak akan aman seperti mana yang kita nikmat dan rasai pada ketika ini.

Akhir sekali berkenaan dengan ACA ini saya hendak katakan iaitu bahawa tidak ada power struggle. Kuasa Perdana Menteri kalau dia hendak menunjukkan pilihan dia, kehendak dia, dia boleh bila-bila masa melantik siapa sahaja yang dia suka. Sebaik sahaja Ketua Pengarah letak jawatan berhenti, dia boleh menggantikan pada bila-bila masa. Jadi tidak ada power struggle cuma kita memakan masa sedikit kerana kita hendak pastikan supaya perlantikan ini adalah satu perlantikan yang akan dapat menggambarkan iaitu bahawa ACA ini adalah satu badan bebas daripada kongkongan Jabatan Perdana Menteri sebab itu kita memakan masa sedikit, badan ini adalah badan yang bebas.

Tuan Pengerusi, sekian, terima kasih. Rakan saya akan menjawab benda yang lain.

3.22 ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman]: Tuan Pengerusi, terutamanya saya mengucapkan terima kasih kepada sahabat saya kerana tadi dia telah merangkumi soalan-soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat dari Tanjong dan Yang Berhormat dari Jelutong. Kedua-dua banyak membangkitkan perkara-perkara yang legalistik, Yang Berhormat yang menjawab tadi adalah orang yang legal, saya ini bukan illegal, saya ini non-legal. Saya jawab yang lain-lain.

Yang keduanya saya rasa saya hendak skip jawapan dari Tanjong dan Jelutong kerana saya hairan walaupun mereka merupakan Ahli-ahli Parlimen yang matang, dewasa tetapi tidak matang, masih belum lagi memahami semasa kita membahaskan masalah dasar dan masanya ketika kita membahaskan masalah di dalam Jawatankuasa. Yang lain-lain saya ucapkan tahniah kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dari backbencher khususnya Barisan Nasional yang nampaknya memang confirm kepada peraturan yang kita berbahas dalam bidang Jawatankuasa, oleh itu kita bincang perkara-perkara yang spesifik.

Tuan Pengerusi, saya ingin bermula jawapan saya dengan perkara-perkara yang berkaitan dengan teguran-teguran Ahli-ahli Parlimen berkenaan dengan Parlimen. Saya merasa juga turut dukacita di atas apa yang disarankan dan kita telah mendapat maklumat daripada Parlimen yang menyatakan bahawasanya kesemua teguran yang dibuat oleh Ahli-ahli Parlimen akan diambil kira dengan serius oleh Jabatan Parlimen kita. Dalam sistem siaran Dewan Rakyat yang ada pada hari ini sesungguhnya adalah kerana kelemahan daripada pihak pemborong itu sendiri. Jadi oleh itu pihak pemborong telah memberi pengakuan akan mengatasi masalah ini dengan seberapa segera dan insya-Allah, apabila kita dapat menggunakan sistem siar raya yang baru ini yang berhadapan dengan kita maka sistem ini akan melibatkan penggunaan sekeping kad.....

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat Bagan bangun.

Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman: Saya habiskan ayat saya dahulu. Pengenalan elektronik yang akan di antaranya mengaktifkan sistem siaran di meja ahli, merekodkan kehadiran ahli secara automatik, sistem pengundian dan juga sistem pesanan messaging tetapi dia tulis di sini 'massaging' maksudnya 'messaging' [*Ketawa*]

Seorang Ahli: [*Menyampuk*] Sedaplah kalau ada message.....

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Itu lain maknanya Yang Berhormat.

Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman:messaging saya ingat dia silap taip, Tuan Pengerusi.

Yang kedua, begitu juga masalah kemudahan bilik-bilik termasuk perabot, hawa dingin, kantin, kerusi-kerusi Dewan Rakyat semuanya apabila ...

Tuan Lim Hock Seng: Tuan Pengerusi....

Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman: ...ya, ya saya akan beri - apabila kegawatan ekonomi dapat kita atasi, peruntukan dapat lebih sedikit, insya-Allah, akan dibaiki.

Yang ketiga berkaitan dengan Parlimen ialah *Hansard*. Kalau kita tengok dahulunya kita pernah mendapat *Hansard* sehari selepas tetapi malangnya oleh kerana sebab-sebab tertentu kita dapat terlewat sedikit, kadang-kadang tiga hari, empat hari dan saya nampak hari ini sudah satu, dua hari lewat dan saya diberi jaminan oleh pihak Parlimen akan diberikan kembali kepada kita seperti keadaan lama secepat mungkin.

Tuan Lim Hock Seng: Berkenaan dengan sistem siaran dalam Parlimen ini saya hendak menanya Yang Berhormat berkata ini adalah kesalahan pemborong sendiri. Bolehkah Yang Berhormat memberitahu sama ada bayaran untuk sistem ini telah dijelaskan kesemuanya sekali kepada pemborong atau masih ada retention sum, dengan izin, yang belum diselesaikan dan boleh digunakan sebagai satu hope kepada pemborong ini.

Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman: Tuan Pengerusi, kontrak belum habis lagi, jadi kita tunggulah beri peluang kepada pihak pentadbiran mengatasi perkara ini dengan pemborong. Jangan risau sama ada sudah bayar atau tidak bayar...

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Parit Sulong bangun.

Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman: Banyak ini, Tuan Pengerusi, ada empat belas orang yang bercakap dan saya hendak menjawabnya.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Pengerusi, saya ingin bertanya perkara ini telah kita timbul banyak kali dan sudah berapa tahun sistem siar raya dalam Parlimen ini hendak digunakan. Dalam satu ucapan saya, saya rasa setahun, dua tahun dahulu, saya minta BPR masuk siasat. Pasal kita kurang puas hati dengan sistem depan kita. Kita tidak boleh guna sudah berapa tahun. Saya hendak tahu daripada rekod Yang Berhormat berapa tahun sistem ini been install, dengan izin, dan kenapa tidak boleh digunakan. Apa kesilapan dia, apa punca kelemahan dia, apa kecacatan dia, terima kasih banyak.

Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman: Saya pun tidak tahu sudah berapa lama tetapi yang saya tahu pihak kontraktor sedang berusaha untuk mengatasi beberapa permasalahan teknikal dan pengubahsuaian yang dicadangkan

oleh pihak pengurusan akan dilaksanakan. Berkaitan dengan sama ada hendak dilaporkan kepada BPR, itu di luar kuasa sayalah.

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, dua orang peminat, hendak beri siapa?

Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman: Ini masalah Parlimen. Tuan Pengerusi, saya telah menjawab tadi pihak Parlimen telah beri jaminan akan melihat, jadi saya tidak tahu jaminan ini dia sudah beri dahulu atau tidak. Inilah kali pertama saya menjawab bagi pihak Jabatan Perdana Menteri dan dia kata beri jaminan, saya pegang kepada jaminan ini. Kalau tidak, saya akan kembalikan surat ini kepada mereka. Jadi saya harap dalam hal-hal Parlimen ini saya bagi peluanglah kepada pihak Parlimen mengatasi perkara ini. Jadi, Tuan Pengerusi, saya hendak beralih kepada tajuk yang lain.

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat hendak beri jalan...

Seorang Ahli: Penjelasan.

Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman: Saya ingat dalam hal ini tidak payahlah. Sebab, Tuan Pengerusi, kalau saya jawab pun saya...

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Tak apa, itu hak Yang Berhormat. Kalau tidak, Yang Berhormat teruskan.

Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman: Terima kasih banyak-banyak. Tuan Pengerusi, Senai membawa beberapa perkara seperti Laluan Kedua, jadi dalam hal ini...

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat Parit Sulong bangun.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Pengerusi, saya President Backbencher saya cuma menyampaikan rasa tidak puas hati sahabat-sahabat saya. Tahun lalu kita sudah cakap, beri juga jaminan, ini sudah setahun yang lalu lagi, jadi berapa tahun lagi kita hendak tunggu sistem yang tidak boleh pakai? Kalau tidak boleh pakai, kita minta cabut sahajalah. Hendak buat apa pasang di sini. Pasal apa kesabaran kami, kalau benda yang tidak praktikal diberikan kepada kami, kenapa adakah masa kita menyiapkan spesifikasi kontrak ataupun bekalan itu, perkara ini adakah diambil kira? Sehingga tidak boleh dipakai. Jadi kalau Yang Berhormat Timbalan Menteri hendak beri jawapan yang agak light saya minta maaflah, tolong pandang dengan lebih serius. Oleh kerana bukan masalah ini, pembangkang pun sama tetapi backbencher lebih teruk. Pasal kami sentiasa bertanya, ini apa, pasang tombol tolak tombol, saya pun tidak tahu apa perkara. Yang hanya boleh dipakai ialah lampu.

Jadi Tuan Pengerusi, saya minta perkara ini berilah tindakan yang segera. Saya bukan hendak memperkecil-kecilkan kawan-kawan, sahabat-sahabat di dalam Dewan Rakyat ataupun pengurusan Dewan Rakyat tetapi saya diberitahu ini adalah hasil daripada tender yang dilaksanakan oleh pihak JKR. Sebab itu dalam ucapan saya yang dulu saya minta kalau boleh berilah BPR siasat, kenapa perkara ini tidak berlaku? Adakah kesilapan dari segi spesifikasi kontrak dan sebagainya. Kenapa tidak boleh dipakai. Kalau inilah manifestasi kelambatan kita dalam Dewan Rakyat di depan mata kita, adakah kita boleh tolerate perkara ini. Terima kasih.

Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman: Saya pun ucap terima kasih, Tuan Pengerusi, sebab dia pun bercakap bagi pihak saya juga [*Ketawa*]. Saya pun tidak puas hati tetapi saya menjawab apa yang diberikan oleh pihak Jabatan Parlimen, dia kata akan mengambil berat dalam hal ini dan saya beri dia peluang sekali lagi. Kalau sekiranya dalam tempoh masa sebulan dua ini tidak ada

perubahan, saya sendiri akan mencadangkan kepada Pengerusi Backbencher lakukanlah apa yang harus dilakukan termasuk membuat laporan-laporan tertentu. Ya, Tuan Pengerusi, saya bagi pihak Parlimen saya minta maaf.

Tuan Yunus bin Rahmat: Terima kasih, Dato' Timbalan Menteri. Saya minta penjelasan. Saya dengan Dato' Timbalan Menteri ini, kawan baik. Jadi saya ucap terima kasihlah di atas penjelasan ini. Satu perkara, tidak payah saya ulanglah, Yang Berhormat Ruhanie sudah bangkitkan. Yang keduanya, saya ingat sejak tahun 1984 dulu saya menjadi pegawai pelapor jabatan beginilah bendanya [*sambil mengangkat kad nama dan kawasan*] Sejak saya jadi government servant dulu, Tuan Pengerusi, beginilah bendanya. Jadi yang menjadi masalah kadangkadangkang saya kesian dengan pegawai pelapor. Mereka bertugas, mereka kena tengok ini, macam Jelebu bangun, dia tidak nampak Jelebu ini, dia kena catat dalam borang pelapor apa benda yang dicakap, ahli daripada mana, sedangkan dia tidak nampak Jelebu ini. Yang daripada hujung sana, saya ingat tidak nampak.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Kena bubuh atas kepala, macam mana?

Tuan Yunus bin Rahmat: Jadi macam mana? Fikirkanlah satu perkara yang boleh memberikan kemudahan kepada pegawai kerajaan yang menjalankan tugas dan sebagainya. Perkara ini sudah lama, sejak dulu lagi, satu perkara. Yang keduanya ialah masalah peralatan yang disediakan di dalam Parlimen. Macam dulu juga yang kita bangkitkan, paip ada, kepala hilang. Tempat sangkut baju ada, dua hari pasang, hilang. Jadi bagaimanakah keadaan ini boleh berlaku pembaziran yang begitu berleluasa dalam bangunan Parlimen. Tempat yang kita meluluskan, membahaskan dasar dan belanjawan dan sebagainya, berlaku di tempat kita. Jadi orang kampung tengok, apalah! pergi Parlimen hari itu, barang itu pun sudah tidak ada, macam mana berlaku di tempat lain. Tampan itu kepada kita. Ini pembaziran. Begitu juga dengan sistem yang ada di depan kita. Apakah JKR dan

kontraktor berani hendak buat dengan kita, seolah-olah hendak mencabar ahli-ahli Dewan. Ini yang kita kesalkan.

Walaupun duit, duit kerajaan, kita bertanggungjawab. Ini kita bercakap kepada jabatan, suruh berjimat, cakap kepada rakyat berjimat cermat, ikat perut dan sebagainya tetapi di dalam Dewan kita sendiri, ini yang saya surrenderlah sebagai wakil rakyat. Terima kasih.

Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingat, Tuan Pengerusi, untuk memudahkan urusan ini, saya hendak cadangkan, saya akan panggil pihak pentadbiran Parlimen ini dan mungkin dengan Ketua Backbencher dan beberapa orang wakil, kita adakan satu majlis, kita sampaikan, curahkan apakah perkara-perkara yang kita rasa perlu kita baiki. Saya ingat cukuplah setakat itu sebab saya ada banyak lagi perkara lain hendak dijawab.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Kena bagilah Tun, pasal kita ini masalah. Tak payah tunggu esok, kita kira apa.

Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman: Perkara ini sebenarnya Tuan Pengerusi, dia tanya masalah kelengkapan. *[Ketawa]*

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Tuan Pengerusi, kita pun nak duga Timbalan Menteri punya kebolehan.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Pengerusi, masalahnya sekarang dia kata hendak suruh saya bangkitkan. Perkara ini kita dah bangkit, dah perennial problem, masalah tahunan yang disebut di bawah perbahasan hal ehwal Parlimen, perkara ini memang timbul. Saya minta maaf, Tuan Pengerusi pun dengar sendiri apa yang kita suarakan, baik backbencher Barisan atau dari pihak pembangkang. Jadi kenapa tidak ada pembelaan, tidak ada perkara yang dibuat. Sekarang Timbalan Menteri kata hendak ajak saya, suruh saya lapor, tidak payahlah, saya sudah cakap dalam Dewan. Kita dah cakap, banyak *Hansard* kita kalau kita kaji, tahun sudah dan tahun sebelumnya, cuba kita kaji.

Masalah facility ahli-ahli Parlimen yang di Tower Block telah pun ditimbulkan. Banyak kali timbul, tetapi setiap tahun diberi jawapan yang macam ini. Jadi adakah perkara ini akan kita hanya tertawakan sahaja ataupun perlu mendapat perkara yang harus diatasi dengan seberapa segera. Jadi minta maaf, Timbalan Menteri pun sahabat saya juga tetapi dia bagi pihak kerajaan, kami dari pihak backbencher. Kita telah salurkan perkara ini, dah salurkan dalam saluran yang paling betul, bukan saluran di luar, saluran di luar boleh kata cakap very unofficial, off the record semua tetapi di dalam Dewan kita jelaskan perkara ini mesti diambil tindakan segera. Kalau nak buang sistem ini, buanglah terus. Kalau hendak adakan, adakan sistem yang boleh digunakan.

Yang saya tidak puas hati, Tuan Pengerusi, saya hendak cakap di sini, saya telah menemui Setiausaha Dewan Rakyat yang dulu, saya diberitahu bahawa kesilapannya adalah dengan JKR. Kalau betul kesilapan dengan JKR, siapa yang membawa kepada JKR supaya diberitahu perkara ini tidak betul. Jadi siapa yang hendak bertanggungjawab? Adakah BBC, Backbenchers Club ataupun pihak kerajaan membawa perkara ini kepada JKR supaya diberitahu sistem ini mesti digunakan dan boleh digunakan dengan segera. Kalau tidak, cabut sahajalah, tidak perlu sistem ini. Terima kasih.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Penjelasan, yang itu tidak jawab pun tak apa dah.

Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman: Kalau hendak beri penjelasan, saya Timbalan Menteri, saya tahulah.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Saya minta penjelasan. Sabar, Yang Berhormat, baru sikit ni. *[Ketawa]* Ini tidak ada apa ni, ini baru appetizer. Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ini pertama, hak tadi kawan-kawan saya cakap dah, cuma saya ni nak balik sikit.

Pertamanya berkenaan Ahli-ahli Parlimen ini. Ahli-ahli Parlimen ini, Tuan Pengerusi pun tahu. Kita ni adalah penghubung antara rakyat dengan kerajaan. Nak boleh dok tang ni pun seksa bukan main. Berperang dengan pembangkang dalam kawasan, beritahu kita bagus yang itu, yang ini, baru orang pilih kita duduk di sini. Hak belah pembangkang tu, dia pekena orang, orang pilih. Kita, tidak, kita buat kerja betul. Tapi saya hendak mintalah Tuan Pengerusi, kalau boleh ketua-ketua jabatan menteri-menteri dan sebagainya, jangan soal banyak kalau wakil-wakil rakyat hendak jumpa. Saya pernah buat appointment nak jumpa ketua-ketua jabatan bukan kerana saya nak cari makan, tidak. Saya pergi hendak jumpa kerana hendak menyelesaikan masalah. Kadang-kadang sebulan, dua, tidak dapat. Beritahu pulak, kita hendak apa. Saya bukan hendak minta apa dengan dia. Saya hendak beritahu masalah rakyat kepada dia.

Jadi kita wakil rakyat kadang-kadang belas, Tuan Pengerusi, kita ini ibarat macam penyanyi pop. Waktu orang mahukan kita, okey Tuan Pengerusi, waktu orang tidak mahu, habis begitu sahaja. Last sekali, jasamu dikenang, bagilah kain pelikat sehelai. Ini nasib kami sebagai ahli parlimen, orang politik Tuan Pengerusi pun tahu, Tuan Pengerusi pun biasa jadi ahli politik, tak apalah Tuan Pengerusi duduk di atas itu, legalah sedikit. Jadi saya hendak mintalah, pegawai-pegawai kerajaan pun, beri penghormatan, bukan kerana jawatan ini adalah jawatan untuk kita menyelesaikan masalah-masalah rakyat. Kadang-kadang kita ini, tak apalah, berilah keutamaan sikit. Sungguhpun pagi kita tidak bersidang, kita pergi jabatan itu, jabatan ini, selesai masalah biasiswa, selesai masalah budak-budak kawasan hendak masuk ke maktab, jumpa menteri itu, menteri ini, ada untuk kerja di jabatan itu, ini, kita buat.

Jadi saya hendak menyarankan di Dewan yang mulia ini, kasihanilah kami, kami ini bertugas dengan ikhlas. Tuan Pengerusi pun tahulah kalau nak harap elaun, berapa duit, ini musim kenduri nak mai dah, habis-habis lekeh, kalau ketua RM50, PAS tak apalah, dia pergi dengan ketayap dan kain pelikat, kami pembangkang bukan ada apa, lepas juga. Kita ni Tuan Pengerusi, turun-turun bagi, nak bubuh poket bawah bukan dia mahu, dia sambar bubuh poket atas, nak tengok Yang Berhormat bagi berapa duit. Kalau bubuh di bawah sudah bercampur dengan orang lain dah, sampai macam itu. Jadi cukup susah kita ni, jadi kita berharaplah kalau boleh pihak kerajaan, ketua-ketua jabatan, agensi-agensi

kerajaan, bagi sikit penghormatan bukan kita mahu apa ada, tidak panggil “Yang Berhormat” pun tak apa, saya biasa cadang dalam Dewan yang mulia ini panggil kami “Yang Berkhidmat” pun tak apa dah, memang kena pada tempat pasal kami berkhidmat. Tetapi kalau ‘Yang Berhormat’ pun kadang-kadang kami ini diketepikan tidak diberi keutamaan, jadi kita berasa jauh hati pasal kita hendak buat kerja.

Jadi saya harap Menteri di Jabatan Perdana Menteri dengar ni, dok sembang buat apa? *[Ketawa]* Dengar ini, saya dok merayu ni, catat saya merayu ni. Saya merayu kepada Yang Berhormat Tuan Pengerusi dan juga kepada semua pegawai-pegawai, tolong bantu supaya kemegahan Dewan Rakyat ini, Ahli-ahli Parlimen ini menjadi satu kenyataan. Janganlah kami ini diibaratkan macam pencacai sahaja. Tak apalah pencacai pun pencacailah. Kadang-kadang kita tengok Tuan Pengerusi, kita di Parlimen, kita tidak pernah bising, nak ambil pinjaman perumahan kita punya rumah kos sederhana sahaja sedangkan di sini kita dok fight macam-macam, tapi kita punya layak kos sederhana.

Kemudian kereta, nasib baik keluar Perodua, kalau tidak keluar perodua, kena beli kereta ‘second hand’, keluar Perodua boleh gagahlah tapi nak bubuh lambang Parlimen itu tidak gamak. Rasa berat kereta itu hendak jalan. Lambang itu berat daripada kereta. Yang ini saya mintalah kerajaan kaji balik, rujuk balik, kesian kepada kami ni.

Kemudian sebelum saya duduk, Tuan Pengerusi, saya dok lalulah di belakang itu, saya tengok bilik pemberita, kesian kepada mereka, kerusi, spring tolak naik dah. Biasa pemberita cari kain. Seluar carek, spring tarek. Jadi saya mintalah sistem-sistem itu. Kadang-kadang lambat mereka hantar mesej, kita sini bercakap bukan main, esok tidak keluar surat khabar. Balik cerita kepada orang kampung, kata hang pi Dewan Rakyat apa, tidak keluar surat khabar pun. Kita sini bercakap sampai tiga jam, minta itu, minta ini, sepatahpun tak keluar, dahlah Tok Mat buat perangai, RTM tidak cover langsung. Yang Tok Mat ini pun bila kita cover dia, dia kacau kita balik. Ni RTM ini, dulu keluar juga gambar, dia kata Ahli Parlimen Yan, keluar juga muka saya, bolehlah tahan. Keluar Yang Berhormat Kubang Kerian, gambar dia janganlan keluar, nanti orang terkejut! *[Ketawa]*. Jadi RTM kena cover. Ini satu persidangan Dewan Rakyat yang mulia, Tuan Pengerusi.

Di negeri-negeri lain dia buat direct. Jadi menteri pun mintalah, Jabatan Perdana Menteri beritahu kepada menteri, kalau dia mai ni sakit dia. Dia tidak mai nak buat macam mana. Jadi saya harap Tuan Pengerusi, tolonglah, benda-benda ini saya harap menteri tolong tengok. Kami bukan apa ni, nak bela ni, bukan hendak marah Timbalan Menteri, tidak, kita nak marah kawan-kawan pun bukan besar tara mana pun, tapi kita kesiankan dia juga, jadi itulah. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman: Terima kasih, Tuan Pengerusi, saya hendak juga dengar apa penjelasan yang dia minta tetapi panjang lebar dia menyampaikan hasratnya, saya percaya kita rekod dan kita akan ambil tindakan apa yang patut. Saya kasihan juga dengarnya, rasa hendak meleleh air mata.

Tuan Pengerusi, saya ucapkan terima kasih di atas segala teguran ke atas Parlimen, saya sendiri pun merasa kurang puas hati tetapi apakan daya, bila dia kata pandang serius saya juga pandang serius. Walau bagaimanapun, saya memberi pengakuanlah saya sendiri akan melihat perkara ini agar saya dapat memberi penjelasan yang lebih puas hati kepada Ahli-ahli Yang Berhormat pada masa akan datang.

Tuan Pengerusi, saya beralih kepada Yang Berhormat dari Senai yang membicarakan masalah penswastan dan meminta kalau boleh semua program penswastan ini yang sekarang ini menjadi topik yang sangat sensitif iaitu program-program penswastan adalah diambil kira dari semua aspek iaitu aspek sosial, politikal dan sebagainya. Saya dimaklumkan oleh EPU bahawasanya memang itulah menjadi dasar EPU bahawa apa juga projek-projek penswastan diambil kira dari semua sudut dan diambil kira dari pelbagai jabatan kerajaan yang berkaitan.

Berkaitan dengan input yang harus diberikan oleh Ahli-ahli Parlimen, saya akan mengambil catitan di sini dan saya akan seperti mana yang disuarakan oleh

Yang Berhormat dari Serdang, kalau sekiranya penswastaaan itu melibatkan satu sahaja kawasan Parlimen bolehlah diambil kira pandangan dari Ahli Parlimen.

Tuan Pengerusi, berkaitan dengan pencen pesara Ahli Parlimen, JPA telah mengambil nota dalam hal ini dan mengambil tindakan yang seajarnya dengan apa yang disuarakan oleh Yang Berhormat dari Senai. Masalah laluan kedua adalah ianya tidak bertepatan dengan masa untuk kita membuat anggaran ataupun ukuran sekarang ini di masa kegawatan ekonomi untuk menyatakan bahawasanya laluan kedua itu adalah 'white elephant'. Namun demikian saya juga turut bersimpati masalah kenaikan tol di Tambak Johor yang juga diutarakan oleh Yang Berhormat dari Johor Bharu dan saya difahamkan perkara ini adalah di dalam kajian semula. Oleh itu kita tunggulah kepada keputusan yang akan datang nanti.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari Serdang juga telah menyatakan supaya MAMPU memperbaiki sistem pentadbiran kerajaan. Sesungguhnya inilah tugas dan tanggungjawab MAMPU untuk memperbaiki atau mempertingkatkan mutu pentadbiran kita adalah perkara yang dilakukan secara berterusan dan ianya akan terus dilakukan oleh pihak MAMPU agar kita memiliki pentadbiran yang 'public sector friendly' dan karehna birokrasi yang minimum, seperti mana yang kita perolehi dalam satu laporan international yang mengatakan bahawa negara Malaysia mempunyai karehna birokrasi yang boleh dikatakan markahnya baik.

Yang Berhormat dari Tanjong telah banyak membicarakan masalah dasar dan saya tidak berhasrat untuk menjawab masalah dasar.

Dato' Yap Pian Hon: Tuan Pengerusi, saya hendak tanya berkaitan dengan program penswastaaan yang diluluskan oleh EPU itu, adakah selepas kelulusan yang diberikan oleh EPU itu, kalau terdapat satu kelemahan, kecacatan berlaku bolehkah dapat diperbetulkan melalui EPU secara rayuan yang dibentangkan oleh wakil rakyat tempatan?

Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman: Tuan Pengerusi, kalau sekiranya Ahli-ahli Parlimen khususnya atau Ahli Yang Berhormat tempatan mempunyai strong views over certain issues, dengan izin, , saya tidak nampak sebab mengapa Ahli Yang Berhormat harus tidak kedepankan pandangan itu. Saya ingin menyatakan bahawa boleh dibawa ke hadapan sama ada EPU timbang ataupun tidak, saya percaya EPU juga mengiktiraf peranan Ahli-ahli Parlimen sebagai insan yang bertanggungjawab, mempunyai kekuatan tertentu, kemahiran dan pengalaman tentunya akan diambil kira pandangan dari Ahli Yang Berhormat.

Saya hendak beralih kepada Yang Berhormat dari Tanjong yang bertanya tentang masalah tol, sebagaimana yang telah dijawab oleh rakan saya tadi. Berkaitan dengan rumah Perdana Menteri saya telah jelaskan beberapa kali dan saya tidak tahu dari mana datangnya angka RM200 juta, kecuali terbaca di dalam *Harakah*. Saya hendak ulang sekali lagi, kos pembinaan rumah Perdana Menteri ialah RM17.5 juta, kos pembinaan kemudahan-kemudahan seperti yang saya sebut di Parlimen tempoh hari, RM57 juta dan peruntukan untuk software bagi kesemuanya adalah dalam lingkungan RM45 juta.

Yang Berhormat dari Batang Lupar telah mencadangkan agar SPR membuat pendaftaran yang lebih berhati-hati khususnya di Sabah dan Sarawak, memang SPR bersetuju bahawa di Sabah dan Sarawak oleh kerana kedudukan, dengan izin, dispersal of population, telah bersetuju untuk memberi perhatian khusus kepada Sabah dan Sarawak agar pendaftaran itu disampaikan kepada seluas-luas masyarakat. SPR juga telah menyeru kepada semua Ahli Parlimen agar ianya dapat juga memainkan peranan dalam membantu SPR untuk mendaftarkan pengundi.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Tuan Pengerusi, cepat sangat jawab. Software RM45 juta, apakah software itu? Adakah ini peralatan yang diimport daripada Perancis, Italy, jadi saya tidak faham apakah software itu.

Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman: Ini termasuk perabot, fitting, furniture dan sebagainya, bukan untuk kediaman sahaja tetapi untuk seluruh kompleks termasuk dengan guest house ataupun kemudahan bagi pemberita, banquet hall, meeting room dan sebagainya.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Barang tempatan atau diimport?

Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman: Sebahagian besar barang tempatan dan telah dijawab di dalam Parlimen ini, sebanyak 20% barangan import, saya tidak ingat angka yang tepat, tetapi saya difahamkan telah dijawab di dalam Parlimen ini tempoh hari.

Yang Berhormat dari Batang Lupar juga telah menegur berkenaan dengan pegawai-pegawai kerajaan yang - saya belum masuk ke Batang Lupar lagi.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Ini berkenaan SPR, inilah Yang Berhormat dari Jelevu cakap, tidak terang, tidak nampak sebab benda ini kena buat terang sedikit. Ternyata apa Yang Berhormat sebutkan tadi memang jelas, soalan SPR tadi, pada tahun 70-an pihak ahli politik boleh menolong SPR mendaftarkan pengundi tetapi selepas itu diberhentikan. Tadi Yang Berhormat kata, Ahli Parlimen boleh menolong SPR untuk mendaftar, adakah ini satu clearance lagi yang Ahli Parlimen atau ahli politik boleh menolong SPR untuk mendaftarkan pengundi di kawasan masing-masing.

Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman: Tuan Pengerusi, dibolehkan, SPR beri nota kepada saya, kalau boleh diminta Ahli-ahli Parlimen kumpulkan orang dan mereka akan datang untuk mendaftarkan pengundi, maknanya bolehlah.

Yang Berhormat dari Batang Lupar juga telah menegur pegawai-pegawai kerajaan yang keluar melalui televisyen, katanya rupa mereka macam 'harimau'. Ini bukan saya kata, saya harap IGP dan AG tidak marahkan saya, Yang Berhormat dari Batang Lupar kata muka mereka macam harimau tetapi kalau sudah macam

harimau kita hendak buat macam mana, tetapi ada juga harimau-harimau handsome, ia dua jenis ‘harimau’ atau ‘hari-hari mau’. *[Ketawa]*

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Pengerusi, saya menyatakan bahawa rakan-rakan saya di legal paternity di Sarawak banyak berhubung dengan saya, tidak kurang dari lima perhubungan kepada saya menyatakan yang IGP bila bercakap dalam televisyen, macam harimau. Jadi perkataan macam ‘harimau’ itu yang saya convey dari rakan-rakan saya di kampung. Makna ini satu peribahasa macam harimau ini, garang, macam nak cari lawan yang nak kita tunjuk seluruh dunia yang kita ini garang. Jadi kalau kita nak nampak dalam televisyen senyumlah sikit. Memang senyum, kena senyum. Kalau nak jadi orang politik, bercakap dalam televisen, senyum-senyumlah sedikit. Kalau senyum macam saya, insya-Allah pergi kawasan boleh menang. *[Ketawa]* Tapi yang marah-marah ini, perkara yang kita sebut manis-manis pun, orang kata marah. Tapi kalau kita senyum, senyum kata orang Sarawak Tuan Pengerusi, “ketawa Raja, senyum dewa” maknanya walaupun marah dia ketawa, walaupun marah dia senyum juga. Jadi kalau sebut benda yang marah, benda yang keras tapi dengan suara yang halus, percakapan yang manis, muka yang handsome, nescaya orang tak kompelin, tapi ini kita nak tunjuk dalam CNN, CNBC, ABC, apa lagi nama TV seluruh dunia. Muka ini dengan marah kata macam itu, itu yang kita tak hendak. Tapi persoalan pokoknya Tuan Pengerusi, iaitu saya kata tadi orang politik dalam televisyen, pegawai kerajaan jangan tunjuk muka banyak sangat. Jadi saya mintalah supaya pegawai-pegawai kerajaan ini jangan tunjuk muka banyak sangat dalam televisyen, kalau hendak juga jadi orang politik. Itu yang Yang Berhormat dari Yan cakap, tolonglah orang televisyen, orang surat khabar tunjuk muka Wan Junaidi, tunjuk muka Yang Berhormat Yan. Dalam surat khabar, ramai-ramai. Semua orang minat, suka, orang kampung pun minat. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman: Terima kasih. Saya pun macam tulah terjemahan saya. Peribahasa iaitu macam harimau itu maksud saya. Saya akan sampailah Tuan Pengerusi kepada mereka supaya lain kali kalau nak keluar televisyen tolonglah senyum macam kucing ke, lembut sikit. Okey, terima kasih Yang Berhormat dari Batang Lupar. Saya rasa Yang Berhormat dari Batang Lupar dia seorang Ahli Parlimen yang berani saya seronok dengan dia.

Jelutong tadi bercakap entah berapa panjang, 10 minit ke 15 minit. Semuanya off-tangen. Semuanya masalah dasar dan tidak ada apa yang saya nak jawab. Jadi saya tiada jawab apa-apa.

Yang Berhormat Tanjong Karang, mengemukakan masalah kekurangan majistret, ini diakui, Tuan Pengerusi. Kerajaan akui bahawasanya skim gaji yang dibayar oleh kerajaan adalah lebih rendah daripada swasta tetapi bezanya Tuan Pengerusi, sekarang ini, hari ini dengan 2 - 3 tahun yang dahulu, kita dapati bahawasanya ramai sekali pegawai undang-undang dalam kerajaan minta keluar awal dan memasuki pihak swasta. Hari ini Tuan Pengerusi, kita telah menerima banyak pula permohonan nak masuk balik kerajaan, kerana kegawatan ekonomi. Ini adalah keistimewaan, di mana ada high-pay, ada high-risk, dengan izin. Sebab itu hari ini bila kegawatan ekonomi menimpa negara kita, kita dapati bahawasanya anggota kerajaan masih kekal dengan jawatannya dan insya-Allah kalau dari masa ke semasa apabila kita berkemampuan, saya percaya kita dapat mengatasi masalah ini dengan lebih cepat lagi. Begitu juga dengan masalah bangunan-bangunan mahkamah.....

Tuan Pengerusi: Teluk Intan, Yang Berhormat.

Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman: Saya habis bab ini saja, saya akan beri. Bangunan-bangunan mahkamah ini juga adalah di dalam perhatian kerajaan. Kerajaan percaya bahawasanya mahkamah harusnya diberi dengan perkataan 'dignity' bangunannya begitu juga, dan harus dibina bangunan yang

sesuai, ianya adalah keperluan tetapi dari sudut kerajaan tidak ada kemampuan. Insya-Allah kalau keperluan dapat di 'match' dengan kemampuan dengan izin, akan kita bina lebih lagi bangunan-bangunan mahkamah yang terkini.

Tuan M. Kulasegaran: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Penjelasan. Pertamanya, mengenai majistret. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri beritahu, berapakah kita kekurangan majistret di negara ini pada masa sekarang?

Keduanya, mengenai bangunan-bangunan mahkamah. Saya ingin membawa perhatian Yang Berhormat iaitu ada dua bangunan di Perak. Satu, di Batu Gajah dan satu lagi di Kuala Kangsar. Betul-betul banyak besar dan cantik, tapi sayangnya tak sampai 20% bangunan itu digunakan. Apakah strategi kerajaan, kerana kalau kita katakan macam di Ipoh, di Taiping atau di Setiawan, bukan sahaja bangunan kecil tapi ada banyak kes yang diregister setiap hari. Kekurangan majistret dan tempat untuk kerani-kerani mengendalikan perkara ini. Apakah sebab macam di Batu Gajah dan di Kuala Kangsar, kita nampak bangunan yang tidak digunakan?

Selain dari itu saya juga ingin tahu, bila seseorang majistret dipindah atau ditukar dari satu mahkamah, saya nampak apakah sebab, katakanlah dia dipindah hanya lepas dua, tiga, empat bulan baru diisi tempat itu, bukan serta merta. Oleh kerana tempat itu tidak diisi dengan serta merta, menjadikan banyak kes backlog. Macam mana kerajaan dapat mengatasi masalah ini?

Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman: Perkara yang ketiga, memang itu kebiasaan Tuan Pengerusi. There is a lack time, dengan izin, di antara kekosongan dengan pengisian dan ini tidak dapat lari. Kalau kita tengok pun lack time yang ada dalam negara kita tidaklah sebegitu ketara hingga menimbulkan keadaan yang anarki. Walau bagaimanapun, kerajaan memang percaya kepada efficiency oleh itu kita akan isi seberapa cepat yang kita mampu.

Berkaitan dengan kekurangan majistret dan juga keadaan di mahkamah majistret di Kuala Kangsar dan Batu Gajah Tuan Pengerusi, perkara ini spesifik, saya tidak ada maklumat sekarang. Saya boleh sampaikan kemudian.

Yang Berhormat dari Kepong, telah menimbulkan masalah di dalam kawasan Wilayah Persekutuan, di mana projek monorel dan sebagainya atau projek-projek prasarana tergendala. Ini diakui Tuan Pengerusi, kerana disebabkan oleh kegawatan ekonomi, walau bagaimanapun kerajaan baru-baru ini telah mengumumkan akan memberi sokongan dan dokongan sepenuhnya kepada pembinaan prasarana dan kerajaan telah pun memperuntukkan jumlah kewangan yang besar dan projek-projek seperti monorel ini, insya-Allah akan diteruskan dengan kadar seberapa segera yang termampu oleh kerajaan.

Yang Berhormat dari Balik Pulau, juga telah menyentuh masalah Parlimen tadi. Beberapa perkara telah saya jawab. Dan dalam isu prestasi pendaftaran, kerajaan bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat dari Balik Pulau bahawasanya yang perlu kita beri penekanan bukan sahaja kepada bukan ramai yang telah kita daftar, tetapi berapa ramai lagi yang belum daftar dan perlu didaftar. Dan ini akan diambil catatan oleh pihak kerajaan.

Yang Berhormat dari Kubang Kerian, telah banyak menyentuh perkara yang saya telah jawab termasuk masalah Hansard dan sebagainya, dan juga mencadangkan pejabat Ahli Parlimen di Parlimen dilengkapi dengan telefon dan juga Internet. Ini akan saya ajukan kepada pihak yang bertanggungjawab.

Berkaitan dengan biasiswa, Tuan Pengerusi, kerajaan tidak ada cadangan untuk menghapuskan sistem biasiswa, tetapi kerajaan telah mengurangkan pemberian biasiswa kerana ianya adalah item yang sangat membebankan kerajaan. Namun kerana keperluan sosial dan kerajaan tidak bercadang untuk menghapuskan sistem biasiswa dan akan menambahkan pinjaman kepada pelajar-pelajar dan kiranya pelajar berjaya memperolehi gred-gred tertentu, akan diconvert dengan

izin, kepada semi-biasiswa iaitu pelajar akan diminta membayar pada kadar yang lebih rendah daripada pinjaman yang dibuat.

Yang Berhormat dari Arau banyak menyentuh masalah JAKIM. Dan dia tanya apakah definisi ajaran sesat? Dikatakan dia telah menegur, bahawa katanya, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri seharusnya tidak boleh menjadi Pengerusi Majlis Hal Ehwal Agama Islam Kebangsaan, kerana tidak ada back ground agama. Sebenarnya sebagai Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, saya berasa hairanlah ianya datang daripada orang yang arif, yang saya tahu kalau boleh saya menyatakan bahawasanya ulamak dan umarak ini harus bertaut. Kalau Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merupakan datang dari golongan umarak, tentunya dalam Jawatankuasa itu dipenuhi oleh ulamak-ulamak, dan mesyuarat itu antara ulamak dan umarak jadi satu pertautan yang boleh membuahkan hasil yang lebih baik. Jadi saya percaya, kalau kita katakan orang umarak tidak boleh duduk di atas Pengerusi tempat ulamak, orang ulama tidak boleh duduk di atas Pengerusi orang umarak, saya percaya kita akan 'splitting hairs' dengan izin di atas isu yang seharusnya tidak patut timbul.

Saya percaya kalau hendak tanya kepada saya apakah ciri-ciri yang perlu, ialah mahu, kemahuan - the political will to move forward dengan izin, di dalam meningkatkan syiar Islamiah, tidak kira sama ada dia ada back ground atau tidak ada back ground agama.

Yang Berhormat Arau telah bertanya apakah definisi ajaran sesat. Saya ada definisi daripada JAKIM, dia kata kalau ianya luar daripada ajaran Islam yang dibawa oleh Rasulullah maka itu adalah ajaran sesat. Kalau boleh saya ingat pula kepada Dewan yang mulia ini, manusia ini ada empat, yang tidak sesat hanyalah satu golongan iaitu manusia yang menyembah Allah dengan cara yang dibawa oleh Rasulullah. Yang tiga lagi ialah manusia yang tidak menyembah Allah, ini manusia yang engkar, yang angkuh, yang bongkak.

Manusia yang kedua, menyembah Allah tetapi menyembah benda lain. Saya tidak mahu sebutlah benda lain itu, tetapi benda lain termasuk toto dan sebagainya. Ini manusia yang syirik, yang sesat. Manusia yang ketiga ialah menyembah Allah bukan cara yang dibawa oleh Rasulullah, itu bidaah, juga sesat dan manusia yang tidak sesat ialah menyembah Allah dari sudut Islam dengan cara yang dibawa oleh Rasulullah, itu yang tidak sesat.

Seorang Ahli: Ustaz.

Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman: Ya, ha, Ustaz, Alhamdulillah. Tuan Pengerusi, kalau kita lihat kepada peruntukan yang diberikan kepada mendukung Program Pendidikan Islam, JAKIM akan membelanjakan hampir RM90 juta. Jadi ini adalah satu petanda bahawasanya berbeza dengan jangkaan Arau. JAKIM memang serius dalam hal ini dan ini saya teringat kepada seruan daripada Yang Berhormat dari Tambun dia mengatakan JAKIM harus memainkan peranan yang lebih dalam meningkatkan syiar Islamiah dan Tambun bertanya apakah yardstick kepada kejayaan program-program Islamisasi.

Saya suka menyatakan bahawa sukar untuk kita menjawab yardstick dari segi kuantitatif. Kalau dari segi kuantitatif ianya susah tetapi kalau kita ukur dari segi kualitatif, Tuan Pengerusi, adalah banyak saya rasa, orang buta pun mampu melihat bahawasanya memang banyak petunjuk-petunjuk yang telah menunjukkan kepada kita perubahan budaya rakyat kita. Saya ingin memberi contoh kepada Tambun, kalau dahulunya umat kita ini bergelumang dengan arak. Tuan Pengerusi pun tentu ingat, kalau pemerintahan satu ketika dahulu, 20 - 30 tahun dahulu adalah biasa, budaya mereka setelah bermesyuarat, mungkin selepas Mesyuarat Kabinet, mereka akan turun ke kelab-kelab, akan ada majlis minuman dan tentunya minuman keras menjadi pilihan. Bererti bahawasanya ketika itu kita bergelumang dengan arak. Budaya arak, budaya

minuman keras adalah biasa, lumrah. Kalau askar tidak tahu minum arak tidak boleh naik pangkat sampai kolonel. Kalau Polis tidak tahu minum arak tidak boleh jadi ASP, tetapi alhamdulillah dengan inovasi, perubahan yang kita bawa, dakwah yang dibawa, hari ini siapa yang minum arak menjadi janggal dan bukan menjadi norma-norma kehidupan kita bagi majlis-majlis minuman arak.

Begitu juga Tuan Pengerusi perkara-perkara seperti judi. Kalau dulu budaya kita adalah lumrah dengan judi. Judi dihalalkan kerana matlamatnya katanya baik, maka dijual tiket loteri, kita berjudi kerana untuk menolong orang miskin. Hari ini kita menolak judi sebagai satu unsur yang baik. Begitu juga satu ketika dulu kita semuanya bergelumang dengan riba. Tidak ada siapa, ulamak tidak ulamak semuanya bergelumang dengan riba tetapi apabila kita adakan Bank Islam, kita bagikan pilihan hari ini alhamdulillah kita menghapuskan budaya riba. Begitu juga kalau kita tengok umat Islam sekarang ini kalau kita tengok yang ada di belakang sana, semuanya pemberita-pemberita wanita, dulu janggal bagi ustazah datang ke Dewan ini, ustazah datang ke Dewan ini menutup aurat kerana orang lain semua mendedahkan aurat. Hari ini janggal bagi pemberita wanita membuka aurat kerana semuanya, normanya telah menutup aurat. Jadi semuanya menjadi petunjuk.

Tuan Pengerusi, bahawasanya memang ada kejayaan di dalam negara kita untuk membawa, memperhebat, mempertingkatkan syiar Islamiah tetapi secara kuantitatif amat sukar kita perhitungkan.

Tuan Pengerusi, kalau boleh saya tutupkan masalah JAKIM ini, JAKIM memang menyedari peranannya untuk mewujudkan manusia yang baik, yang beramal amalan soleh, beramal amalan dia baik. Manusia yang beramal baik dan amalan ini mesti disandar kepada ilmu dan iman. Ini adalah matlamat JAKIM. Kita mahu umat kita, rakyat kita becomes participant, contributors, pengamal dan amalan dia mesti bersandarkan kepada ilmu dan iman. Sebab

manusia ini kalau tidak ada ilmu dan iman, saya rasa adalah janggal. Itu sebabnya JAKIM, bagi pandangan saya adalah memang bertepatan dengan hasratnya seperti mana dicadangkan oleh Tambun mewujudkan insan yang berkualiti.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari Johor Bahru menyentuhkan masalah Lembaga Urusan Tabung Haji dan diminta kalau boleh.

Tuan Ahmad Husni bin Mohd Hanadzlah: *[Bangun]*.

Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman: Tambun hendak tanya. Ingat sudah puas.

Tuan Haji Ahmad Husni bin Mohd Hanadzlah: Ya, sekejap. Saya bangkitkan perkara yang saya anggap cukup penting peranan Baitulmal dan institusi wakaf dalam memperkembangkan kedudukan ekonomi umat ini tidak dijawab.

Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman: Ya, ada perkara Tuan Pengerusi yang termampu dilakukan oleh JAKIM umpamanya, masalah institusi wakaf, yang keduanya dia cadangkan tadi ialah bukan berkenaan dengan Taski Islam pun ada dicadangkan oleh sahabat saya tadi. Sesungguhnya JAKIM sebagai satu agensi tidak mampu hendak melaksanakan semua. Kita ada agensi-agensi lain sebagai contohlah kalau macam Baitulmal kita ada agensi-agensi di peringkat negeri, kalau Taski Islam umpamanya kita ada agensi-agensi yang seperti ABIM, KEMAS, Perpaduan Negara dan saya cukup seronok dengan cadangan Yang Berhormat dari Tambun dan juga beberapa orang tadi yang kalau boleh kita selaraskan yang ABIM, KEMAS, Perpaduan ini mempunyai ciri-ciri kekuatan dunia dan akhirat, sesuai dengan apa yang dinyatakan *[Membaca sepotong ayat al-Quran]*.

Tuan Pengerusi, memang daripada segi kerajaan kita Jabatan Perdana Menteri mempunyai harapan yang tinggi kepada JAKIM dan memang kalau

boleh saya hendak sebut di sini biarlah ianya menjadi satu inspirasi kepada semua di dalam JAKIM untuk mempertingkatkan usaha bagi menjalankan tanggungjawab mereka di dunia yang sementara ini. Yang Berhormat dari Johor Bahru telah supaya yang tua-tua diberi dahulu kerana saya percaya maksudnya mungkin yang tua pergi dulu *[Ketawa]* bukan? *[Memandang kepada Yang Berhormat Johor Bahru]* Logiknya.

Tuan Mohamed Khaled bin Nordin: Dikecualikan daripada kuota.

Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman: Ialah, bila dikecualikan, bagi keutamaan pergi dululah.

Tuan Mohamed Khaled bin Nordin: Ya.

Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman: Itu logik dia dan saya tidak dapat menyangkal logik itu. Tetapi hukum akal kata yang tua pergi dulu, hukum Tuhan kata dia yang menentu. Kadang-kadang yang muda pergi dulu Tuan Pengerusi *[Ketawa]*

Jadi oleh itu Tabung Haji telah menyatakan bahawasanya dia punya sistem pemilihan sekarang adalah yang paling tepat, siapa yang paling dulu mendaftar, bayar habis, dia yang diberi keutamaan. Walau bagaimanapun mungkin cadangan ini ada dia punya kekuatannya jadi saya akan bawa kepada Tabung Haji untuk dipertimbangkan agar kadang-kadang umur 80 atau 82 dan dia sangat-sangat hendak pergi kali pertama harus diberi pertimbangan. Maksud Yang Berhormat ya. Terima kasih.

Selain dari itu Tuan Pengerusi, saya telah jawab dalam masalah, semua soalan yang termampu saya catit, sekiranya ada saya harap pihak Parlimen

Tuan Mohamed Khaled bin Nordin: Ada soalan saya yang belum jawab mengenai elektronik government, cantuman antara negeri dan Pusat untuk meningkatkan transparency dan juga komunikasi antara negeri dan Pusat.

Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman: Ya, ya, ini berkenaan dengan mewujudkan integrasi di antara sistem-sistem, di antara jabatan-jabatan. Saya pun tidak ada maklumat untuk saya curahkan kepada Dewan yang mulia ini, saya akan perolehinya dan insya-Allah akan dimajukan kepada Yang Berhormat secara bertulis.

Tuan Pengerusi, itu saja yang mampu saya menjawab dan kalau sekiranya ada perkara-perkara yang lain yang

Tuan Pengerusi: Seremban bangun.

Dato' Hon Choon Kim: Tuan Pengerusi, soalan saya belum dijawab lagi. Jadi saya minta kerana saya telah membangkitkan beberapa soalan, pertama mengenai penswastaaan, pelupusan sisa pepejal dan juga bangunan Mahkamah Tinggi di Seremban dan juga gaji untuk kumpulan Pekerja Am Rendah di mana gaji mereka perlu dipertimbangkan. Saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Sekian.

Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman: Tuan Pengerusi, berkenaan dengan penswastaaan saya telah jawab dan merangkumi sekali gus tadi, saya tidak jawab di Seremban tetapi saya sudah merangkum sekali. Berkenaan dengan gaji pegawai-pegawai kerajaan memang JPA merasakan – saya sudah jawab dari segi gaji yang mampu dibayar oleh kerajaan adalah apa yang telah dibayar dan kerajaan sebenarnya tidak mampu memberi pertimbangan yang lebih untuk mereka walaupun di peringkat IMG. Kalau sekiranya keadaan ekonomi kita lebih baik mungkin kerajaan boleh memberi pertimbangan dalam hal ini.

Perkara-perkara yang lain tidak dapat saya jawab pada hari ini, Tuan Pengerusi, akan diambil catatan dan sebahagian akan dijawab secara bertulis. Sekali lagi saya mengambil kesempatan ini dan mengucapkan terima kasih

Tuan Yunus bin Rahmat: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi: Ada yang bangun pula.

Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman: Ada lagi?

Tuan Yunus bin Rahmat: Sekejap, sedikit. Tuan Pengerusi, dengan penjelasan yang diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri nampaknya kakitangan kerajaan untuk diberikan insentif agak tidak ada peluanglah, begitu? Walau bagaimanapun, saya ingin bertanya adakah dengan peluang yang mungkin tidak ada kepada kakitangan kerajaan untuk diberikan insentif setengah bulan gaji atau sebagainya? Adakah kemungkinan pihak kerajaan akan mempertimbangkan balik peratusan sebagaimana yang saya suarakan dahulu, peratusan untuk diberikan anugerah melintang dan menegak ini? Kalau sekarang dua dan tiga peratus untuk melintang dan menegak, adakah cadangan untuk dipertingkatkan atau dibesarkan peratusan itu mungkin kepada lima dan tujuh peratus untuk tahun hadapan dan sebagainya kerana memandangkan kepada mereka ini telah bekerja kuat dan banyak dasar-dasar kerajaan telah pun berjaya, dengan sokongan dan juga dukungan sebagai bersepadu sebagai 'team work' dan sebagainya bagi kementerian-kementerian dan juga jabatan daripada atas sampai ke bawah.

Jadi sekurang-kurangnya peringkat kepegawaian ini ataupun yang melaksanakan dasar ini dapat diberikan pertimbangan yang sewajarnya. Terima kasih.

Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Beginilah anggota Barisan Nasional, jadi saya ingat parti pembangkang janganlah mudah sangat hendak claim, dia oranglah yang memperjuangkan gaji bagi kakitangan kerajaan ini. Saya nampak tidak ada seorangpun daripada pembangkang tidak menyebut mengenai gaji. Hanya ahli-ahli daripada parti kerajaan sahaja yang nampaknya menyuarakan secara bertalu-talu sampai saya sudah habis pun hendak bertanya lagi.

Tuan Pengerusi, sesungguhnya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri menyatakan bahawasanya sukar untuk kerajaan hendak menimbang

sebarang insentif ataupun bonus kepada kakitangan kerajaan. Di atas permintaan CUEPACS dan mungkin suara-suara Ahli-ahli Parlimen daripada anggota kerajaan yang menyuarakan, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah bersetuju untuk berjumpa dengan CUEPACS secepat mungkin dan isu insentif ini atau bonus seperti mana yang disarankan oleh Yang Berhormat, kalau tidak sepenuhnya, sebahagian boleh dibincangkan. Biarlah kita tunggu keputusan perjumpaan di antara Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dengan pihak CUEPACS.

Tuan Pengerusi, sekali lagi saya mengambil kesempatan ini hendak mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua dan saya minta maaf kalau ada tersilap atau tersalah sedikit.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM38,235,100 untuk Maksud B.1; RM1,094,000 untuk Maksud B.2; RM38,227,500 untuk Maksud B.3; RM17,681,900 untuk Maksud B.4; RM14,349,000 untuk Maksud B.5; RM6,346,900 untuk Maksud B.6; RM1,018,529,100 untuk Maksud B.7; RM402,641,200 untuk Maksud B.8; RM51,149,900 untuk Maksud B.9; RM26,095,700 untuk Maksud B.10; RM38,169,300 untuk Maksud B.11; RM1,027,100 untuk Maksud B.12 dan RM1,055,800 untuk Maksud B.13 di bawah Jabatan Perdana Menteri jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak RM38,235,100 untuk Maksud B.1; RM1,094,000 untuk Maksud B.2; RM38,227,500 untuk Maksud B.3; RM17,681,900 untuk Maksud B.4; RM14,349,000 untuk Maksud B.5; RM6,346,900 untuk Maksud B.6; RM1,018,529,100 untuk Maksud B.7; RM402,641,200 untuk Maksud B.8; RM51,149,900 untuk Maksud B.9; RM26,095,700 untuk Maksud B.10; RM38,169,300 untuk Maksud B.11; RM1,027,100 untuk Maksud B.12 dan RM1,055,800 untuk Maksud B.13 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM1,201,505,310 untuk Maksud P.7 dan RM16,137,000 untuk Maksud P.8 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 1999 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM1,201,505,310 untuk Maksud P.7 dan RM16,137,000 untuk Maksud P.8 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1999.

**Maksud B.14, B.15 dan B.16 [Jadual] –
Maksud P.14 dan P.16 [Anggaran Pembangunan, 1999] –**

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala Bekalan B.14, B.15 dan B.16 dan Kepala Pembangunan P.14 dan P.16 di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan terbuka untuk dibahas. Gelang Patah.

4.16 ptg.

Tuan Chang See Ten [Gelang Patah]: Terima kasih, Tuan Pengerusi kerana memberi peluang untuk membahas Maksud Bekalan 14, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Saya ingin menyentuh tentang Butiran 010500 – Pengawasan dan Penguatkuasaan dan 010600 – Perundangan.

Tuan Pengerusi, saya ingin menarik perhatian pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan tentang aduan daripada orang ramai mengenai tuntutan cukai pintu yang dikenakan caj guaman sebanyak RM31.50 yang dilaksanakan oleh pihak Majlis Daerah Johor Bahru Tengah. Hakikat ini memang tidak dapat diterima oleh para pemilik hartanah di mana tambahan bayaran tersebut telah menambahkan beban mereka secara tidak langsung terutamanya dalam masa kita menghadapi kegawatan ekonomi. Tambahan pula tiada sebarang peruntukan dalam Akta Kerajaan Tempatan, Akta 171 yang menyatakan bahawa, “*Para pemilik hartanah dimestikan membayar caj perkhidmatan guaman dalam hal ini*”.

Tuan Pengerusi, pihak Majlis Daerah Johor Bahru Tengah melantik tiga buah syarikat peguam swasta untuk mengutip bayaran cukai pintu yang lewat dibayar oleh pemilik-pemilik hartanah di kawasan Taman Tun Aminah dan Taman Sri Pulai, Skudai. Sepatutnya pihak Majlis Daerah Johor Bahru Tengah perlu menanggung segala caj perkhidmatan guaman itu tetapi keadaan ini diterbalikkan di mana pihak Majlis Daerah Johor Bahru Tengah mewajibkan semua pemilik hartanah menanggung kesemua caj guaman tersebut. Adakah ini merupakan satu amalan penswastan kerja penguatkuasaan undang-undang yang bijak dan adil terhadap rakyat. Keadaan yang lebih teruk lagi ialah terdapat sesetengah pemilik hartanah yang telah membuat bayaran cukai pintu mereka melalui pos telah ditolak dan dikembalikan atas alasan mereka ini tidak menjelaskan caj guaman itu terlebih dahulu. Mereka diberikan surat oleh pihak Majlis Daerah Johor Bahru Tengah supaya menjelaskan bayaran tunggakan cukai pintu di pejabat Panel Guaman yang dilantik oleh Majlis Daerah Johor Bahru Tengah.

Tuan Pengerusi, sebelum ini pihak Majlis Daerah Johor Bahru Tengah pernah membuka kaunter khas untuk Panel Guaman di dalam pejabat Majlis Daerah Johor Bahru Tengah untuk mengutip caj perkhidmatan guaman RM31.50 dan juga pegawai yang bertugas telah mengeluarkan resit bayaran caj guaman dengan cop rasmi Yang di-Pertua, Majlis Daerah Johor Bahru Tengah dan menandatangani resit caj guaman itu bagi pihak panel guaman kerana resit yang digunakan adalah kepunyaan syarikat panel guaman. Saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sama ada amalan ini boleh dibenarkan.

Tuan Pengerusi, saya berharap pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dapat menyiasat kes penswastan kerja penguatkuasaan undang-undang ini dan memberikan bimbingan perundangan kepada pegawai-pegawai berkenaan di Majlis Daerah Johor Bahru Tengah tentang cara-cara yang betul dan prosedur

yang patut mengikut undang-undang Seksyen 141 hingga Seksyen 156 yang terkandung dalam Akta Kerajaan Tempatan tahun 1976.

Tuan Pengerusi, selain daripada penswastaan kerja kutipan cukai pintu, pihak Majlis Daerah JBT pun menswastakan kerja kutipan bayaran letak kereta dan pengeluaran kompaun letak kereta. Memang kita tidak bantah tentang kerja penswastaan letak kereta kepada pihak syarikat swasta, tetapi kita tidak boleh setuju bahawa kakitangan pihak swasta boleh mengeluarkan kompaun letak kereta kepada mereka yang tidak meletakkan tiket-tiket letak kereta. Ada satu perkara yang saya harap dapat penjelasan daripada pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan kerana pihak Majlis Daerah JBT mengamalkan dengan membahagikan separuh daripada kutipan bayaran kompaun letak kereta kepada pihak syarikat swasta yang diberikan peluang penswastaan letak kereta.

Saya ingin tahu daripada pihak berkenaan sama ada wang kutipan kompaun letak kereta boleh dibagikan kepada pihak swasta kerana bayaran kompaun adalah satu hasil yang patut dipunyai oleh pihak Majlis Daerah JBT dan tidak boleh dibagikan kepada pihak swasta. Ini satu perkara yang saya harap pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dapat ambil perhatian berat tentang perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu saya ingin ambil peluang keemasan ini untuk memberitahu dalam Dewan yang mulia ini bahawa selepas kerja angkat sampah dan pelupusan sampah dilaksanakan oleh pihak swasta iaitu di Daerah Johor Bahru adalah oleh Southern Waste Management Sdn. Bhd., kita dapati bahawa memang efisiensinya tidak begitu baik dan jika kita tinjau daripada tujuan penswastaan adalah untuk mengadakan keadaan yang lebih berkesan, lebih efisien dan mengurangkan kos perbelanjaan dengan penswastaan, tetapi malangnya dengan penswastaan sisa pepejal ini kita dapati bahawa pihak kerajaan perlu belanjakan lebih kerana saya berikan satu misalan seperti di kawasan Majlis

Daerah JBT yang mana pada masa sekarang mereka satu tahun perlu memberikan wang sebanyak RM970,000.00 kepada pihak Southern Waste Management Sdn. Bhd. dan pada masa dahulu semasa kerja sisa pepejal ini dilaksanakan oleh pihak Majlis Daerah JBT mereka cuma membelanjakan lebih kurang RM600,000.00 satu tahun.

Ini sudah menunjukkan bahawa apabila kita swastakan adalah lebih mahal dan daripada efisiensi kita terdapat lebih banyak aduan tentang ketidakpuasan hati tentang kerja kutipan atau pengangkutan sampah sarap yang dilaksanakan oleh pihak swasta. Pada masa sekarang pihak swasta ini mereka cuma tumpu kerjanya kepada kerja angkat sampah dan kerja pelupusan sampah sarap sahaja tetapi kerja untuk membersihkan parit tepi jalan, membersihkan jalan-jalan dan membersihkan rumput-rumput tepi jalan tidak dijalankan dengan memuaskan, ini telah menunjukkan bahawa kita sudah tidak dapat mencapai matlamat penswastaaan yang mana kita dapat mengurangkan kos dan mendatangkan lebih efisien.

Oleh yang demikian, saya sangat puji pada pihak Kerajaan Negeri Johor kerana telah tidak bersetuju untuk memberikan kerja penswastaaan sisa pepejal untuk daerah-daerah lain, cuma kekalkan apa yang dijalankan di Daerah Johor Bahru, yang di kawasan daerah lain sepatutnya pada tahun depan akan dimulakan sekarang, pihak kerajaan Negeri Johor memandangkan terdapat banyak aduan daripada orang ramai telah melambatkan kerja penswastaaan sistem pepejal di pihak berkuasa tempatan di daerah yang lain dalam Negeri Johor.

Saya harap pihak Kerajaan Pusat terutama pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dapat mengadakan satu penyiasatan yang terperinci tentang kebaikan dan keburukan di kawasan-kawasan yang mana telah menjalankan penswastaaan sisa pepejal supaya kita dapat mengurangkan aduan-aduan daripada orang ramai tentang penswastaaan. Dengan kata yang demikian, saya ucapkan ribuan terima kasih. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Wangsa Maju.

4.26 ptg.

Dato' Dr. Kamal bin Salleh [Wangsa Maju]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin membahas perkara Maksud P.14 Butiran 01500 Rancangan Perumahan Awam Kos Rendah.

Tuan Pengerusi, kita sedia maklum bahawa kerajaan memang mempunyai hasrat yang besar untuk melaksanakan projek rumah kos rendah ini sebagai sebahagian daripada perbelanjaan sosial di bawah Belanjawan tahun depan dan kita telah dimaklumkan oleh Menteri Kewangan Pertama dan Kedua bahawa peruntukan akan terus ditambah untuk tujuan yang sama. Kita juga sedia maklum bahawa dalam perancangan pembinaan rumah kos rendah ini berbagai agensi telah dilibatkan termasuk SEDC dan kerajaan tempatan, termasuk juga pembiayaan melalui Bank Negara iaitu EPF dan juga Syarikat Perumahan Negara. Sebahagian daripada target ataupun sasaran matlamat jumlah yang kita perlukan untuk sektor ini juga telah dimajukan melalui projek-projek penswastan.

Tuan Pengerusi, sebenarnya dari segi apa butiran yang telah saya dapat daripada maklumat dan perangkaan yang sedia ada bahawa permintaan mengenai rumah ini semakin meningkat, masih lagi belum dapat dipenuhi dengan bekalan yang sewajarnya. Malah dalam perancangan-perancangan kebelakangan ini target ini tidak tercapai, walaupun keseluruhan sektor perumahan pembinaan rumah-rumah mahal dan rumah-rumah kos sederhana serta pembangunan ruang kedai dan sebagainya memang pada masa kemelesetan ini sudah melebihi daripada permintaan dan memang banyak yang tak terjual dan telah meningkatkan masalah NPL dan sebagainya.

Saya ingin membangkitkan soal penswastan kerana ianya melibatkan satu perangkaan yang sangat merunsingkan. Kebanyakan daripada pemaju-pemaju swasta yang telah diberi tanah kerajaan untuk diswastakan dan dimajukan untuk

pembinaan perumahan. Dalam perjanjian-perjanjian penswastaan tersebut 30% daripada rumah-rumah itu malah disetengah tempat lebih daripada 30% perlulah dibuat rumah kos rendah.

Bagaimanapun, banyak daripada pemaju ini yang telah melaksanakan projek penswastaan sedemikian yang diberikan harga tanah yang murah, misalnya tanah kerajaan telah melengahkan pelaksanaan rumah kos rendah ini. Memanglah dari segi strategi cash-flownya pemaju ingin mendapatkan lebih daripada pembinaan dan penjualan rumah kos tinggi dan sederhana supaya lebih itu dijadikan subsidi untuk kos pembangunan rumah kos rendah.

Jadi, ini adalah satu punca shortfall dalam matlamat kerajaan membina rumah kos rendah selain daripada masalah di peringkat kerajaan sendiri. Sebagai contoh, saya baru-baru ini diberi maklumat bahawa di Wilayah Persekutuan terdapat 90% shortfall berjumlah lebih kurang 51,000 unit rumah kos rendah yang dicadangkan sebagai target tidak terbina bagi Wilayah Persekutuan, 80% daripada shortfall ini adalah disebabkan oleh projek penswastaan yang terbengkalai ataupun yang tidak dilaksanakan. Dalam keadaan kemelesetan sekarang ini kita dapati bahawa mereka ini menghadapi masalah kewangan, masalah pinjaman untuk meneruskan projek ini. Walhal pinjaman yang diberikan dahulu tersangkut, meningkat NPL kerana permintaan bangunan-bangunan perumahan kos tinggi dan sederhana itu tidak dapat dijual kerana kemelesetan.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin)
mempengerusikan Jawatankuasa]

Oleh itu, saya mencadangkan untuk mengatasi masalah ini bagi pihak Kementerian Kewangan serta juga Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, mengkaji kemungkinan projek-projek rumah kos rendah ataupun projek-projek pemajuan perumahan yang melibatkan projek rumah kos rendah di bawah skim penswastaan dikaji semula supaya mungkin dapat diambil alih oleh

satu badan ataupun badan perumahan negara supaya dibiayai semula dan kontrak baru dikeluarkan kepada pembina ataupun kontraktor-kontraktor lain untuk meneruskan projek tersebut. Oleh kerana, kalau pinjaman NPL pemaju itu tidak diberi semula, dibiayai semula melalui Danaharta ataupun bank asal, mungkin masalah shortfall ini akan berterusan.

Jadi, untuk menjanakan pemulihan ekonomi di mana sektor pembinaan menjadi prime sektornya, “leading sector”nya, saya rasa tindakan sebegini harus dikaji oleh kerajaan terutama sekali Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk membolehkan kita mencapai matlamat yang kita harapkan ini. Ini adalah satu desakan yang perlu diketengahkan, kerana melihatkan bahawa dalam keadaan kemelesetan ini bukan sahaja kita ingin memulihkan ekonomi, tetapi juga memastikan supaya kesan kemelesetan ini tidak menjejaskan matlamat jangka panjang kita untuk memberi perumahan yang cukup bagi golongan berpendapatan rendah. Itulah saranan saya jika dapat dikaji oleh kerajaan. Sekian.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Johor Bahru.

4.34 ptg.

Tuan Mohamed Khaled bin Nordin [Johor Bahru]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya suka merujuk kepada Maksud Bekalan 14, Butiran 040000 – Kerajaan Tempatan – Program/Aktiviti Kerajaan Tempatan.

Tuan Pengerusi, kita sedar bahawa dalam sistem kerajaan di negara kita, kita ada tiga peringkat kerajaan. Yang pertamanya, Kerajaan Persekutuan, kedua, Kerajaan Negeri dan ketiganya Kerajaan Tempatan. Walaupun kerajaan tempatan merupakan peringkat yang ketiga, tetapi pengaruh kerajaan tempatan adalah besar. Sebahagian besar daripada masalah rakyat adalah akibat daripada kelemahan yang terdapat dalam kerajaan-kerajaan tempatan.

Sememangnya kita mengakui banyak yang perlu dan yang boleh kita lakukan untuk kita meningkatkan dan memperbaiki kelemahan-kelemahan yang

terdapat dalam kerajaan tempatan. Yang pertamanya, dalam soal kakitangan, soal pegawai. Ini selalu dibangkitkan, sebahagian daripada kerajaan tempatan khususnya Majlis Bandar Raya Johor Bahru sentiasa tidak mempunyai pegawai yang cukup dan yang berpengalaman walaupun telah diutarakan, diminta kepada pihak Kerajaan Pusat supaya diisi jawatan-kawatan itu. Tentunya bagi sesebuah kerajaan tempatan seperti Majlis Bandaraya Johor Bahru untuk ianya berjalan berfungsi dengan baik, dengan cekap dan juga berkesan, ianya memerlukan supaya jawatan-jawatan tersebut diisi. Ketiadaan kepada pengisian kepada jawatan itu menjejaskan perancangan-perancangan dan perjalanan Majlis Bandaraya itu sendiri.

Yang keduanya, dalam usaha untuk melaksanakan berbagai-bagai projek mahu pun untuk menyelesaikan masalah-masalah yang tertentu dalam sesebuah majlis tempatan, ia memerlukan bantuan kewangan. Hasil daripada sesebuah majlis bandaraya ataupun kerajaan tempatan memang tidak cukup. Maka sebab itulah kita lihat sentiasa majlis tidak ada pilihan yang lain selain daripada meningkatkan cukai harta. Kalau hendak dapatkan sumber kewangan daripada kerajaan negeri juga tidak mencukupi. Tetapi dari Kerajaan Persekutuan, kita lihat bantuan-bantuan kewangan yang diberi hanyalah yang merupakan perkara-perkara yang telah ditetapkan seperti program bersih dan indah, program perparitan dan sebagainya. Tetapi walaupun ianya boleh membantu, bagi sesebuah kerajaan tempatan yang menghadapi sesuatu masalah yang khusus, ianya tidak dapat menyelesaikan masalah-masalah tersebut.

Seperti di Johor Bahru, kos hidup yang tinggi, kalau tidak mendapat kerjasama dan bantuan daripada Kerajaan Pusat, dari kementerian, sudah sewajarnya masalah untuk membantu rakyat dan penduduk yang menghadapi keadaan kos hidup yang tinggi untuk mengurangkan beban yang dihadapi oleh penduduk tidak mungkin dapat diatasi kalau kementerian sendiri tidak memberi

bantuan kewangan kepada Majlis Bandaraya khususnya untuk sedikit-sebanyak menyelesaikan masalah, rakyat yang menghadapi kos hidup yang tinggi.

Misalnya, Tuan Pengerusi, kita lihat dalam soal Johor Bahru menghadapi kos hidup yang tinggi kerana bekalan barang-barang makanan adalah kurang daripada permintaan kerana kita tahu permintaan sebahagian besarnya datang daripada penduduk seberang. Dalam keadaan semasa pada hari ini menyekat penduduk luar daripada membeli barangan dalam negara kita bukanlah satu cara dan pendekatan yang terbaik. Oleh itu, dalam kita mengamalkan sistem pasaran ekonomi bebas, sewajarnya kalau hendak mengharapkan peruntukan daripada Majlis Bandaraya Johor Bahru untuk membuat pasar, tentunya ia mengambil kira jumlah penduduk Johor Bahru. Pasar yang dibuat mengambil kira jumlah penduduk Johor Bahru 400,000-500,000 orang sahaja, tetapi yang datang ke Johor Bahru termasuk rakyat dari Singapura, maknanya yang akan berkunjung kepada sesebuah pasar lebih daripada 400,000 orang, mungkin sejuta, dua juta. Tetapi pasar yang dapat dibuat berasaskan kepada penduduk Johor Bahru kerana hasil Majlis tidak cukup.

Jadi, dalam soal-soal ini kita sentiasa menyarankan supaya bantuan daripada Kerajaan Pusat hendaklah diberikan bagi membolehkan sesebuah majlis dapat mengatasi masalah yang hanya berlaku dalam kawasan majlis tempatan itu, seperti di Johor Bahru masalah kos hidup yang tinggi. Maknanya, kalau tidak ada bantuan daripada pihak kementerian untuk mengatasi soal kos hidup yang tinggi dalam bidang yang boleh kementerian bantu, maka sudah pastinya keadaan itu tidak akan dapat menyelesaikan ataupun mengurangkan beban penduduk di Johor Bahru yang mengalami keadaan yang sedemikian.

Seterusnya soal kerajaan tempatan dalam usaha untuk menentukan ianya dapat berjalan dengan berkesan, kita mengharapkan supaya dibenarkan tiap-tiap kerajaan tempatan itu mencari sumber-sumber yang baru. Peluang-peluang sewajarnya diberikan untuk membolehkan sesebuah kerajaan tempatan untuk mempunyai kelonggaran, mencuba mencari hasil yang boleh membantu, mengukuhkan kedudukan kewangan sesebuah kerajaan tempatan.

Dalam soal ini saya sekali lagi ingin membangkitkan dalam Dewan ini, kerana dalam soal Johor Bahru kita tahu antara sumber yang terbaik, peluang yang terbaik untuk Majlis Bandaraya Johor Bahru untuk menambah kedudukan kewangannya supaya tidaklah ia terpaksa menaikkan cukai harta setiap kali ia tidak cukup peruntukan, ialah soal tol yang dikutip oleh pihak PLUS yang dikenakan di Tambak Johor.

Kita sedar bahawa di Tambak Johor merupakan satu tambak yang dibina oleh Kerajaan Negeri Johor, bukannya oleh Kerajaan Pusat dan sewajarnya kutipan tol di Tambak Johor perlu diberikan kepada Majlis Bandaraya Johor Bahru kerana kereta yang masuk melalui Tambak Johor sebahagian besarnya merupakan kereta daripada Singapura dan kalau Singapura boleh mengenakan kereta dari Malaysia, kutipan itu digunakan oleh Kerajaan Singapura, dalam soal ini mengapakah tol di Tambak Johor diberikan kepada syarikat swasta. Walaupun kita boleh mengatakan bahawa syarikat swasta tersebut membiayai maintenance jalan-jalan di Johor Bahru tetapi takkanlah maintenance jalan-jalan di Johor Bahru berjumlah RM50 juta setahun, hasil yang saya difahamkan merupakan kutipan yang dikutip oleh syarikat itu. Sudah sewajarnya kalau sebahagian daripada wang yang dikutip itu diserahkan kepada Majlis Bandaraya Johor Bahru yang mana hasilnya hanya RM100 juta dan kos operasi pentadbiran lebih kurang dekat RM90 juta tidak cukup untuk membuat pembangunan dan kalau dapat ditampung oleh sebahagian daripada kutipan tol di Tambak Johor, sekurang-kurangnya ianya akan memberi manfaat kepada penduduk-penduduk dan pengundi di Johor Bahru, bukan Parlimen Johor Bahru tetapi daerah Johor Bahru yang meliputi lima kawasan Parlimen termasuk Tebrau, Pulai, Gelang Patah dan juga Senai.

Tuan Pengerusi, saya beralih kepada satu lagi butiran iaitu soal perumahan Butiran 01400. Kita sedar bahawa pihak kerajaan menggalakkan untuk dibina banyak rumah pangsa untuk golongan yang miskin, tetapi ada beberapa perkara yang saya ingin bangkitkan dalam soal ini, yang pertamanya kita dapati bahawa kedudukan rumah-rumah tersebut adalah amat jauh daripada pusat bandar dan

dalam keadaan yang sedemikian, sudahlah mereka berpendapatan rendah dan tempat kerja mereka adalah dalam bandar, maka sudah tentunya walaupun mereka diberikan peluang untuk memiliki rumah, tetapi kerana mereka terpaksa berulang-alik antara tempat dan kedudukan rumah pangsa yang baru dengan tempat mereka bekerja, maka dengan sendirinya akan meningkatkan perbelanjaan mereka kerana kos tambang dan sebagainya. Jadi, kita berharap pihak kerajaan melihat kepada soal kedudukan rumah-rumah pangsa yang hendak dibina itu.

Yang keduanya, soal kelayakan, mereka yang sewajarnya dapat diberi peluang untuk menduduki di rumah pangsa tersebut. Saya difahamkan bahawa yang layak untuk diberikan tempat ialah mereka yang pendapatannya kurang daripada RM650, kalau hendak dikirakan jumlah yang tersebut, saya rasa pihak kerajaan sewajarnya sedar bahawa tidak ada sesiapa di Johor Bahru yang gajinya kurang daripada RM650 sebulan. Tetapi itu tidak bermakna tidak ada orang miskin di Johor Bahru. Jadi, sewajarnya garis dan kelayakan itu mestilah berbeza-beza di antara sesebuah bandar dengan bandar yang lain.

Satu lagi soal dalam perkara rumah pangsa ini, saya berharap pihak kerajaan dalam kita memperbanyakkan pembinaan rumah pangsa untuk golongan miskin ini, satu perkara yang mesti diambil kira ialah soal maintenance. Jangan kita buat lepas itu kita tidak ambil kira soal maintenance. Di Johor Bahru, kita ada dua rumah pangsa yang dibina oleh kerajaan untuk golongan berpendapatan rendah, satu rumah pangsa Bukit Chagar dan satu lagi rumah pangsa Lumba Kuda.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, masa cukup.

Tuan Mohamed Khaled bin Nordin: Sedikit sahaja lagi. Walaupun kerajaan yang membina rumah pangsa tersebut sudah siap dan diduduki, tetapi satu perkara yang sentiasa menjadi masalah ialah maintenance. Maintenance ini sekali lagi saya hendak membandingkan Malaysia dengan Singapura, tadi saya sudah kata sekarang hubungan kita sudah baik, jadi bolehlah dibangkitkan. Singapura mengambil kira soal maintenance amat penting, satu soal maintenance

dan yang kedua soal Flat Management Committee. Jadi, kita tidak mahu dalam kita membina rumah pangsa untuk memindahkan penduduk setinggan kerana tidak memberi keutamaan dan tidak mengambil kira soal maintenance, tidak mengambil kira soal Flat Management Committee, kita pindahkan kawasan setinggan kepada kawasan rumah pangsa, kedudukannya sama macam setinggan juga, tetapi sekarang setinggan bertingkat.

Jadi, atas sebab itulah soal maintenance ini mesti diambil kira, mesti ada peruntukan daripada pihak kementerian, kerana di Johor Bahru pem-bangunannya semua rumah pangsa, kalau tidak kita akan menghadapi masalah. Sekian.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Bagan.

4.46 ptg.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Tuan Pengerusi, terima kasih. Maksud Bekalan B.14 Butiran 040000 – Kerajaan Tempatan.

Tuan Pengerusi, baru-baru ini isu pilihan raya bagi melantik kerajaan tempatan muncul semula dan menarik minat orang ramai. Ini berikutan seruan penasihat khas kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Tan Sri Razali Ismail yang mengesyorkan supaya pilihan raya bagi kerajaan tempatan dipulih semula.

Rakyat telah bosan mendesak supaya sikap dan kerja-kerja yang perlu dijalankan oleh kerajaan tempatan perlu diperbaiki. Kerajaan tempatan di segi prestasi, kecekapan, keberkesanan telah merosot dan malahan juga sikap yang angkuh dan sombong juga. Ini adalah kerana ahli-ahli majlis tempatan dilantik oleh parti-parti komponen Barisan Nasional. Pada setiap akhir tahun berlumba-lumbalah parti-parti komponen Barisan Nasional untuk mengesyorkan calon-calon mereka supaya dilantik dan kadang-kadang pergaduhan pun berlaku di antara satu parti dengan yang lain kerana hendak mengesyorkan calon-calon mereka.

Selepas dilantik, mereka tidak perlu bertanggungjawab kepada rakyat kerana mereka dilantik melalui parti-parti mereka dan tidak perlu

bertanggungjawab kepada rakyat. Mereka akan menggunakan jawatan mereka untuk mencari kepentingan bagi diri sendiri lebih dari kepentingan rakyat.

Tuan Pengerusi, dengan penswastaan perkhidmatan pembetulan dan mengutip sampah-sarap termasuk mencuci longkang dan sapu jalan, apa tinggal lagi kerja-kerja kerajaan tempatan. Kerja yang perlu dilakukan oleh kerajaan tempatan mungkin adalah seperti menanam pokok, menanam bunga, meluluskan pelan-pelan pembangunan dan juga meluluskan lesen-lesen perniagaan, bidang inilah yang paling digemari atau disukai oleh ahli-ahli majlis kerajaan tempatan.

Tuan Pengerusi, di Pulau Pinang ada dua kerajaan tempatan iaitu MPSP dan MPPP. Pada masa dahulu Yang di-Pertua kedua-dua majlis ini dipegang oleh kakitangan kerajaan kanan, tetapi kini dilantik dan dipegang oleh ahli politik. Misalannya di Seberang Perai (MPSP) dipegang oleh ADUN Penanti, di Pulau Pinang (MPPP) dipegang oleh ADUN Kebun Bunga.

Tuan Pengerusi, MPSP telah jadi angkuh dan sombong, dalam masa kegawatan ekonomi Kerajaan Pusat dan juga pemimpin-pemimpin kerajaan menggesa supaya semua rakyat boleh berjimat cermat, tetapi di Kerajaan Tempatan Seberang Perai, mereka membelanjakan satu jumlah RM7.1 juta untuk tiga tahun untuk tender menanam bunga-bunga annual sahaja – bunga-bunga jiwa pendek iaitu annual sahaja. Ini tidak termasuk menanam pokok, tidak termasuk kerja-kerja menghidupkan kawasan, RM7.1 juta untuk 36 bulan, bermakna satu bulan mereka belanja lebih kurang RM200,000 untuk menanam bunga-bunga annual sahaja di persimpangan-persimpangan jalan.

Saya telah bangkitkan isu ini dalam Dewan yang mulia ini pada awal tahun ini tetapi mereka terus menjalankan kerja-kerja ini juga. Kontrak ini bermula pada awal tahun ini dan akan berlanjutan selama tiga tahun. Jikalau kerajaan tempatan ini dipilih oleh rakyat mesti rakyat akan menentang kepada sikap mereka ini.

Saya fikir perbelanjaan ini boleh dijimatkan dan digunakan untuk memberi perkhidmatan yang lebih bermakna kepada rakyat dan bukan untuk menanam bunga-bunga annual sahaja di persimpangan jalan-jalan. Tidak lama lagi mungkin kami akan menyaksikan satu bencana La-Nina di kawasan utara ini, jikalau La-

Nina sampai dan air bah atau banjir berlaku di sana sini, ini adalah kerja yang lalai oleh kerajaan tempatan kerana seperti apa yang telah dikatakan tadi oleh Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mertajam, kadangkala ada parit yang tidak dicuci selama sepuluh tahun, semua tersumbat.

Jadi jika satu bencana berlaku dengan begitu teruk nampaklah prestasi dan keberkesanan Kerajaan Tempatan ini.

Tuan Pengerusi, maksud B.16 juga Butiran 040000 – mengenai bomba dan penyelamat. Tuan Pengerusi, telah timbul berkali-kali Ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini membangkitkan masalah pili-pili bomba. Siapa sebenarnya menjaga pili-pili ini? Jika sebuah pili bomba telah dilanggar oleh kereta, bila laporan dibuat kepada bomba, mereka kata, ini pihak berkuasa air yang jaga. Kalau jumpa pihak berkuasa air, mereka kata bomba pula yang jaga. Jadi mereka ini bertolak-tolaklah tanggungjawab antara satu dengan lain.

Tuan Pengerusi, pasukan bomba sukarela. Pada masa sekarang kerajaan juga menggalakkan supaya pasukan bomba sukarela dapat ditubuh di tempat-tempat berkenaan tetapi peralatan-peralatan ini sukar sekali didapati dari kerajaan atau bantuan sukar didapati. Mereka kena mencari sumber kewangan sendiri untuk membeli kereta bomba, untuk membeli kelengkapan-kelengkapan bomba juga. Dan jika ada, wakil rakyat dari kawasan berkenaan akan mengumumkan peruntukan untuk membeli kelengkapan-kelengkapan tetapi kami Ahli Yang Berhormat daripada parti pembangkang, kami tidak ada apa-apa peruntukan untuk membantukan mereka. Tiada peruntukan langsung untuk membantu mereka dan mereka akan mencari wakil rakyat dari parti Barisan komponen di kawasan sana. Mereka melalui menteri-menteri, melalui exco-exco atau melalui wakil rakyat dari jirannya untuk mendapatkan peruntukan membeli alat-alat dan mereka akan mencari publisiti dan mendapat kredit untuk perbelanjaan itu.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, masa cukup.

Tuan Lim Hock Seng: Ya, lagi sedikit sahaja.

Tuan Pengerusi, saya merayu kepada pihak kerajaan supaya ditetapkan satu peraturan pada sesuatu pasukan bomba sukarela, mereka diwajibkan mendapatkan satu senarai kelengkapan supaya siapa-siapa pun tidak dapat kata, ini saya yang cari, ini saya yang beri, kepada semua ini juga akan menggalakkan pasukan bomba sukarela ditubuh jikalau dengan satu peraturan yang sedia ada oleh kerajaan memberi kepada mereka kelengkapan dan peralatan. Sekian, sahaja.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Parit Buntar.

4.52 ptg.

Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman [Parit Buntar]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin bercakap sedikit sahaja tentang kepala B.14 – Butiran 01500 – mengenai masalah perumahan awam kos rendah yang saya rasa bukanlah satu masalah baru.

Kita sudah dengar cerita ini daripada Rancangan Malaysia Kelima, Enam, Tujuh tidak pernah cukup, tidak pernah pun kita dapat mencapai memenuhi target rancangan-rancangan ataupun jumlah unit yang hendak dibina, yang dirangka dalam rancangan tersebut dapat dipenuhi. Berbagai masalah telah diketengahkan mengenai kelemahan ini dan saya rasa masanya mungkin sudah sampai untuk kita menggunakan approach barulah untuk mengatasi masalah ini, sebab kita lihat kalau dahulu mungkin masalah perumahan ini bukanlah merupakan satu masalah yang serius tetapi pada masa-masa yang akan datang, saya yakin kalau masalah ini tidak ditangani, dia merupakan satu masalah sosial yang amat berat dan mungkin akan menjejaskan kewibawaan kerajaan. Sebab dahulu kalau orang tidak ada rumah, tidak ada tanah, tidak dapat beli rumah kos rendah dia boleh bina rumah di kampung, sekarang apabila bekalan tanah makin berkurangan, dan rakyat makin bertambah, maka lebih ramai orang yang memerlukan rumah.

Masalah yang kita hadapi sekarang misalnya, seperti mana yang disebut oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang bercakap sebelum saya, misalnya kalau rancangan yang di tanah-tanah kerajaan yang diswastakan, banyak daripada syarikat yang mendapat projek ini sebenarnya walaupun dalam terma perjanjian itu mereka harus menyediakan 30% atau lebih rumah kos rendah tetapi pengalaman masa lalu menunjukkan bahawa mereka ini tidak begitu serius untuk memenuhi obligation ini. Tumpuan selalunya diberikan kepada pembinaan rumah-rumah kos tinggi ataupun perumahan mewah kerana motivasi mereka ialah untuk mendapat keuntungan dan pihak berkuasa tempatan pula setengah-setengahnya tidak begitu bersungguh-sungguh untuk inforce ataupun menguatkuasakan syarat itu sehingga ada misalnya, kalau ada sesuatu syarikat itu diberikan tanah, dia harus membina rumah kos rendah di kawasan yang sama tetapi oleh kerana tanah itu merupakan kawasan yang mewah ataupun prime location maka syarikat berkenaan boleh berunding pula dengan majlis tempatan untuk menempatkan rumah-rumah ini di kawasan yang lebih jauh daripada kawasan yang utama tadi.

Jadi akibatnya pada jangka masa yang panjang, orang-orang yang membeli rumah kos rendah ini yang kebanyakannya terdiri daripada golongan yang berpendapatan rendah terpaksa dipindahkan ke kawasan jauh di luar bandar. Ini pada masa jangka panjangnya mungkin mengakibatkan satu fenomena di mana masyarakat kita akan dipisahkan daripada mainstream society. Kalau misalnya, ini pula melibatkan kaum, kalau misalnya kebanyakan daripada pendapatan golongan yang berpendapatan rendah ini terdiri daripada golongan bumiputera misalnya maka dengan sendirinya secara jangka panjangnya mungkin golongan ini akan terpisah daripada mainstream masyarakat itu.

Jadi saya juga melihat kalau contoh yang diberikan oleh Ahli Yang Berhormat dari Johor Bahru tadi yang mengambil pengalaman daripada Singapura. Kalau misalnya Singapura walaupun negeri itu kecil, berjaya mengatasi masalah perumahan awam ini dengan baik, saya tidak nampak kenapa kita tidak boleh menjadikan approach ataupun model mereka sebagai contoh.

Satu perkara yang mungkin mengakibatkan masalah ini ialah kerana banyaknya agensi yang terlibat dalam usaha pembinaan rumah kos rendah ini

walaupun baru-baru ini kita telah tubuhkan Syarikat Perumahan Negara tetapi nyata bahawa syarikat ini tidak dapat bertindak cepat untuk memenuhi permintaan yang begitu banyak untuk rumah jenis ini.

Jadi, mungkin salah satu daripada cara yang boleh kita buat ialah untuk coordinate semua agensi yang terlibat dengan pembinaan rumah kos rendah ini termasuklah swasta, agensi-agensi, perbadanan-perbadanan negeri dan sebagainya supaya merangka satu pelan jangka panjang berapa sebenarnya yang kita perlukan untuk mengatasi masalah ini. Satu lagi langkah (approach) yang boleh dipertimbangkan ialah walaupun pihak swasta ini enggan untuk membina rumah kos rendah ini, kita jangan paksa mereka. Mungkin kita boleh perkenalkan satu cara di mana mereka boleh dikenakan surcaj. Misalnya, syarikat A yang ditugaskan untuk membina 30 peratus atau lebih rumah kos rendah dalam projek mereka, mereka enggan membina ataupun tidak dapat memenuhi target ini, mungkin kita tidak payahlah suruh mereka buat juga tetapi kita kenakan surcaj. Kalau misalnya harga sebuah rumah kos rendah itu RM25,000, jadi kita minta syarikat itu, instead of, dengan izin, membina rumah kos rendah, mereka dikenakan surcaj, RM20,000 atau RM25,000kah kerana wang ini boleh kita kumpul dalam satu tabung.

Sekarang ini kita sudah ada Tabung Perumahan Negara yang tugas sebenarnya adalah untuk bridging finance, dengan izin, untuk syarikat-syarikat perumahan tetapi tabung yang saya cadangkan ini ialah untuk membiayai pembelian rumah kos rendah oleh masyarakat yang berpendapatan rendah – mungkin kita boleh beri subsidi untuk mereka yang tidak mampu. Sebab saya kata begini ialah kerana kalau dahulu harga rumah kos rendah ini ditetapkan pada kadar RM25,000 seunit pun ramai orang yang tidak dapat membeli terutama sekali masyarakat bumiputera yang tinggal di bandar-bandar kecil tidak dapat membeli rumah berharga RM25,000. Sekarang kita sudah naikkan RM40,000, RM42,000

dan RM45,000 seunit saya rasa – terpulang kepada lokasi, maka saya tidak nampak cara macam mana mereka boleh beli.

Jadi, mungkin dengan mengenakan surcaj kepada syarikat-syarikat perumahan atau syarikat-syarikat pembinaan yang besar-besar ini dan kita kumpulkan wang surcaj itu dalam satu tabung yang kemudiannya boleh kita gunakan untuk memberi subsidi kepada golongan-golongan yang tidak mampu untuk membeli rumah kos rendah ini. Saya rasa ini satu cara, kalau tidak mungkin, saya takut, suatu hari nanti kita akan melihat satu polarisasi kaum yang begitu jelas dalam pemilikan rumah di kalangan masyarakat kita dan secara jangka panjangnya ia mungkin akan mengakibatkan demografi para penduduk di negara kita.

Tuan Pengerusi, saya ingin beralih kepada soalan bomba sukarela yang memang saya bersetuju dengan Ahli Yang Berhormat dari Bagan tadi – sudah banyak ditubuhkan dalam banyak tempat tetapi salah satu daripada masalah yang saya lihat ialah kerana mereka ini secara sukarela di samping tidak mendapat kemudahan-kemudahan atau alat-alat yang perlu, yang moden yang perlu mereka miliki, mereka juga menghadapi pelbagai masalah lagi. Salah satu daripada masalah yang pernah dirujuk kepada saya ialah kesukaran untuk mendapatkan – katalah misalnya peralatan kereta dan sebagainya untuk menarik mesin bomba ini.

Saya dapati ada setengah-setengah daripada bomba sukarela ini membeli komponen-komponen kereta yang second hand daripada luar negara dan dipasang di dalam negara tetapi saya difahamkan terdapat satu peraturan yang dikenakan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan yang tidak membenarkan komponen-komponen terpakai yang diimport daripada luar negara untuk dipasang di dalam negara. Jadi, mereka menghadapi masalah sebab mereka hanya boleh membeli komponen-komponen yang terpakai, kalau hendak membeli yang baru memang mahal, jadi mereka beli komponen yang terpakai yang harganya agak rendah, kemudian

dipasang di dalam negara tetapi apabila tiba masa untuk mendaftarkan kereta bomba ini dengan pihak JPJ, mereka selalunya menghadapi masalah sebab ada peraturan yang saya difahamkan telah diluluskan oleh Kabinet. Itu satu masalah.

Satu lagi masalah yang mereka hadapi ialah untuk mendapat pengecualian daripada cukai jalan. Walaupun lazimnya kita terpaksa beri sokongan, mereka jumpa wakil rakyat, wakil rakyat terpaksa kena berulang alik dengan JPJ – selalunya mereka boleh beri tetapi apa salahnya. Saya minta Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan bekerjasama dengan Jabatan Pengangkutan Jalan untuk memberikan, dengan izin, blanket exemption, memberikan pengecualian menyeluruh kepada bomba sukarela ini supaya mereka tidak dikenakan cukai jalan. Jadi, tidak payahlah mereka berulang-alik, minta surat sokongan daripada orang-orang tertentu untuk mendapat pengecualian – kita beri blanket permission.

Tuan Pengerusi, saya rasa hanya itulah yang hendak saya sebut dan saya sangat-sangat berharap supaya apa yang saya timbulkan ini kalau boleh biarlah kita beri perhatian yang serius.

Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Batang Lupar.

5.05 ptg.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Batang Lupar]: Tuan Pengerusi, sampai juga giliran. Terima kasih. Sebenarnya kali ini saya tidak bercakap panjang, saya biasa cakap pendek tetapi cakap sekali ini yang pendek sekali. *[Tepuk][Ketawa]* Ada minat, ada minat, memang Ahli Yang Berhormat dari Kepong berminat. Datanglah sekali-sekala ke Batang Lupar, kalau tidak dimakan buaya, dimakan oleh ikan. *[Ketawa]*

Saya menyentuh Butiran 06000 – Lanskap Negara. Tadi, Yang Berhormat dari Bagan menyentuhkan menanam pokok dan sebagainya. Pada tahun ini, kalau tidak salah saya ialah tahun untuk menanam pokok dan greening of the world. Kalau tidak salah sayalah, jadi kerajaan kita terlibat dalam kempen menanam pokok. Jadi, saya tidak bersetuju dengan Yang Berhormat dari Bagan mengenai soal menanam pokok ini kerana saya terlibat menanam pokok di Kuching – banyak! Semua saya gerak – ahli-ahli persatuan, ahli-ahli NGO terlibat – beribu-ribu pokok kita tanam kerana kita hendak capai satu matlamat. Seseorang di Malaysia mesti menanam satu pokok setahun, jadi kenapa pula Yang Berhormat tidak bersetuju?

Tuan Lim Hock Seng: *[Bangun]*

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Jadi, walaupun macam....tunggu dulu Yang Berhormat, belum habis cerita sudah kacau ini, ini yang tidak boleh cepat ini. Yang kita kena tanam pokok dan bunga bukan sahaja untuk mencantik dan mewarna-warnikan bandar dan negara kita tetapi juga untuk menghidupkan negara kita. Jadi, ini adalah penting dan mesti dilaksanakan walaupun saya juga bersetuju tidaklah at the expense of, dengan izin, longkang yang tidak dijaga, jalan yang tidak jaga dan kemudahan-kemudahan lain kerana kemudahan lain adalah utama, menanam pokok ialah yang kedua, boleh ditanam dengan harga yang murah dan libatkan Ahli-ahli Yang Berhormat seperti Bagan umpamanya.

Tuan Lim Hock Seng: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Tadi saya kata bunga-bunga annuals – tempoh hayat pendek! Ia cuma hidup satu bulan sahaja - tiap-tiap bulan kena tukar. Pokok saya setuju, pokok kita tanam satu kali boleh tahan berpuluh-puluh tahun.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Okay, Yang Berhormat, cerita you sudah habis. Tidak boleh cakap panjang ini – kena sepuluh minit

sahaja. Jadi, saya bersetuju walaupun benda ini, Tuan Pengerusi, kita ada botanist di sini, penasihat saya! [*merujuk kepada Ahli Yang Berhormat dari Labuan*] Dia tahu soal fauna and flora ini, jadi tiap-tiap kali saya bercakap salah sedikit, dia tegur saya. Jadi, saya tahu! Selagi benda yang boleh photosynthesize atau ‘mengimitkan’ oksigen itu boleh ditanam – mendatangkan hasil kepada negara kita secara tidak nampak. Jadi, apa sahaja benda yang ditanam kena betul jugalah, kita pilih pokok-pokok yang sesuai supaya boleh tahan lama sedikit dan boleh mengeluarkan lebih panjang lagi umurnya. Jadi.....

Tuan Lim Hock Seng: Ya, ya. Betul, betul.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:jangan bantah secara blanket, Yang Berhormat ya. Kena kita bantah benda yang tidak sesuai kita setuju dengan perkara yang sesuai.

Tuan Lim Hock Seng: Betul, betul.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Jadi, saya pindah daripada situ. Yang kedua, tadi saya dengar Yang Berhormat dari Wangsa Maju bercakap soal perumahan. Saya pernah membangkitkan kepada kementerian di bawah Butiran 010400. Jadi, Yang Berhormat dari Wangsa Maju mengatakan sepatutnya satu badan kerajaan mungkin mengambil alih tapak perumahan yang telah diberi oleh pihak kerajaan yang memberi tanah itu yang tidak membinakan rumah kos murah di tanah-tanah yang telah diberi oleh kerajaan sebab kelalaiannya ialah dia bina rumah yang mahal dahulu, yang kos sederhana dahulu, kira hendak dapat duit. Lepas dapat duit mungkin sepuluh tahun down the road baru bina rumah kos rendah. Ini saya setuju memang tidak betul sekali ini, saya pernah mencadangkan kepada menteri iaitu sepatutnya kita bina rumah kos murah dahulu. Selepas habis rumah kos murah dijual, baru kita bina yang sederhana – ambil untung selepas itu. Orang ini kalau tidak ada duit untuk investment jangan beri kontrak dengannya, jangan beri tanah dengan dia orang.

Seorang Ahli: Ya.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: *[Berpusing memandang ke belakang]* Eh, siapa yang bercakap tadi. *[Ketawa]* Oh, tidak apalah bersetujulah itu. Jadi, di samping apa Yang Berhormat dari Wangsa Maju cakap, kalau kita minta badan kerajaan mengambil – mungkin terlibat dengan pengambilan NPL, pengambilan hutang dan sebagainya, mungkin masalah. Saya ada satu cadangan juga di samping cadangan itu, walaupun saya bersetuju iaitu tiap-tiap kali kita beri tanah dengan pihak swasta atau syarikat ini, kita berikan satu ‘condition’, dia mesti binakan rumah kos rendah dahulu, kalau dia tidak bina rumah kos rendah dahulu, tarik balik – tidak kira – semua kosnya, belanjanya, premium yang dia sudah bayar kita tarik balik semua, biarkan dia! Alasannya kita mesti kena buat rumah kos rendah dahulu sebelum kita hendak buat rumah kos sederhana dan mahal yang kita hendak ambil keuntungan ini. Dia sudah banyak duit! Yang papa kedana ini yang perlu pembelaan kita, perlu rumah murah. Jadi, saya berharap pihak kerajaan bertegas dalam hal ini. Mana satu yang kita hendak pilih – yang kita sayang. Yang papa kedana, yang ramai beribu-ribu tidak dapat rumah beranak pinak, beristeri dua yang tidak mendapat rumah juga, inikah kita hendak bela ataupun orang yang sudah kaya raya ini – hanya segelintir kecil sahaja daripada kalangan rakyat Malaysia. Jadi, saya berharap Dato’ Setiausaha Parlimen Kementerian *[Ahli Yang Berhormat dari Padang Besar]* tolong tekankan perkara ini....

Seorang Ahli: Bukan, Timbalan Menteri.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Oh, Timbalan Menteri, saya minta maaf ya, saya minta maaf. *[Ketawa]* Kadang-kadang ada juga terganggu, ‘Kepong’ mengganggu. Ha, dia ganggu, selalu dia ganggu saya. *[Ketawa]* Dia sudah jadi Ketua Pembangkang, selalu dia kata dia lawan Ketua Pembangkang, Ketua Pembangkang, lain kali kena berjaga-jaga dengan dia, macam Ahli Yang Berhormat dari Seputeh nanti!

Jadi, Tuan Pengerusi, kita perlu melihat keperluan yang mana kita utamakan syarikat-syarikat inilah ataupun masyarakat yang beribu-ribu yang berkehendakkan rumah murah. Kita pertekankan persoalan ini.

Jadi perkara kedua, kerana saya sudah janji cakap sedikit sahaja Tuan Pengerusi, jadi kita kena beri keutamaan dan kalau kita tidak bina rumah ini, tanah dah beri, premium sudah bayar, infrastruktur sudah buat, ground work sudah buat kita tarik balik tanah dia. Duit yang dia belanja kita punya. Lepas itu cari kontraktor yang baru kita offer dengan syarat yang lebih baik kepada kerajaan, iaitu kita bina lagi oleh kerana infrastruktur, premium sudah bayar, syarikat yang ambil alih baru itu kita buat macam itu juga. Sepanjang-panjang kita akan bina banyak lagi rumah dengan syarat yang demikian. Kita mesti jangan takut kepada orang yang buat salah, kita jangan takut kerana kita betul. Bukan kerana kita sayang dengan institusi tersebut, bukan kita tidak sayang, sebab kesayangan itulah kita sebut, kita sayang dengan pemaju, kita sebut kesalahan pemaju, kita minta dia diperbaiki. Inilah cerita pendek dari saya ini.

Saya pindah kepada soalan bomba. Sebenarnya pagi tadi saya hendak soal. Kalau saya dapat soal pagi tadi Dato', saya tidak bangun cakap ni. Saya hendak tanya kepada Timbalan Menteri soalan bomba kampung atau bomba sukarela. Kita tidak minta di Sarawak banyak kampung dari Lubok Antu, dari Lanang, Selangau, Kapit, Labuan, macam-macam lagi kampung di Semananjung Malaysia dan Sabah. Banyak kampung-kampung yang tidak ada perkhidmatan bomba. Jadi kampung yang tidak ada perkhidmatan bomba ini, apa hendak buat kalau kebakaran. Buat macam ini sahaja [*berpeluk tubuh*], 'timba bringed' pun tidak boleh buat. Air jauh, air tidak ada, tempat becak dan sebagainya - banyak kesusahan. Kita hendak gunakan cara lain selain cara bomba tetapi, tidak dapat juga disebabkan oleh masalah pengangkutan, jauh dan sebagainya.

Oleh itu kita mencadangkan bomba secara sukarela...

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat masa sudah cukup.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Cadangan saya sukarela ini jangan cara yang dicadangkan dalam ini, saya minta kerajaan menetapkan macam mana buat Pusat Giat MARA. Letakkan setiap kawasan ahli Parlimen tiap-tiap tiga atau empat tempat secara menyeluruh. Kita buat dasar. Ahli Parlimen akan menentukan tiap-tiap kampung yang ditentukan atau yang dikenal pasti mengadakan jawatankuasa Bomba Sukarela dan kerajaan memberi peruntukan untuk buat pump air atau sebagainya. Tidak banyak ni, jikalau di Sarawak rumah panjang paling banyak tidak lebih dari RM10,000. Ini kalau dipandang dari negeri Sarawak. Lima belas rumah panjang tahun ini terbakar, di kawasan saya ada tiga dan orang ini tidak ada insurans, tidak ada apa, bila jadi kebakaran dia orang itu semua jadi PPRT, jadi Yang Berhormat Datuk saya ucapkan terima kasih kerana beri saya masa yang pendek. Terima kasih.

5.14 ptg.

Tuan M. Kulasegaran [Teluk Intan]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh Butiran 010600 dan 03000. Tuan Pengerusi, fakta yang kena mengena dengan perumahan adalah Akta Perumahan 1966. Di mana peruntukan-peruntukan yang sedia ada memastikan bahawa jika pemaju ingin memajukan perumahan perlu lesen yang tertentu. Jika dia membina rumah lebih dari lima buah rumah dia perlukan satu lesen dan kurang dari itu tidak perlu. Akan tetapi baru-baru ini saya dapat tahu bahawa ramai pemaju telah dapat satu jalan untuk tidak terikat dengan akta tersebut. Satu cara menyeleweng.

Saya menyentuhkan satu perkara di kawasan saya sendiri di mana satu rumah yang dikatakan shop office yang tidak terikat dengan Akta Perumahan. Apakah sebabnya ini boleh berlaku. Kerana bila kita mengatakan shop office senang dikatakan untuk seorang pemaju menjual rumah kedai tersebut. Akan tetapi kalau kita tengok cara-cara rumah kedai itu dibuat, ciri-cirinya sama dengan shop house - tidak ada beza. Hanya dari, pengetahuan saya, kalau di tingkat satu atau tingkat 2 shop office yang dikatakan tidak ada bilik atau kitchen. Selepas rumah-rumah ini disiapkan mereka mendirikan bilik, dan kitchen dan sebagainya. Yang menjadi masalah pada pembeli-pembeli rumah 'shop office' adalah tidak

ada apa-apa peruntukan atau pengawal selia oleh kerajaan tempatan. Apakah ini telah dibenarkan wujud.

Apakah sebab keutamaan atau kelonggaran telah diberi kepada pemaju-pemaju ini. Di kawasan saya sendiri juga terdapat aduan di mana pemaju-pemaju sebelum memajukan sesuatu projek telah mengambil wang deposit 10%. Dan dari pengetahuan saya, ini adalah salah dari segi undang-undang kerana Akta Perumahan 1966 memastikan bahawa hanya selepas perjanjian telah ditandatangani wang deposit 10% ini dapat diambil. Jadi dalam hal ini berapakah pemaju-pemaju di seluruh negara yang tidak ikut arahan atau undang-undang yang sedia ada.

Saya masih ingat enam bulan dahulu, Menteri berkenaan telah berkata di Ipoh bahawa show houses di mana beberapa rumah ditunjukkan sebelum dijual. Tetapi apabila ia ditunjukkan untuk pembeli-pembeli dan selepas rumah itu siap adalah didapati rumah tersebut berbeza dengan rumah yang ditunjuk. Beberapa aduan telah dibuat oleh beberapa pembeli dan apakah tindakan yang telah diambil terhadap pemaju-pemaju tersebut.

Dalam hal ini juga saya ingin menyentuh Tuan Pengerusi, bahawa dari segi undang-undang Akta Perumahan mereka perlu adakan akaun semasa di mana duit dikreditkan adalah dari pihak yang membeli rumah itu, apa-apa bayaran yang diterima oleh pemaju hendaklah dikreditkan di bank dan hanya digunakan untuk projek perumahan. Tetapi yang kita semua tahu beberapa projek yang telah diberhentikan itu di seluruh negara adalah disebabkan penyelewengan pemaju-pemaju.

Dalam hal ini apakah tindakan yang telah diambil dan berapakah penyelewengan pemaju-pemaju yang terlibat dalam perkara ini dan apakah tindakan tegas yang telah diambil terhadap director-director pemaju-pemaju tersebut. Dalam hal ini adakah apa-apa tindakan criminal yang telah diambil supaya sebagai satu tindakan yang tegas supaya lain-lain pemaju tidak akan membuat penyelewengan seperti ini.

Tuan Pengerusi, dalam hal ini juga didapati bahawa peguam-peguam yang telah dilantik untuk pembeli-pembeli rumah-rumah pemaju. Dari segi undang-undang mereka tidak boleh mewakili kedua-dua pihak iaitu pembeli dan penjual tetapi ada juga syarat di mana jika pembeli memberitahu atau setuju bahawa dia melantik seorang peguam, dia tidak kisah asalkan peguam ini juga mewakili pemaju dan beliau sendiri menandatangani surat tersebut maka itu sah. Tetapi yang kita tahu Tuan Pengerusi, bargaining power of party, jadilah masalah di mana kerap kali bila seseorang hendak membeli rumah, dia pergi ke pemaju, pemaju kata “pergi ke peguam A sahaja, kalau lain peguam tidak boleh.” Bila kita pergi ke peguam sana dia mengatakan kalau you mahu pilih saya, saya akan mewakili pemaju juga, walaupun surat ditandatangani oleh pembeli tetapi bargaining powers of party yang tidak diambil kira oleh akta kerana pembeli, dengan izin, is not in the situation to bargain. In fact, at that material time, he is the beggar. Tidak ada pilihan.

Jadi kita perlu memastikan seperti di Singapura dan lain-lain negara di mana jika seorang pembeli memilih peguam, peguam itu tidak boleh mewakili pemaju dalam apa cara pun walaupun dipersetujui oleh pembeli. Ini saya ingat mustahak kerana ia memberi lebih keutamaan supaya pembeli sebuah rumah dapat pengadilan, apa-apa tindakan perlu diambil, peguam itu akan mewakili dia dan bukan pemaju di mana selalunya kita ada situasi di mana conflict of interest. Bila ada conflict of interest kerap kali kita nampak peguam itu akan memilih pemaju kerana dia ada banyak rumah untuk dijual, dia boleh cari makan, dengan izin.

Tuan Pengerusi, selain dari itu saya juga ingin menyentuh mengenai majlis tempatan di mana sebelum ini kita telah dengar di mana ahli majlis tempatan dilantik. Sebenarnya lebih kurang satu minggu sebelum ini, Yang Berhormat Timbalan Menteri sendiri dalam satu interview telah menyatakan, dengan izin, “no need, local election will politicise the issue”. Tetapi Yang Berhormat Timbalan

Menteri hanya menyuarakan dan keinginan Barisan Nasional tetapi tidak mempedulikan hak-hak rate payers di negara ini.

Kita tahu apa yang terjadi di kebanyakan negara di dunia ini di mana pilihan raya majlis tempatan telah membawa banyak kebaikan di mana ada check and balance, tidak perlu jauh kita pergi ke kawasan saya sendiri, di mana baru-baru ini bila mereka mengadakan mesyuarat saya sendiri telah pergi ke mesyuarat itu sebagai seorang observer. Kali pertama saya dibenarkan. Kali kedua pada 31 November bila saya berada di tempat tersebut pada pukul 9.00 pagi saya telah diberitahu mesyuarat akan bermula pada 9.30 pagi. Lepas itu bila saya tunggu sampai 9.30 pagi dikatakan ke pukul 10.00 pagi dan bila saya ada hingga 10.00 pagi dan selepas itu, satu resolusi telah dipaskan oleh majlis mesyuarat menyatakan “Kulasegaran tidak dibenarkan masuk” dan alasan mereka adalah apabila saya masuk, saya dengar cerita, saya keluar dan memberitahu kepada rakyat di Teluk Intan, apa yang mereka bincangkan di sana bukanlah untuk kepentingan orang-orang Teluk Intan.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, masa sudah cukup.

Tuan M. Kulsegaran: Saya gulung. Jadi dalam hal ini kita perlu tahu bahawa seperti yang dikatakan oleh Tan Sri Razali baru-baru ini local election is a necessity, dengan izin. Jadi kita perlu tahulah mungkin satu perubahan, jangan kita ikut cara yang lama, kita perlu tahu sebelum ini cara-cara reformasi atau cara-cara yang baik. Kalau baik kita jangan takut, jangan segan, kita terima sahaja. Asalkan ia untuk kebaikan rakyat Malaysia, asalkan untuk kebaikan semua kita terima, tidak kisah. Jangan kita segan, takut dan sebagainya.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, Seremban.

5.28 ptg

Dato' Hon Choon Kim [Seremban]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya juga ingin mengambil kesempatan untuk membahaskan Maksud B.14 Butiran 040000 Kerajaan Tempatan. Mulanya saya tidak setuju supaya ahli atau ahli majlis daerah dipilih melalui satu pilihan yang disebutkan oleh ahli-ahli dari parti pembangkang. Saya ingat mereka pun tidak pernah duduk sebagai ahli majlis maka mereka tidak tahu fungsinya sebagai ahli majlis.

Pada hemat saya kita akan memasuki satu alaf baru, millennium baru dan memang mempunyai banyak cabaran di mana kehendak rakyat, harapan rakyat pun meningkat. Mereka berharap bahawa kerajaan tempatan, majlis-majlis daerah boleh memberikan perkhidmatan yang lebih baik. Oleh kerana itu saya cadang tidak perlu melalui satu sistem pemilihan tetapi mesti kemaskinikan pentadbiran kerajaan tempatan supaya dia dapat berfungsi untuk memenuhi cabaran-cabaran untuk masa akan datang.

Saya rasa perkara yang penting ialah untuk melantik seorang Yang di-Pertua sepenuh masa (full-time). Pada masa sekarang ini kebanyakan majlis-majlis daerah, jawatan Yang di-Pertua disandang oleh seorang part-time sahaja, separuh masa. Biasanya dipegang oleh Pegawai Daerah, misal katanya di Seremban. Majlis Daerah Seremban juga di mana Yang di-Pertuanya adalah dipegang oleh seorang Pegawai Daerah, bukan bermakna Pegawai Daerah Seremban itu tidak rajin. Beliau sangat rajin kerja tetapi fahamlah tentang tugas yang dilaksanakan yang dipikul oleh seorang Pegawai Daerah memang cukup banyak seperti Jawatankuasa Tanah, hendak pengerusikan mesyuarat-mesyuarat tanah, beliau juga Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Daerah, beliau juga dilantik sebagai Ahli Pembangunan Negeri, macam-macam lagi jawatankuasa yang perlu dihadiri. Oleh kerana itu masa untuk beliau memberi perhatian kepada majlis-majlis daerah memang tidak banyak. Oleh kerana itu biasanya diserahkan kepada Setiausaha Majlis Daerah.

Oleh kerana itu saya rasa masalah ini perlu kita mengambil satu perhatian yang begitu serius supaya dapat mengatasi masalah ini. Umpamanya, di daerah Seremban, tempat itu memang begitu berkembang dan bilangan penduduk pun telah bertambah maka tugas sebagai Yang di-Pertua juga bertambah. Jadi saya berharap supaya Yang Berhormat bolehlah mengambil perhatian tentang masalah ini supaya dapat melantik seorang Yang di-Pertua sepenuh masa untuk menangani atau memberi perkhidmatan yang lebih baik untuk rakyat di kawasan saya.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin sentuh tentang 00200 - Bantuan Khas Kepada

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat masa untuk hari ini sudah cukup, boleh sambung esok.

Dato' Hon Choon Kim: Terima kasih.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan sekarang sehingga jam 10.00 pagi esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.30 petang.